# ANALISIS KARYA-KARYA FIQH IBADAT DI MALAYSIA DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008

**ARMAN BIN YUSOP**

**JABATAN FIQH DAN USUL**
**BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH**
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2013**

# ANALISIS KARYA-KARYA FIQH IBADAT DI MALAYSIA DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008

**ARMAN BIN YUSOP**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II (SECARA BERKURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN FIQH DAN USUL**
**BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH**
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2013**

## UNIVERSITI MALAYA

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ARMAN BIN YUSOF (No. K.P/Pasport: 760714 08 5563

No. Pendaftaran/Matrik: IGA070004

Nama Ijazah: SARJAN SYARIAH (KD)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

ANALISIS KARYA KARYA FIQH IBADAT DI MALAYSIA DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh 10/7/13

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh 10/7/13

Nama:
Jawatan:

PROFESOR MADYA DR ABDUL KARIM ALI
Timbalan Pengarah Ijazah Dasar
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti karya-karya fiqh ibadat yang diterbitkan sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 1998 sehingga 2008. Sebanyak 50 karya fiqh ibadat yang dihasilkan dalam tempoh berkenaan dianalisis untuk mendapat data yang dikehendaki. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif berdasarkan empat aspek utama, iaitu metodologi penulisan dan penyusunan karya-karya, tema-tema, aliran pemikiran, serta bentuk karya. Hasil analisis secara keseluruhan mendapati metode penulisan dan penyusunan telah menampil pembaharuan iaitu dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, dan susunan tajuk yang baik serta terdapat 10 karya bergambar dan sebuah berjadual. Dari segi tema pula, karya-karya tersebut dapat dikategorikan kepada tema solat, puasa, haji dan umrah, bersuci, pengurusan jenazah, akikah serta pelbagai tema. Daripada tema-tema tersebut tema solat paling banyak diterbitkan iaitu 23 buah (46%). Manakala tema puasa iaitu 5 buah (10%) dan tema akikah paling sedikit dihasilkan iaitu sebuah (2%). Selain itu, didapati masih banyak karya fiqh ibadat pada tahun-tahun 1998-2008 berasaskan aliran mazhab Syafi‘i iaitu sebanyak 23 buah (46%). Ia juga, mendapati bahawa kebanyakan karya fiqh ibadat yang dihasilkan pada tahun-tahun tersebut berbentuk popular, iaitu sebanyak 41 buah (82%) berbanding berbentuk ilmiah hanya berjumlah 9 buah (18%). Rumusan kajian ini, mendapati bahawa perlu ada transformasi dalam penulisan karya-karya fiqh ibadat bagi menghasilkan karya-karya yang benilai. Karya-karya tersebut perlu ditulis secara kreatif dan kritis berdasarkan isu-isu semasa dengan berpandukan mazhab Syafi‘i serta bersifat lebih terbuka menerima pendapat mazhab lain dan ulamak kontemporari.

## ABSTRACT

This study examined the works of worship (ibadat), published over the past 10 years, from 1998 to 2008. A total of 50 works of ibadat produced during that period have been analyzed to obtain the required data. Those data were analyzed quantitatively and qualitatively based on four main areas, namely writing and compilation methodology works, themes, schools of thought, and academic and popular works. Overall, results of the analysis brought about the discovery of renewal using simple language, and well organised of topics as well as there are 10 pictures and a work schedule. In terms of theme, the work can be categorized into themes of prayer, fasting, Hajj and Umrah, purification, funeral rites, akikah and various themes. The most widely published theme is the prayer 23 (46%), While fasting theme is 5 (10%), and the least developed theme is Akikah 1 (2%). Additionally, there is still much work fiqh of worship in the years 1998-2008 based on the Shafi'i madhhab 23 or 46%. It is also found that many of work of ibadat produced in the years shaped the popular, totaling 41 (82%) compared to academic amounted to only 9 (18%). Summary of the study has shown that there should be a transformation in the writing of religious works in ibadat in order the works quality. These works should be written creatively and critically on current issues based on Shafi'i madhhab and being more open to the opinions of other madhhab and contemporary scholars

# PENGHARGAAN

**بسم الله الرحمن الرحيم**

الحمد لله الذي القائل : هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين الذي جاء مبينا للكتاب الحكيم وعلى آله وأصحابه أجمعين. أما بعد،

Bersyukur kepada Allah SWT kerana taufiq dan hidayahNya pengkaji dapat menyiapkan kajian ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan seorang penuntut ilmu. Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abd Karim Bin Ali selaku penyelia yang telah memberi bantuan dan tunjuk ajar sepanjang masa bagi menyiapkan disertasi ini. Semoga segala ilmu dan jasa baik yang dicurah oleh beliau mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah SWT.

Ucapan terima kasih ditujukan kepada Dato' Prof. Dr. Mahmood Zuhdi, Prof. Madya Anisah Abd Ghani, Prof. Madya Datin Faizah Ismail, Prof. Madya Datin Noor Naemah Abd Rahman, Prof. Madya Raihanah Hj Azahari dan Prof. Madya Shamsiah Muhamad, yang sudi mengajar dengan penuh dedikasi dan tidak jemu mengemukakan idea-idea yang bernas, motivasi, dan tunjuk ajar. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Saadan bin Man dan Dr. Lukman bin Abdullah yang sudi mengemukakan idea-idea yang bernas dalam menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Sekalung penghargaan juga kepada pihak

Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, dan lain-lain.

Istimewa buat ayahanda dan bonda, isteri Suhana bt Ibrahim dan anak-anak, ayahanda dan ibunda mertua, dan sahabat handai yang telah memberikan sumbangan pemikiran dan bantuan kewangan terutama sekali Ust. Muhd Fazali Abd Manas. Pengkaji ucapkan ribuan terima kasih dan mendoakan agar kalian sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan daripada Allah SWT.

Arman bin Yusop

Jabatan Fiqh & Usul,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

Maahad Tahfiz al-Quran al-Iman,

Lot 1594, Kg. Menderang,

35600 Sungkai,

Perak Darul Ridzuan.

Email : abu_izi@yahoo.com.my

Fb : Arman Yusop al-Iman

12 Julai 2013.

## DAFTAR ISI


| ISI KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| Halaman Judul | ii |
| Abstrak | iii |
| *Abstract* | iv |
| Penghargaan | v |
| Daftar Isi | vii |
| Senarai Kependekan | xi |
| Panduan Transliterasi | xii |


## BAB PERTAMA

## PENDAHULUAN


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | PENDAHULUAN | 1 |
| 2.0 | LATARBELAKANG KAJIAN | 1 |
| 3.0 | MASALAH KAJIAN | 5 |
| 4.0 | OBJEKTIF KAJIAN | 7 |
| 5.0 | KEPENTINGAN KAJIAN | 8 |
| 6.0 | DEFINISI TAJUK | 9 |
| 7.0 | KAJIAN LEPAS | 10 |
| 8.0 | SKOP KAJIAN | 15 |
| 9.0 | METODOLOGI KAJIAN | 16 |
| 10.0 | SISTEMATIKA | 18 |

## BAB KEDUA

## KARYA FIQH DI MALAYSIA.


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | Pendahuluan | 20 |
| 2.0 | Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu | 20 |
| 3.0 | Perkembangan pengajian Fiqh Di Tanah Melayu | 22 |
| 4.0 | Penulisan Karya-Karya Fiqh Di Tanah Melayu | 31 |
| 5.0 | Karya-karya Fiqh di Tanah Melayu pada Kurun ke sembilan Belas | 32 |
| 6.0 | Karya-karya Fiqh di Tanah Melayu pada Kurun ke 20 hingga Merdeka | 34 |
| 7.0 | Karya-karya Fiqh di Tanah Melayu Selepas Merdeka hingga 1998 | 37 |
| 8.0 | Kesimpulan | 43 |


## BAB KETIGA

## KARYA-KARYA FIQH IBADAT DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008 DI MALAYSIA


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | Pendahuluan | 44 |
| 2.0 | Senarai Karya-Karya Fiqh Ibadat 1998 Sehingga 2008 di Malaysia | 45 |
| 3.0 | Kesimpulan | 129 |

## BAB KEEMPAT

## ANALISIS KARYA-KARYA FIQH IBADAT DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | Pendahuluan | 130 |
| 2.0 | Metode Penyusunan Dan Penulisan Karya | 130 |
| 2.1 | Metode Penyusunan | 131 |
| 2.2 | Pengunaan Tulisan | 133 |
| 2.3 | Metode Rujukan | 136 |
| 2.4 | Metode Persembahan | 138 |
| 3.0 | Tema-Tema Karya Fiqh Ibadat | 140 |
| 4.0 | Aliran Madhhab Karya Fiqh Ibadat | 143 |
| 5.0 | Bentuk-Bentuk Karya Fiqh Ibadat | 149 |
| 6.0 | Senarai Penerbit Karya Fiqh Ibadat | 151 |
| 7.0 | Senarai Penulis Karya Fiqh Ibadat | 154 |
| 6.0 | Kesimpulan | 158 |


## BAB KELIMA

## PENUTUP: KESIMPULAN DAN SARANAN


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | Pendahuluan | 162 |
| 2.0 | Kesimpulan | 161 |
| 3.0 | Saranan | 164 |
| **BIBLIOGRAFI** | | 167 |

## SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|---|---|
| a.s | *'Alayhi al-Salam* |
| c. | Cetakan |
| Dr. | Doktor |
| et al. | Lebih dari seorang penulis |
| h. | Halaman |
| H | Hijrah |
| *Ibid.* | *Ibidem*: rujukan sebelum |
| j. | Juzuk/ Jilid |
| m. | Meninggal dunia |
| M | Masihi |
| *op. cit.* | *Opera citato*: rujukan bersilang |
| Prof. | Professor |
| r.a | *Radiya Allah 'Anhu* |
| s.a.w | *Salla Allah 'Alayh wa Sallam* |
| Sdn. Bhd. | Sendirian Berhad |
| SWT. | Subhanahu wa Ta'ala |
| terj. | Terjemahan |
| t.t | Tanpa tarikh |
| T.T.P | Tanpa tempat penerbit |
| T.P | Tanpa penerbit |

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:

i. Huruf konsonan

| Huruf Arab | Nama | Huruf Latin |
|---|---|---|
| ا | *alif* | a / ’ |
| ب | *ba’* | b |
| ت | *ta’* | t |
| ث | *tha’* | th |
| ج | *jim* | j |
| ح | *ha’* | h |
| خ | *kha’* | kh |
| د | *dal* | d |
| ذ | *dhal* | dh |
| ر | *ra’* | r |
| ز | *zay* | z |
| س | *sin* | s |
| ش | *syin* | sy |
| ص | *sad* | s |
| ض | *dad* | d |
| ط | *ta’* | t |
| ظ | *za’* | z |
| ع | *‘ayn* | ‘ |
| غ | *ghayn* | gh |
| ف | *fa’* | f |
| ق | *qaf* | q |
| ك | *kaf* | k |
| ل | *lam* | l |
| م | *mim* | m |
| ن | *nun* | n |
| و | *waw* | w |

| | | |
|---|---|---|
| ه | *ha'* | h |
| ي | *ya'* | y |
| ة | *ta' marbutah* | h |

ii. Huruf vokal

| Vokal | Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|---|
| Pendek | (fathah) _____ | a |
| | (dammah) _____ | u |
| | (kasrah) _____ | i |
| Panjang | آ | a |
| | أوْ | u |
| | اِيْ | i |
| Diftong | أَوْ | aw |
| | اَيْ | ay |
| | يّ | iy/i |
| | وّ | uww |

# BAB PERTAMA

# PENDAHULUAN

## 1.0 Pendahuluan

Karya-karya fiqh ibadat adalah karya terpenting kepada masyarakat Islam sepanjang zaman. Oleh itu karya fiqh ibadat menjadi pilihan utama kepada masyarakat Islam untuk dimiliki kerana di dalamnya mengandungi ilmu-ilmu mengenai tata cara ibadat yang diterima oleh Allah SWT. Justeru, bidang yang menjadi asas pemerhatian kepada kajian ini adalah karya-karya fiqh ibadat di Malaysia 1998 sehingga 2008. Pengkaji akan menganalisis karya-karya fiqh ibadat tersebut untuk melihat pembaharuan yang berlaku terhadapnya. Justeru, tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah Analisis *Karya-Karya Fiqh Ibadat Di Malaysia Dari Tahun 1998 Sehingga 2008.*

## 2.0 Latarbelakang Kajian

Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap pasti sesuai dan mudah untuk diikuti oleh penganutnya di zaman mana sekalipun. Para ulama yang mahir dan progresif tentu sahaja mampu menghasilkan berbagai karya-karya yang bermutu untuk dijadikan rujukan massa pada setiap zaman. Karya-karya fiqh yang sentiasa berada di atas landasan Islam dan mengikut peredaran semasa sentiasa memenuhi kehendak manusia sebagai hamba Allah SWT di dunia ini.

Para ulama dalam mengeluarkan hukum-hukam yang terkandung dalam karya-karya mereka telah menggunakan dua jenis sumber hukum Islam yang utama. Pertama, sumber wahyu yang terdiri daripada al-Qur'an dan al-Hadith yang mengandungi semua elemen terpenting secara menyeluruh berkaitan perundangan Islam dan merangkumi persoalan etika, falsafah, prinsip, dan matlamat perundangan yang bersifat pasang siap dan kekal sehingga kiamat.[1] Kedua, merujuk kepada usaha penggunaan akal dan daya intelektual (ijtihad) *fuqaha'* dalam membangunkan sistem fiqh Islam berasaskan kepada sumber yang pertama[2].

Namun begitu, sebahagian karya fiqh yang dihasil oleh penulis di Malaysia hanya menterjemah karya-karya ulama-ulama dari Timur Tengah sahaja ataupun hanya memindahkan kandungan-kandungan kitab-kitab terdahulu tanpa merujuk kepada nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith. Walau bagaimanapun karya-karya ini sangat berguna dan memainkan peranan penting dalam membimbing masyarakat Islam di Malaysia.

Keperluan menghasilkan karya-karya fiqh ibadat yang lebih bersifat semasa sangat mendesak kini kerana karya-karya ini dapat memudahkan masyarakat Malaysia beribadat terutama berkaitan *ṭahārah* dan solat orang

---

[1] Umar Jah, "*The Importance of Ijtihad in The Development of Islamic Law*", *Journal of Islamic Comparative Law*, ( 1977), 31-40, Noor Naemah binti Abd. Rahman, "Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis" , (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 1.

[2] Muḥammad Ibn 'Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī, *Irsyād al-Fuḥūl*, (Kaherah: Dār al-Sa'ādah,1327H), 264, Noor Naemah binti Abd. Rahman "Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis" , 1, Rahimin Affandi bin Abdul Rahim (1993), "*Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan*", *Jurnal Syariah*, (1993), 154.

sakit yang memerlukan perbincangan yang halus sehingga kemudahan melaksanakannya dapat dicapai.

Apa yang ingin ditumpukan di dalam kajian ini ialah analisis karya-karya tersebut untuk melihat trend-trend terkini yang diguna pakai. Penulisan fiqh adalah sejumlah idea hukum yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Sumber-sumber ini telah difahami dan diteliti oleh *fuqahā'* yang mahir untuk menjelaskan suruhan dan larangan Allah swt.

Kajian ini amat penting kerana dapat mengetahui sejauh mana penulisan yang dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia, adakah penulisan yang dihasilkan itu telah menepati kehendak semasa rakyat Malaysia atau hanya sekadar memindahkan tulisan-tulisan daripada penulis-penulis terdahulu tanpa merujuk suasana semasa contohnya isu-isu ibadat orang sakit yang perlu kepada analisis hukum yang lebih mesra pesakit dan tidak memberatinya. Jika ini yang berlaku kajian ini dapat membantu penulis-penulis pada masa akan datang menghasilkan tulisan-tulisan yang lebih bermutu tinggi dan sesuai dengan suasana semasa di negara kita ini.

Selain itu, karya fiqh ibadat juga amat penting bagi memenuhi kehendak pembaca dari kalangan umat Islam di Malaysia, terutama sekali karya yang ditulis dalam bahasa Melayu. Berbagai persoalan dan permasalahan dari masa kesemasa tentang ibadat boleh dijawab melalui pembacaan karya-karya fiqh, selain itu pengajian-pengajian di masjid-masjid juga menggunakan karya-karya fiqh ibadat.

Sejarah telah membuktikan kepentingan karya-karya fiqh ibadat yang menjadi rujukan umat Islam zaman berzaman. Karya fiqh ibadat yang berjudul *Sirat al-Mustaqim* telah dihasilkan seawal abad ke-11 hijrah bersamaan abad ke-17 masihi[3]. Karya Syaykh Nuruddin al-Raniri ini adalah antara hasil penulisan perundangan Islam terawal dan terbesar pada abad tersebut dalam bahasa Melayu yang bukan berbentuk hukum kanun dan ia dianggap sebuah kitab perundangan Islam yang berwibawa pada zaman tradisi hingga beberapa lama kemudian[4]. Kitab ini ialah sebuah kitab perundangan Islam pertama yang lengkap mengandungi hukum-hukum ibadat yang dijumpai di Tanah Melayu pada waktu itu.[5]

Kebanyakan karya fiqh di Nusantara termasuk Tanah Melayu dihasilkan mengikut pendekatan mazhab Syafi'i contohnya Syaykh Nuruddin al-Raniri seorang ulama bermazhab Syafi'i, maka sumber rujukan beliau juga daripada buku-buku perundangan Islam yang ditulis oleh ulama-ulama Islam yang berwibawa daripada mazhab Syafi'i.[6]

Selain itu, terdapat banyak karya fiqh ibadat yang ditulis oleh penulis-penulis Malaysia seperti *Panduan Solat Jemaah dan Solat Musafir* yang ditulis Mohd Saleh Hajj Ahmad, *Darah Wanita Pandangan Ulama Dan Pakar Perubatan*, yang ditulis oleh Anisah Ab. Ghani**,** *Soal Jawab Remeh Temeh*

[3] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1996), 22.

[4] Shafii bin Abu Bakar , *Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara: Dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977), 573.

[5] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, 29.

[6] *Ibid.*, 30.

*Tentang Puasa*, yang ditulis Dato' Haji Ismail Kamus dan Muhammad Nidzam Abd Kadir, *Asas-Asas Fardu Ain* yang ditulis oleh Sulaiman Endut, *Korban dan Aqiqah* yang ditulis oleh Masruhan bin Kyai Choteb, *Sembahyang Jamak dan Qasar Adalah Sedekah Allah* yang ditulis Mohd Yaakub bin Mohd Yunus, *Panduan Lengkap Sembahyang Fardhu* yang ditulis Mohd Uzair Taufiq, dan lain-lain lagi.

Terdapat juga banyak karya terjemahan seperti *100 Persoalan Haji dan Umrah, Korban dan Hari Raya* hasil jawapan Dr. Yusuf al-Qaradāwi yang diterbitkan Jasmin Enterprise, kitab *al-Fiqh 'alā Madhāhib al-Arba'ah, al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh , Fiqh al-Sunnah, al-Fiqh al-Manhājī 'ala Madhhab al-Imām al-Syāfi'i* dan lain-lain lagi.

Perkembangan ini sangat baik untuk umat Islam di Malaysia kerana boleh membantu mereka terus memahami Islam dari masa ke semasa. Oleh itu dirasakan amat wajar suatu kajian khusus karya-karya fiqh ibadat dilakukan.

## 3.0 Masalah Kajian

Karya-karya fiqh ibadat yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh 1998 sehingga 2008 menjadi fokus kajian ini. Secara umumnya dalam tempoh tersebut masih terdapat karya-karya konservatif yang terikat dengan teks-teks turath. Hal ini menyebabkan kemudahan syariat Islam tidak menyerap dalam amalan ibadat masyarakat Islam Malaysia. Contohnya Isu-isu ibadat orang sakit dan isu-isu wanita, yang perlu kepada perubahan-perubahan yang sesuai

dengan suasana semasa sehingga kemudahan yang menjadi objektif perlaksanaan ibadat tercapai.

Manakala sesetengah karya pula terlampau longgar sehingga mengambil pendekatan penulisan tidak bermazhab. Walaupun dari satu sudut kelihatan baik, namun pendekatan ini merugikan kerana aliran bentuk ini masih kurang diterima oleh masyarakat Malaysia. Selain itu, terdapat karya fiqh ibadat yang bertajuk *Pelik Tapi Benar Dalam Solat* menjadi kontrovesi kerana isi kandungannya yang terlampau menumpukan perkara-perkara sampingan[7]. Akhirnya karya ini telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri[8].

Bagaimanapun kesederhanaan yang positif telah mula berlaku pada tahun-tahun tersebut sehingga pandangan di luar mazhab Syafi'i telah mula mendapat tempat pada sebahagian besar karya. Selain itu, pandangan ulama-ulama kontemporari juga diterima dan dimasukkan di dalam karya-karya mereka. Metode penulisan juga telah mengalami perubahan ketara yang dapat mengisi keperluan zaman. Kajian ini akan melihat dan mengenal pasti perkara tersebut menerusi penelitian terhadap teks-teks karya-karya fiqh ibadat tersebut.

Justeru itu, tajuk kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang boleh dikemukakan dalam permasalahan kajian. Persoalan tersebut boleh disimpulkan sebagai berikut:-

---

[7] Karya ini cuba menjelaskan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan solat yang dikatakan pelik dengan meneroka dan mengkaji perkara-perkara tersebut berdasarkan hadith-hadith Rasulullah SAW dan perbincangan Ulama'. Ia diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. Abdul Rahman Mohamed, *Pelik Tapi Benar Dalam Solat* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2006).

[8] Lihat http://www.malaysiakini.net/ dicapai pada 14 .8. 2012.

i- Bagaimanakah sejarah perkembangan penulisan fiqh ibadat di Malaysia?

ii- Apakah metodologi penulisan dan penyusunan karya-karya fiqh ibadat yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2008?

iii- Apakah perkembangan trend penulisan dan penyusunan karya-karya fiqh ibadat yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 sehingga 2008?

iv- Apakah tema-tema utama, karya fiqh ibadat dari tahun 1998 sehingga 2008 di Malaysia.

v- Apakah aliran pemikiran penulis-penulis karya fiqh ibadat dari tahun 1998 sehingga 2008

vi- Apakah bentuk-bentuk fiqh ibadat yang dibincangkan di dalam karya yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 sehingga 2008?

## 4.0 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif tersebut:-

i- Mengetahui metodologi penulisan dan penyusunan karya-karya fiqh ibadat yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2008,

ii- Menganalisis isu-isu fiqh ibadat dan tema-tema utama karya yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2008,

iii- Menganalisis aliran pemikiran penulis menerusi karya yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2008,

iv- Menganalisis bentuk-bentuk karya yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2008.

## 5.0 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai karya-karya fiqh ibadat di Malaysia ini amat penting bagi mengetahui sejauh manakah perkembangan penulisan fiqh ibadat di Malaysia dari sudut metodologi penulisan dan penyusunan, trend-trend terkini, aliran pemikiran penulis-penulis, bentuk-bentuk karya, penerbit-penerbit yang terlibat dan sebagainya. Dengan mengetahui perkara tersebut pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Mufti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain mendapat maklumat lengkap untuk membuat tindakan tertentu bagi penyelarasan fikrah dan amalan ibadat umat Islam di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga akan menjadi panduan, landasan dan rujukan kepada penulis dan penerbit karya fiqh ibadat pada masa akan datang. Penulis-penulis akan dapat menghasilkan karya-karya fiqh ibadat yang lebih bermutu dengan meneliti kajian ini. Begitu juga pihak penerbit dapat memanfaatkan kajian ini sebagai rujukan untuk menghasilkan karya-karya yang mampu menarik minat para pembaca.

Demikian juga, karya-karya fiqh ibadat yang dikaji ini amat berperanan menanam kefahaman dan membentuk kerangka dan corak pemikiran fiqh dalam masyarakat.

## 6.0 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini ialah Analisis Karya-Karya Fiqh Ibadat Di Malaysia Dari Tahun 1998 Hingga 2008. Untuk memahami tajuk ini pengkaji membuat pentakrifan terhadap tajuk ini. Analisis bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan masalah persoalan dan lain-lain[9]. Karya pula menurut Kamus Dewan bermaksud kerja atau buatan dan ciptaan sama ada seni dan lain-lain[10]. Karya yang dimaksudkan di dalam disertasi ini ialah buku-buku fiqh ibadat.

Ada perbezaan maksud antara karya dan buku. Buku ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi satu kesatuan bentuk melalui jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal daripada kertas dalaman teks, dan diedarkan kepada massa. Mengikut UNESCO, sesebuah "buku" itu dapat menepati konsep buku yang sebenar jika ia mempunyai lebih 49 halaman bercetak.[11] Oleh itu, karya di sini juga bermaksud buku. Fiqh

---

[9] *Kamus Dewan,* ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 51, entri "analisis".

[10] *Ibid.,* 680.

[11] Hamedi Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996), xv.

pula bermaksud pengetahuan tentang hukum-hukum syara' mengenai perbuatan manusia, yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci[12].

Ibadat bermaksud bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia[13]. Justeru, tajuk ini membawa maksud penyelidikan atau penghuraian buku-buku mengenai hukum-hukum syara' mengenai ibadat seperti taharah, solat, puasa, haji, umrah, dan sebagainya pada tahun 1998 sehingga 2008. Kajian ini tidak memasukkan tajuk zakat kerana ia adalah ibadat berbentuk *maliah* dan karya-karya zakat perlu kepada kajian khusus yang lain.

## 7.0 Kajian Lepas

Berdasarkan pencarian pengkaji yang dilakukan di universiti tempatan di dalam bidang fiqh, masih belum ditemui kajian khusus sama ada tesis, atau disertasi di peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah yang mengkaji secara khusus tentang karya-karya fiqh ibadat di Malaysia dari 1998 sehingga 2008. Oleh itu, pengkaji mengandaikan kajian ini merupakan kajian perintis di peringkat sarjana atau di mana-mana peringkat sekali pun tentang karya-karya tersebut.

---

[12] Muḥammad Abū Zahrah (2005), *Uṣūl al-Fiqh,* terj. 'Saefullah Ma'sum' (Indonesia: Pustaka Firdaus, 2005), 2.

[13] *Kamus Dewan,* ed. Ke-4, entri "ibadat", 556.

Bagaimanapun, terdapat beberapa disertasi dan artikel dalam jurnal syariah yang mengkaji tentang karya-karya fiqh mahupun karya-karya yang bukan fiqh dan metodologi penulisan mereka, sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam kajian dan penulisan berkaitan karya-karya fiqh ibadah ini. Antara disertasi tersebut ialah Kajian oleh Abd Kadir Haji Muhammad (1989) yang bertajuk *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*[14]. Beliau telah meneroka dan mengkaji perkembangan penulisan hukum Islam di Malaysia semenjak negara ini mula menerima Islam sehingga ianya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, baik yang berbentuk kesusasteraan ataupun yang berbentuk undang-undang.

Beliau menjelaskan penulisan berbentuk undang-undang lebih dahulu diperkenalkan berbanding dengan penulisan yang berorientasikan kesusasteraan.[15] Akhirnya kajian ini memperjelaskan sejarah perkembangan penulisan yang bercorak kesusasteraan, baik karya-karya perundangan yang "bukan berbentuk *khilafiah*" ataupun yang berbentuk "*khilafiah*". Kajian beliau sangat baik untuk dijadikan rujukan namun terlalu luas perbahasannya dan hanya menumpukan karya-karya hukum sebelum merdeka, ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan lebih mengkhususkan karya-karya fiqh ibadat sahaja sekitar tahun 1998 sehingga 2008.

---

[14] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, "Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia", (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1989).

[15] *Ibid.,* viii.

Kajian yang bertajuk *Kesusasteraan Melayu Tradisional*[16] oleh Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham, Siti Hawa Salleh Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. Secara umumnya kajian mereka mengkaji keseluruhan hasil sastera Melayu tradisional di seluruh Nusantara. Namun begitu, mereka mengkhususkan satu tajuk iaitu sastera kitab yang di dalamnya terdapat kajian berbentuk sejarah karya-karya fiqh di Nusantara.

Terdapat juga artikel dalam Jurnal Syariah pada tahun 1993 yang bertajuk *Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara* oleh Abd. Jalil bin Hj. Borhan[17]. Beliau telah menyentuh tentang perkembangan ilmu fiqh di Nusantara. Di dalam kajian itu beliau telah menyenaraikan beberapa kitab terawal yang telah ditulis di Nusantara termasuk karya yang paling awal iaitu kitab *al-Ṣirat al-Mustaqīm* hasil karya Syaykh Nur al-Din al-Raniri, kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu dan dianggap sebuah kitab perundangan Islam yang berautoriti pada zaman tradisi hingga beberapa zaman terkemudian[18]. Kajian ini hanya memiliki 5 muka surat sahaja, ini bermakna ia boleh dikatakan kajian kecil yang mendedahkan penulisan-penulisan hukum Islam awal di Nusantara termasuk Tanah Melayu.

Selain itu, terdapat juga artikel dalam Jurnal Syariah yang dihasilkan oleh Mohd Kamil Haji Abd Majid bertajuk *Sejarah Perkembangan penulisan*

---

[16] Harun Mat Piah et al., *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

[17]Abd. Jalil bin Hj. Borhan, "*Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara*", *Jurnal Syariah* 3 (Julai 1993), 146.

[18] Shafii bin Abu Bakar, *Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara: Dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi,* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977), 573.

*Hukum Islam Di Malaysia: Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan*[19]. Di dalam kajian ini di ceritakan sejarah awal penulisan di kelantan tentang karya-karya Islam termasuk karya-karya fiqh ibadat. Menerusi kajian ini disenaraikan pengarang yang terkenal iaitu Tuan Tabal yang mengarang kitab *Minhat al-Qarīb* pada akhir abad 19 M. Kajian ini sekadar memaparkan penglibatan ulama, intelektual Islam dan penulis dari Kelantan dalam penulisan. Walaubagaimanapun ia sangat baik untuk di jadikan rujukan.

Terdapat juga Buku yang dihasilkan oleh Mustaffa Abdullah bertajuk *khazanah Tafsir di Malaysia.* Secara umumnya penulis buku ini merungkaikan persoalan mengenai perkembangan tafsir dan pengajiannya di Malaysia. Selain itu buku ini membongkar dan mendokumentasikan fakta-fakta berkaitan sejarah tokoh-tokoh serta karya-karya tafsir yang pernah dihasilkan oleh mufasir di Malaysia.[20]

Selain itu, terdapat juga artikel dalam jurnal yang dihasilkan oleh Raihanah Abdullah dan Asmak Ab. Rahman bertajuk *Fifteen Years of Jurnal Syariah (1993-2007): a Bibliometric Study*. Kajian ini membentangkan hasil analisis Jurnal Syariah di Malaysia bagi tempoh 1993 sehingga 2007. Dalam kajian ini Jurnal Syariah seluruh Malaysia telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Product and Service Solutions* (SPSS). Kajian ini melihat kepada beberapa pemboleh ubah iaitu corak pengarang, panjang artikel,

---

[19] Mohd Kamil Haji Abd Majid (1993), "*Sejarah Perkembangan Hukum Islam Di Malaysia Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan*", *Jurnal Syariah* (1993), 146.

[20] Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Universiti Malaya, 2009).

bilangan artikel yang diterbitkan, produktiviti pengarang, institusi penyumbang dan subjek artikel yang dihasilkan. Antara penemuan penting dalam kajian ini adalah 90% artikel yang disiarkan ditulis oleh pengarang tunggal, 285 artikal telah dihasilkan pada tempoh tersebut dan 89% artikel telah diterbitkan dalam Bahasa Melayu. Selain itu, artikel-artikel yang dihasilkan belum bertaraf Antarabangsa. Secara umumnya kajian ini menyediakan cadangan penting dan strategi untuk masa depan Jurnal Syariah.[21]

Terdapat juga kajian tesis PhD yang dihasilkan oleh Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid bertajuk "Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996): Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema". Dalam kajian ini penulis telah melakar kembali sejarah penerbitan *Pengasuh* dari awal penerbitannya sejak Julai tahun 1918 hingga 1996. Selain itu, kajian ini telah mengkaji tema-tema yang kerap diterbitkan dalam *Pengasuh* sejak tahun tersebut. Beliau juga menumpukan kajian terhadap apakah pendekatan yang dibawa oleh penulis dan Ketua Pengarang *Pengasuh*. Secara umumnya penulis telah membentangkan di dalam tesis ini tentang beberapa perkara iaitu sejarah persuratkhabaran Islam di Malaysia, sumbangan Ketua Pengarang *Pengasuh*, tema-tema yang menjadi focus utama Pengasuh, dan pendekatan dakwah yang didokong oleh *Pengasuh.* Justeru kajian ini amat menarik dan bernilai tinggi untuk ditatapi oleh pelbagai pihak yang terlibat dengan penerbitan karya-karya berkaitan agama.

Secara umumnya terdapat kajian–kajian karya fiqh ibadat yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Namun kajian-kajian tersebut hanya

---

[21] Raihanah Abdullah et al., "*Fiften years of Jurnal Syariah (1993-2007): A Bbibliometric Study*" , *Malaysian Journal of Library & Information Science* (2007).

melibatkan karya-karya sebelum merdeka. Selain itu, terdapat kajian mengenai karya-karya tafsir di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Manakala sebuah lagi kajian adalah mengenai Jurnal Syariah bagi tempoh 1993 sehingga 2007. Terdapat juga kajian mengenai Majalah Pengasuh selepas merdeka antara tahun 1964 sehingga 1996. Walaubagaimanapun kajian khusus mengenai fiqh ibadat belum ditemui terutama sekali selepas 4 dekad selepas merdeka.

Sehubungan dengan itu, pengkaji akan melengkapkan kajian-kajian yang lepas melalui suatu kajian ilmiah yang mendalam terhadap karya-karya fiqh ibadat di Malaysia sepanjang tahun 1998 sehingga 2008 . Pengkaji merasakan amat wajar kajian secara terperinci dijalankan terhadap karya-karya tersebut.

## 8.0 Skop Kajian

Skop perbincangan dalam karya ini adalah sekitar persoalan mengenai karya-karya fiqh ibadat di Malaysia 1998 sehingga 2008. Kajian ini memberi fokus kepada 50 buah karya yang penulis perolehi di kedai-kedai buku, syarikat-syarikat penerbitan dan perpustakaan peribadi rakan-rakan. Semua karya-karya ini mewakili karya ilmiah, popular, asli, dan terjemahan.

Pemilihan tempoh masa 1998 sehingga 2008 ini agak penting kerana 1998 adalah permulaan dekad kelima selepas kemerdekaan. Justeru, pengkaji ingin melihat perkembangan trend-trend terkini yang berlaku kepada karya-karya fiqh ibadat di Malaysia selepas 4 dekad Malaysia mencapai kemerdekaan. Oleh itu kajian ini akan dibatasi dengan tiga skop utama iaitu:

i. Skop pertama pengkaji akan mengetengahkan secara ringkas perkembangan karya-karya fiqh di Malaysia sebelum dan selepas merdeka dengan memperkenalkan beberapa buah karya yang pernah diterbitkan ketika itu.

ii. Skop kedua pengkaji akan mendedahkan isu kandungan, metod penulisan dan penyusunan isi karya-karya fiqh ibadat di Malaysia 1998 sehingga 2008. Pendedahan perkara-perkara ini sangat penting, untuk melihat trend-trend karya-karya yang diterbitkan ketika itu.

iii. Skop ketiga pula pengkaji akan menganalisis kesemua karya-karya yang dipilih secara umum berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan pada bab yang ketiga sebelumnya.

## 9.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan aspek yang sangat diambil perhatian agar kajian yang dilakukan adalah bersistematik serta tersusun rapi. Kajian ini secara umumnya berbentuk kajian perpustakaan. Dalam kajian ini, dua metode akan digunakan oleh pengkaji iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### 9.1 Metode Pengumpulan Data

Pengkaji akan mengumpul data-data dalam kajian ini dengan menggunakan metode berikut:-

#### 9.1.1 Metode Historis

Metode ini digunakan untuk mengumpul data-data yang kaitan sejarah perkembangan fiqh dan penulisan karya-karya fiqh di Malaysia. Oleh itu, data-data tersebut pengkaji memperolehinya melalui buku-buku sejarah yang berkaitan dengan kajian. Metode ini banyak diaplikasikan pada bab kedua, khususnya ketika menerangkan tentang karya-karya fiqh di Tanah Melayu.

#### 9.1.2 Metode Dokumentasi

Bagi melaksanakan kaedah ini, pengkaji merujuk perpustakaan- perpustakaan, kedai-kedai buku yang terdapat di Malaysia yang mempunyai karya-karya fiqh ibadat sama ada sebagai bahan utama kajian atau bahan rujukan. Oleh itu, pengkaji akan membuat rujukan terhadap bahan kajian utama dan bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan termasuk buku-buku, tesis, kertas kerja, artikel dan sebagainya. Selain itu, untuk mendapat bahan utama karya-karya fiqh ibadat antara tahun 1998 hingga 2008 pengkaji juga menziarahi kedai-kedai buku, syarikat penerbitan, dan perpustakaan peribadi kawan-kawan. Data-data tersebut banyak diaplikasikan pada bab kedua dan ketiga.

## 9.2 Metode Analisis Data

Metode analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif. Bentuk kualitatif yang dipilih oleh pengkaji ialah supaya data-data yang beperolehi mempunyai tahap kesahan yang serasi dengan kajian ilmiah. Melalui metode ini, pengkaji akan memperolehi data-data yang berkualiti untuk menjadikannya sebagai suatu fakta. Menerusi metode ini pengkaji juga menganalisis data-data secara metode komparatif. Hal ini, boleh didapati di dalam bab yang ketiga dan keempat.

Manakala metode kuantitatif pula pengkaji gunakan untuk menganalisis data-data berkaitan dengan karya-karya fiqh ibadat, dari sudut persembahan karya tema-tema utama, aliran mazhab, bentuk karya, senarai penerbit, dan bilangan penulis. Hal ini boleh didapati di dalam bab yang keempat.

## 10.0 Sistematika Penulisan

Terdapat lima bab dalam kajian yang dilaksanakan, termasuk bab pendahuluan. Dalam bab pendahuluan, pengkaji memperincikan latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian lepas, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Menerusi bab kedua pengkaji menjelaskan secara umum mengenai sejarah perkembangan karya fiqh di Malaysia. Pengkaji mengupas secara umum tentang kedatangan Islam di Tanah Melayu. Seterusnya, pengkaji juga

mengupas isu-isu penting melibatkan sistem pengajian fiqh di Malaysia merangkumi sistem tradisional dan moden. Selain itu, pengkaji memperkenal secara ringkas beberapa karya-karya fiqh di Malaysia.

Mengenai bab ketiga, pengkaji memfokuskan kajian terhadap karya-karya fiqh ibadat di Malaysia 1998 sehingga 2008. Seterusnya pengkaji meneliti bentuk-bentuk metodologi penulisan yang diperkenalkan oleh penulis-penulis ketika itu seperti memperkenalkan metod soal jawab, metode topik, dan sebagainya. Setelah itu pengkaji menerangkan isu-isu yang dibincangkan di dalam karya-karya tersebut. Pengkaji juga menerangkan penerimaan masyarakat terhadap karya tersebut.

Manakala bab yang keempat pula, pengkaji menumpukan terhadap análisis karya-karya fiqh ibadat tersebut secara umum. Oleh itu, kajian memfokuskan terhadap metod penulisan dan penyusunan, metode persembahan, metode rujukan, tema-tema, aliran pemikiran fiqh, bentuk-bentuk karya, dan sebagainya. Menerusi kajian ini trend-trend penulisan karya fiqh ibadat ketika itu dapat dilihat.

Bab yang kelima merupakan kesimpulan kepada kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji membuat rumusan terhadap kajian secara umum dan pengkaji menilai dari sudut keistimewaan dan kelemahan karya tersebut secara khusus. Selain itu, penkaji mengemukakan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk diambil perhatian demi perkembangan ilmu.

# BAB KEDUA

# KARYA FIQH DI MALAYSIA

## 1.0 Pendahuluan

Sejarah penulisan fiqh di Malaysia boleh dikatakan seiring dengan kedatangan Islam di alam Melayu. Ia menjadi tradisi dalam Islam yang mengambil berat persoalan ilmu dalam melakukan sesuatu ibadat. Ilmu berkembang dengan dua bentuk, iaitu menerusi lisan dan tulisan. Justeru, dalam bab ini pengkaji menjelaskan secara ringkas sejarah kedatangan Islam ke alam Melayu, sejarah perkembangan fiqh, sejarah awal penulisan fiqh di Malaysia.

## 2.0 Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu

Berlaku percanggahan pendapat antara sarjana mengenai tempat yang mula sampai Islam ke Tanah Melayu. Antaranya terdapat polemik dalam kalangan sejarawan tentang dakwaan bahawa Melaka adalah negeri terawal menerima Islam. Menurut Mahyudin Haji Yahaya, Melaka bukan negeri yang terawal menerima Islam kerana banyak lagi negeri di Tanah Melayu sebelum Melaka yang telah menerima Islam dan memainkan peranan penting dalam bidang dakwah, tetapi kurang mendapat perhatian[22].

---

[22] Mahyuddin bin Haji Yahya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2001), 15.

Antara negeri-negeri terawal yang dikenalpasti telah menerima Islam termasuklah Kedah[23], Kelantan[24], Pahang[25] dan Terengganu[26]. Walaupun sejarah dan peranan negeri-negeri tersebut kurang mendapat perhatian, tetapi bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa peranannya sangat penting bagi menyediakan tapak awal perkembangan Islam di Tanah Melayu[27]. Pendapat tersebut juga dipersetujui oleh Dr. Haji Abdullah Ishak yang menyatakan seperti berikut :-

---

[23] Kedah yang terletak di sebelah utara Tanah Melayu merupakan negeri yang pertama menerima Agama Islam. Kelebihan Kedah, selain kedudukan geografinya yang terletak di persimpangan jalan perdagangan laut antara negeri Arab dengan negeri China, ia juga mempunyai hubungan yang erat dengan kerajaan-kerajaan di Sumatera Utara, termasuk Perlak, Samudera-Pasai dan Aceh. Ahli-ahli geografi Islam seperti Khurdadhbih di dalam kitabnya bertajuk *Akhbār al-Ṣīn wa al-Hind* yang merupakan salah sebuah sumber terawal tentang sejarah Islam India dan Timur Jauh juga menyatakan bahawa negeri Kedah pada satu ketika dahulu terletak di bawah pemerintahan Raja Zabej (Sriwijaya). Menurut Walckenear, yang dimaksudkan dengan Kalah ialah negeri Kedah yang terletak di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pendapat ini disokong oleh penemuan beberapa keping mata wang perak di Kedah bertarikh 848H, iaitu pada zaman Khalifah al-Mutawakkil (847H-861H). Menurut S.Q Fatimi Kedah juga terkenal kerana mengeksport pedang yang disebut orang Arab sebagai *Sayf al-Hind*. Lihat Mohd Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1976), 54. S.Q Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia* (Singapura: Malaysia Socialogical Reserch Institute Ltd., 1963), 212.

[24] Terdapat catatan yang menunjukan bahawa negeri ini menerima Islam Lebih dahulu dari Melaka. Menurut catatan Wang Ta-Yuan dalam *Tao-I Chih-lioh* bahawa terdapat sebuah negeri di bahagian pantai timur Tanah Melayu yang dipanggil Chi-lan-tan. Sebahagian besar para pengkaji bersetuju bahawa nama yang disebut itu adalah Kelantan. Menurut Ibn Batutah (1304-1377), Terdapat sebuah kerajaan Islam di Kelantan iaitu satu kawasan yang disebutnya Kaylukari atau Kuala Kerai. Ibn Battutah telah singgah di tempat ini dalam perjalanannya ke China pada tahun 1342. Negeri ini diceritakannya diperintah oleh seorang raja perempuan bernama Ratu Urduya. Menurut catatannya, ratu itu bercakap dalam bahasa Turki dan boleh menulis dalam bahasa Arab dengan baik. Abdul Rahman al-Ahmadi, "Ibn Battutah Pernah Singgah di Kuala Kerai, Kelantan", dalam *Kelantan Dalam Perspektif Sosial Budaya*, ed. Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1985), 109-111.

[25] Penemuan batu nesan dengan tulisan Arab bertarikh 419H/1028M di Teluk Cik Munah, Pekan, Pahang menunjukkan bahawa Islam telah tersebar di situ pada abad yang ke 11. Mohammad Redzuan Othman, *Islam Dan Masyarakat Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 9.

[26] Manakala Terengganu pula bukannya menerima Islam dari Melaka. Antara bukti yang terpenting ialah Batu Bersurat yang dijumpai di Terasat, Kuala Berang bertarikh tahun 1303 masihi. Batu Bersurat ini telah membuktikan bahawa sekitar akhir abad ke -13 atau awal abad ke-14 telah wujud sebuah kerajaan (petempatan) Islam di sekitar kawasan Kuala Berang. Batu Bersurat itu juga dapat menjelaskan beberapa perkara penting tentang pengislaman peringkat awal di Tanah Melayu. Ia menunjukkan bahawa Agama Islam telah lama bertapak di pantai timur Semenanjung sebelum terasasnya kerajaan Melaka. Mahyuddin Haji Yahya, *Islam di Alam Melayu*, 22.

[27] *Ibid.*, 15.

> Penerimaan Islam di Sumatera seperti yang didakwa oleh para sejarawan Barat berlaku pada kurun ke-13 Masihi dan di Tanah Melayu pada kurun ke – 15 Masihi, masih boleh dipertikaikan dan sukar diterima akal, selagi bukti-bukti yang lebih kongkrit dan imperikal tidak diketengahkan. Untuk memperolehi fakta sejarah yang lebih diyakini tentang bertapaknya Islam ke Tanah Melayu perlulah meneliti juga lain-lain sumber yang ada selain dari Melaka secara lebih ikhlas. Antara negeri-negeri yang perlu dibuat kajian ialah seperti Ternggganu, Kelantan juga Kedah. Besar kemungkinan para sejarawan selepas menjalankan penyelidikan, akan bersetuju bahawa kedatangan Islam ke TanahMelayu berlaku sejak beberapa kurun sebelum dari kurun ke-15 Masihi lagi[28].

Kenyataan di atas menunjukkan Dr. Haji Abdullah Ishak tidak bersetuju dengan para sejarawan Barat yang mendakwa kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada kurun ke-15 masihi. Ini bermakna Melaka bukan negeri pertama yang menerima Islam sebagaimana dakwaan sarjana Barat tentang kedatangan Islam di Tanah Melayu.

## 3.0 Perkembangan Pengajian Fiqh Di Tanah Melayu

Sebelum perbahasan terperinci berkaitan penulisan fiqh di Tanah Melayu, dijelaskan terlebih dahulu tentang pengajian fiqh dan perkembangannya. Ini kerana penulisan fiqh sendiri adalah bertitik tolak dari pengajian fiqh yang kemudiannya membawa kepada penghasilan kitab-kitab yang berkaitan.

Pengajian fiqh secara khusus mengikut metode dan berasaskan kitab-kitab fiqh tertentu mungkin belum didapati pada peringkat awal penyebaran Islam di Malaysia. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa pengajian fiqh

[28] Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara, Khususnya Di Tanah Melayu* (Selangor: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, t.t), 38.

secara tidak langsung telah mula diperkenalkan semenjak Islam telah sampai ke Tanah Melayu. Ini kerana pendakwah apabila mereka menyebarkan Agama Islam sudah semestinya mereka mengajar fardhu ain seperti bersuci, berwuduk, solat dan sebagainya sebagai asas kepada agama itu sendiri.

Pengajian fiqh di Tanah Melayu dapat dikesan dengan kemunculan tokoh fiqh terawal di Nusantara iaitu Seikh Nuruddin al-Raniri. Beliau berasal dari Ranir, berhampiran Gujerat, India[29]. Beliau menghasilkan sebuah kitab fiqh terawal di alam Melayu yang berjudul *al-Ṣirāt al-Mustaqīm*[30]. Karya fiqh ini ditulis di Pahang, dan pernah di jadikan teks pengajian di negeri Kedah[31]. Karya ini mendapat sambutan dikalangan pembesar istana dan masyarakat awam[32].

Selain itu, pengajian fiqh di Tanah Melayu juga dapat dikesan dengan kemunculan tokoh-tokoh fiqh lain. Di antaranya tokoh ulamak Terengganu iaitu Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrusi yang mashyur dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar. Di antara karya fiqh yang beliau hasilkan ialah *Sullām al-Taufīq*[33]. Turut mengerakkan pengajian fiqh di Tanah Melayu adalah Sheikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani yang dikenali dengan Tuan Tabal. Tuan Tabal telah menghasilkan beberapa buah kitab fiqh Islam.

---

[29] R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxfort University Press, 1969), 145-146.

[30] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), 22.

[31] *Ibid.*, 29-31.

[32] *Ibid.*, 31.

[33] *Ibid.*, 48.

Antaranya ialah *Kifayat al-Awām*, *Bidayat Ta'alīmal-'Awām* dan *Minhāt al-Qarīb*[34].

Selain dengan kemunculan tokoh-tokoh fiqh, pengajian fiqh juga dapat dikesan dengan peranan yang dimainkan oleh sultan atau raja yang memerintah sesebuah jajahan. Di Terengganu pengajian fiqh bermula sejak pertapakan Islam lagi. Ini berdasarkan kepada pembuktian sejarah, di mana pemerintah Terengganu pada masa itu, iaitu Raja Mandalika telah menjadikan istananya sebagai pusat pembelajaran ajaran Islam termasuk fiqh yang dihadiri oleh para pemimpin dan pembesar negeri pada zaman pemerintahan baginda[35]. Di samping itu, baginda juga dikatakan telah mendirikan masjid[36], surau dan langgar[37] sebagai tempat untuk orang mempelajari ajaran agama Islam[38].

Seterusnya, pengajian fiqh ini telah berkembang sedikit demi sedikit melalui sistem pondok yang dibangunkan oleh para ulama' yang mendapat pendidikan di Timur Tengah termasuk di Masjid al-Haram[39] dan Universiti al-

---

[34] *Ibid.,* 49.

[35] Alias bin Abdullah, "Program Masjid Di Kuala Terengganu: Kajian Tentang Keberkesanannya" (tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 153.

[36] Muhammad Salleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman* (Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992), 29.

[37] Langgar ini merupakan salah satu tempat ibadat yang terdapat dalam masyarakat Islam di negeri Terengganu.Selain dari tempat ibadat, langgar ini juga merupakan tempat belajar bagi orang-orang Islam. Lihat Shafie Abu Bakar, "Sejarah Perkembangan dan Pengaruh Pemikiran Ulama-Ulamak Silam Dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu dan Alam Melayu"(makalah, Seminar Islam di Terengganu, 14-17 Julai 1991).

[38] Alias bin Abdullah, "Program Masjid Di Kuala Terengganu," 153.

[39] Walaupun orang melayu dipercayai telah pergi ke Mekah menuntut ilmu agama di Masjid al-Haram sejak mereka beragama Islam, namun agak sukar untuk ditentukan siapakah orang yang paling awal berbuat demikian. Rekod yang ditemui menunjukan hanya pada akhir abad ke -17 seorang anak tempatan, iaitu Syeikh Abd Malik b. Abdullah dari Terengganu (1650-1736)

Azhar, Mesir[40]. Institusi pondok terawal yang dapat dikesan di semenanjung Tanah Melayu ialah di Pulau Manis, Terengganu yang diasaskan oleh Sheik Abdul Malik bin Abdullah. Pondok ini dianggap pusat pengajian Islam tertua dan terbesar di Terengganu dan Semenanjung Tanah Melayu ketika itu[41]. Kelahiran institusi pondok di Tanah Melayu berlaku di beberapa buah negeri iaitu Terengganu[42], Kelantan[43], dan Perak[44] dan beberapa buah negeri lain.

---

diketahui telah pergi ke Mekah bagi menuntut ilmu agama. Sebelum ke Mekah beliau terlebih dahulu menuntut ilmu di Aceh. Syeikh Abdul Malik turut berlajar dibawah seorang ulama mashur, iaitu Syeikh Abdul Rauf Singkel. Syeikh Abdul Malik tinggal di Hijaz selama dua belas tahun dan ketika berada di sana beliau turut berguru dengan ulama Madinah yang terkenal iaitu Ibrahim al-Kurani. "Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis)", dalam Warisan, no.5, 15-16.

[40] Adapun antara Ulama Tanah Melayu yang pertama yang belajar di Universiti al-Azhar sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Fadhlullah Jamil ialah Haji Salleh bin Baki atau lebih dikenali sebagai Haji Salleh Masri (1875-1971). Beliau dikatakan telah berangkat ke Mesir pada tahun 1899M untuk melanjutkan pelajarannya di Universiti al-Azhar. Setelah pulang ke Malaysia beliau telah mendirikan sebuah sekolah pondok yang dikenali sebagai Madrasah al-Masriyyah Asy-Syubbaniyyah di Bukit Mertajam. Tetapi apabila dibuat rujukan terhadap ulama-ulama Tanah Melayu yang pernah belajar di Universiti al-Azhar di dapati bahawa Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956) adalah orang yang lebih awal melanjutkan pelajarannya di Universiti al-Azhar, iaitu pada tahun 1310 hijrah bersamaan dengan 1892 masihi. Setelah tamat belajar di Universiti al-Azhar, beliau kembali semula ke Mekah pada tahun 1896 dan mengajar di sana selama 2 tahun. Pada tahun 1899 beliau kembali ke Nusantara dan tinggal di Kuala Kangsar, Perak. Semasa di Perak beliau telah dilantik oleh Sultan Idris untuk menjadi pemeriksa kiblat masjid dan surau-surau di negeri Perak kerana kepakaran mengenai ilmu falak yang dimilikinya. Fadhlullah Jamil, "Latarbelakang, Pemikiran dan Sumbangan Tuan Guru Haji Mohd Salleh al-Masri Dalam Gerakan Dakwah dan Perubahan Masyarakat di Pulau Pinang", dalam *Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam di Pulau Pinang: Islam dan Masyarakat Jilid* (Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, 1994) 1: 49-74, Ismail Che Daud , *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001), 1: 587-589).

[41] Farid Mat Zin et al., *Islam di Tanah Melayu Abad Ke 19* (Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2007), 120.

[42] Terengganu antara negeri yang mempunyai banyak pondok.Pada awal abad ke-19 menyaksikan pembukaan pondok-pondok pengajian yang kian rancak dibangunkan di Terengganu memandangkan sambutan dan minat masyarakat semakin bertambah untuk mendalami ilmu agama.Maka lahirlah Pondok Tok Kali Sungai Rengas, Pondok Haji Husin Kampung Lapu, Kuala Terengganu, Pondok Haji Mat Shafie Losong dan lain-lain lagi. *Ibid.,* 120, 124.

[43] Perjalanan pengajian pondok di Kelantan bermula dengan terbinanya pondok pertama di Kampung Surau Pulai Chondong. Ia diasaskan oleh Imam Haji Abdul Samad bin Abdullah pada sekitar permulaan suku kedua abad ke-19 Masihi. Lihat Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu,* 1: 69.

[44] Antara pondok yang terkenal di Perak adalah seperti Pondok al-Rahmaniah, Gunung Semanggol, Pondok Tuan Syeikh Junid di Kampung Lalang, Padang Rengas, Pondok Tuan Haji Ghazali di Batu 26, Bagan Datoh, Pondok Tuan Haji Yunus di Malim Nawar, Pondok Tuan Haji Abas di Masjid Tinggi Bagan Serai, Pondok Tuan Haji Wan Muhammad di Bukit Chandan, Pondok Tuan Haji Mat Zain di Matang Tok Pahat, Pondok Syamsul Anwar di Tanjung Piandang dan beberapa buah lagi.

Institusi pengajian pondok mengamalkan sistem pengajian secara tradisional. Sebagai contoh Pondok Pasir Tumbuh yang diasaskan pada tahun 1954 M. Pondok ini mempunyai sistem pengajiannya yang tersendiri, terdiri daripada sistem *'umūmī* dan *niẓāmī*[45]. Secara umumnya kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian di pondok ini adalah merupakan "kitab-kitab tua" yang disusun dan dikarang oleh ulama muktabar yang mujtahid daripada mazhab Syafi'i dan lain-lain mazhab yang berpegang dengan ahli *al-Sunnah Wa al-Jamā'ah*[46]. Kitab-kitab utama di pondok ini seperti kitab *al-Iqnā', I'ānah al-Ṭālibīn, Syarḥ al-Maḥallī, Ibn 'Aqīl, Tafsīr al-Jalālayn dan Tafsīr al-Nasafī* akan sentiasa diulang pengajiannya[47]. Aliran mazhab fiqh yang diguna pakai dipondok ini adalah mazhab Syafi'i kerana pengunaan kitab-kitab Syafi'i yang banyak dan diutamakan.

Pondok-pondok di Malaysia mengunakan cara mengajar yang agak sama antara satu sama lain. Cara pengajarannya dijalankan secara tradisional. Seorang guru akan duduk bersila di hadapan anak-anak muridnya sambil membuka kitabnya yang diletakkan di atas papan rihal dan sebagainya. Manakala anak-anak murid akan bersila di hadapan guru mereka sambil membuka kitab dan mencatatkan perkara-perkara penting yang disampaikan

---

Nabir Haji Abdullah, (1983) "Perkembangan Pendidikan Islam di Perak", (dalam makalah Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan, t.tp, 20-23 Oktober 1983), 27.

[45] Mohd Pakhruddin bin Abdullah, "Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuh: Suatu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya", (Disertasi Master, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), iv.

[46] *Ibid.,* 133.

[47] *Ibid.,* 139.

oleh guru mereka. Selalunya catatan akan ditulis di bahagian tepi kitab-kitab yang terdapat ruang kosong.[48]

Selain pondok, terdapat juga sekolah agama yang mengerakkan pendidikan fiqh di Malaysia. Sebagai contoh Maahad al-Ihya' al-Syarif yang ditubuhkan pada tahun 1934.[49]sekolah ini diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir bin Mohd Said.[50] karya-karya fiqh yang utama diajar di sini ialah *al-Baijūrī*oleh Sheikh Ibarahim al-Baijūrī, *Manhāj al-Ṭālibīn* oleh Imām Abū Zakariā Yahyā al-Nawāwī, *Mughnī al Muhtāj* oleh Muḥammad Khatib Sarbīnī dan sebagainya.

Selain pondok dan sekolah agama, pengajian fiqh juga dilaksanakan di pusat pengajian tinggi. Pusat pengajian tinggi yang pertama ditubuhkan adalah Kolej Islam Malaya[51]. Kemudian pada 18 september 1965 tertubuhnya sebuah sebuah lagi pusat pengajian tinggi Islam iaitu Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK)[52]. PPTIK ini adalah hasil usaha yang dilakukan oleh Parti

---

[48] Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh Dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984), 24.

[49] Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad Ihya as-Syariff*, (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976), 3.

[50] Beliau berketurunan Jawa, Indonesia. Pada tahun 1924 belajar di Dairat al-Ma'arif, Kepala Batas selama empat tahun, kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Idrisiah Kuala Kangsar.Setelah tamat terus mengajar di situ selama dua tahun dari 1932 sehingga 33 sebelum menubuhkan al-Ihya al-Syarif. *Ibid.,* 258.

[51] KISAS ditubuhkan atas nama Kolej Islam Malaya iaitu satu-satunya institusi pengajian Islam ketika itu. Penubuhan Kolej ini adalah hasil persidangan yang dibuat pada 9 Januari 1949. Bangunan asalnya ialah sebuah istana al-Marhum DYMM Sultan Hisyamuddin Alam Shah iaitu Sultan Selangor Darul Ehsan. Baginda telah berkenan mewakafkan istana tersebut di Kampung Jawa, Klang sebagai tapap bangunan Kolej untuk tujuan pendidikan tinggi yang terulung di Negara ini. "Sejarah Penubuhan Kolej Islam Malaya" *Restu KISAS*, 1996, h. 3.

[52] Rosidi Yusop, "Nilam Puri dalam Peringkat Lima Tahun Pertama'' Majalah Nilam, h. 40.

Islam SeMalaysia (PAS) bagi meningkatkan mutu pengajian Islam di Malaysia[53].

PPTIK menawarkan pengajian syariah di bawah pengurusan Fakulti Syariah[54]. Pada sesi 1982-1990 PPTIK melalui Fakulti Syariah telah menawarkan kursus-kursus seperti Pengatar Fiqh, Undang-Undang, Pengantar Undang-Undang Perlembagaan, Undang-Undang Harta, Amanah dan Pentadbiran Pusaka, Undang-Undang Jenayah dan Acara, *Siyāsah Syari'ah*, *Qawāid Fiqhiyyah,Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*, *Uṣul al-Fiqh*, Undang-Undang Harta, Amanah dan Pentadbiran Pusaka, dan Undang-Undang Keluarga[55]. Pusat[56] ini kemudian telah ditukar namanya kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri. Pengajian fiqh di pusat pengajian tinggi terus berkembang dengan tertubuhnya Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Di samping itu, pengajian fiqh juga telah dilaksanakan di kolej-kolej kelolaan negeri-negeri di Malaysia. Bagi melihat situasi ini, sampel yang diambil ialah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin telah ditubuhkan pada tahun 1980[57]. Dalam bidang fiqh, di antara kitab-kitab yang digunakan di kolej ini

---

[53] Nurlidzha binti Mohd Nawi, "Akademi Islam Universiti Malaya Nilam Puri: Sejarah Penubuhan dan Satu Keterangan Ringkas 1980-1990" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003), 21.

[54] *Ibid.*, 60.

[55] *Ibid.*, 70-74.

[56] *Ibid.*, 24. Lihat juga Enakmen no. 9. 1968. Kerajaan Kelantan, h. 31.

[57] Zurita binti Mohd Yusoff, (2004), "Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu, Kuala Lumpur", (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 15.

seperti *al-Umm* karangan Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘i, *al-Fiqh ‘ alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* karangan ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī, dan *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu* karangan Dr. Wahbah al-Zuḥailī. Dalam hal ini, pengajian fiqh kelihatan telah berkembang daripada hanya menggunakan kitab-kitab mazhab Syafi‘i kepada kitab-kitab empat mazhab. Pensyarah-pensyarah di kolej ini menggunakan kaedah-kaedah syarahan, soal-jawab dan perbincangan dalam pengajaran mereka[58]. Mereka tidak hanya terikat dengan kaedah syarahan yang lebih banyak digunakan dalam pengajian Islam tradisional[59].

Selain itu, pengajian fiqh juga dilaksanakan di masjid-masjid di seluruh Negara, bagi melihat situasi pengajian fiqh di masjid, sampel yang diambil ialah masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengajian fiqh di negeri-negeri lain tidak dimasukkan di dalam kajian ini kerana pada umumnya ada persamaan dari segi isi dan modul yang dipelajari. Justeru, contoh yang dipilih diharap dapat memberi gambaran umum tentang pengajian fiqh yang diajar di masjid-masjid di seluruh Malaysia.

Pengajian fiqh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mula diberi perhatian sehingga setiap masjid diwujudkan kelas-kelas fiqh yang dibimbing oleh pegawai daripada Majlis Agama Islam atau pun pendakwah sukarela. Sambutan masyarakat terhadap kelas fiqh pada masa itu amat menggalakkan dan dihadiri oleh semua lapisan masyarakat. Kelas-kelas tersebut biasanya diadakan di surau atau masjid. Kebiasaannya pengajian fiqh akan diadakan setelah memastikan semua ahli jemaah sudah bersedia dan duduk di tempat

---

[58] *Ibid.,* 157-158.

[59] *Ibid.,* 167.

masing-masing dalam keadaan separuh bulatan. Pengajar akan memulakan pengajian dengan bacaan doa. Sepanjang kuliah dijalankan, pengajar merujuk kepada kitab yang berkaitan dan pengulas satu persatu isi kandungannya. kebanyak jemaah adalah menjadi pendengar sahaja, namun sebahagian yang lain pula mengikuti kuliah tersebut berdasarkan teks yang telah ditentukan oleh pengajar.[60]

Di antara buku-buku yang dijadikan sebagai bahan dan teks dan rujukan dalam kuliah ini ialah kitab *Kifāyat al- Akhyār*, karangan Imām Taqiy al-Dīn Abū Bakar bin Muḥammad al-Ḥusainī, kitab *Iḍhāḥ al Ilbāb*, karangan Daud al-Fathani dan kitab *al-Madkhal li Dirāsat al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, karangan Yūsuf al-Qarḍāwī. Tajuk-tajuk yang berkaitan dalam perbincangan ialah menyentuh bab-bab ṭahārah, ibadat, munakahat dan permasalahan semasa. Kebanyakan perbincangan akan merujuk kepada hukum yang diistinbatkanoleh mazhab Syafī'i[61]. Kebanyakan kuliah-kuliah ini dijalankan pada waktu Maghrib dan Subuh[62]. Kuliah ini dikenali sebagai kuliah Maghrib dan kuliah Subuh[63].

---

[60] Salehah binti Ali, "Pengajian Fiqh di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Mengenai Kaedah Penyampaian dan Penerimaan Ahli Jamaah", (Kajian Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1997), 63.

[61] *Ibid.,* 63-64.

[62] *Ibid.,* 62.

[63] Ianya diistilah kuliah Subuh dan Maghrib kerana dibuat selepas waktu solat Subuh dan Maghrib. Pengkaji sendiri aktif menyampaikan kuliah Maghrib dan Subuh sekitar negeri Perak dan Selangor.

## 4.0 Penulisan Karya-Karya Fiqh Di Tanah Melayu

Penulisan fiqh di Tanah Melayu secara khususnya telah dimulai oleh Syaykh Nuruddin al-Raniri[64] yang dinamakan *al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Nuruddin al-Raniri menulis kitab tersebut semasa beliau masih menetap di Pahang[65]. Para pengkaji telah sependapat bahawa perundangan tersebut dihasilkan pada abad ke 11H bersamaan abad ke-17[66]. Nuruddin membahagikan kandungan kandungan buku itu sebagai berikut; pertama, *kitāb al-ṭahārah* yang diikuti dengan *Bāb al-Najāsah, Bāb al-Wuḍū', Bāb Mā Yajib al-Ghasl* dan *Bāb al-Hayd wa al-Istihāḍah wa al-Nifās*. Kedua, *Kitāb al-Ṣalāt* dan diikuti dengan *Bāb Ṣalāt al-Juma'at, Bāb Ṣalāt al-'Idayn, Bāb Ṣalāt al-Istishqā', Bāb al-Janāzah* dan *Bāb Salāt al-Musāfir*. Ketiga *Kitāb al-Zakāh* dan diikuti dengan *BābZakāt al-Nabāt, bāb Zakāt al-Naqd*. Keempat, *Kitāb al-Siyām* kemudian diikuti dengan *Bāb al-I'tikāf*. Kelima, *Kitāb al-Hāj* dan diikuti dengan *Bāb al-Muaqīt* dan *Bāb al-Adḥiyah*[67]. Setiap bab itu diikuti dengan bahagian yang lebih kecil yang dinamakan *faṣal-faṣal*. Sumber rujukan beliau daripada buku-buku perundangan Islam yang ditulis oleh ulama'-ulama' Islam yang berwibawa daripada mazhab

[64] Seorang sarjana Islam yang berasal dari India, berketurunan Arab yang dilahirkan di sebuah tempat yang bernama Ranir, berhampiran Gujerat, India. Beliau datang ke Gugusan Kepulauan Melayu pada abad ke-17 dan bermastautin di Tanah Melayu, kemudian berpindah ke Aceh pada tahun 1047H/1637, iaitu pada zaman Sultan Iskandar Thani. Beliau telah dilantik oleh Iskandar Thani menjadi mufti semasa pemerintahan baginda. Semasa menjadi mufti, beliau telah menentang habis-habisan fahaman wujudiah yang diketuai oleh Syeikh Shamsuddin al-Sumatrani. Lihat Ahmad Daudi, *Syeikh Nuruddin Al-Raniri: Sejarah Karya Sanggahan Terhadap Wujudiah di Aceh* (Jakarta: Bulan Bintang, t.t), A. Hasjmy, *Syiah dan Ahlussunah Saling Rebut Pengaruh dan Kekuasaan Sejak Awal Sejarah Islam di Kepulauan Nusantara* (Surabaya: Bina Ilmu, 1983), 94-110, R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969), 145-146.

[65] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), 27.

[66] *Ibid.,* 22.

[67] *Ibid.,* 29-30.

Syāfi‘i[68]. Hal ini menunjukkan Syaykh Nuruddin al-Raniri dan masyarakat ketika itu bermazhab Syafi‘i.

## 5.0 Karya-Karya Fiqh di Tanah Melayu pada Kurun ke Sembilan Belas

Selain karya yang ditulis oleh Syaykh Nuruddin al-Raniri terdapat karya lain yang dihasilkan di Tanah Melayu. Karya tersebut ialah *kifāyat al-‘awām* yang dihasilkan oleh Syaykh Abd al-Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani yang dikenali dengan Tuan Tabal(1816-1891M)[69]. Buku ini telah dihasilkan beliau pada tahun 1295H/(1878M)[70]. Aspek perundangan yang diperbincangkan dalam karya ini ialah khusus mengenai hukum ibadat. Ia dimulai dengan bab bersuci yang merangkumi perkara yang berkaitan dengan air yang harus dibuat bersuci sama ada dari hadas besar atau juga besar. Kemudian diikuti dengan sembahyang lima waktu serta perkara yang berkaitan dengannya. Turut diperbincangkan juga ialah mengenai sembahyang *Jamā‘ah* dan *Juma‘at*. Risalah perundangan ini diakhiri dengan hukum ibadat mengenai puasa.[71]

Selain itu Tuan Tabal juga menghasilkan karya yang bertajuk *Bidāyat Ta‘līm al-‘Awām*. Nama penuh kitab ini sebagaimana tercatat pada halaman judul ialah *“Bidāyat Ta‘līm al-‘Awām fī Ṭarf min Arkān al-Islām”* pada

---

[68] *Ibid.,* 30.

[69] *Ibid.,* 50.

[70] Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, *Sejarah Perkembangan Ulama’ Kelantan* (Kota Bharu: Pakatan TuanTabal, 1977), 62.

[71] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, 50.

membicarakan rukun Islam yang lima dan menyatakan hukum yang wajib atas mereka itu mengetahui akan dia dan belajarnya". Pengarang tidak menyatakan dengan jelas bila karyanya itu dihasilkan, tetapi dipercayai ia ditulis tidak lewat daripada tahun 1308/(1890).

Pada keseluruhannya kitab ini menumpu perbahasannya mengenai hukum ibadat atau rukun Islam yang lima[72]. Pendapat yang terdapat dalam kitab ini berdasarkan kepada kitab-kitab perundangan yang termasyhur di dalam mazhab Syafi'i, seperti "*Syarh al-Minhāj", "Tuhfah dan al-Zawājīr"* oleh Ibn Ḥajar al-Haythamī (1503-1566), *Ḥāshiyat al-Bajūri"* oleh Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Bajūrī (1783-1860M), "*Fath al-Qarīb al-Mujīb"* oleh Muḥammad ibn Qāsim ibn Muḥammad al-Ghāzī (1454-1512) dan *Tahrīr*. Sungguhpun begitu beliau juga memetik pendapat para imam mazhab lain.[73]

Seterusnya karya *Sulām al-Tawfīq* yang telah dicetak dan diterbitkan kira-kira dalam tahun 1930M. karya ini dihasilkan oleh Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-'Idrusi yang masyhur dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar[74]. ia mengandungi enam muka surat sahaja yang membincangkan mengenai sembahyang, khususnya mengenai masalah *muwāfiq* dan *masbūq*[75]. Beliau merujuk kepada pendapat para ulama yang termasyhur dalam mazhab al-Syafi'i, seperti pendapat al-Imām al-Ramlī (1513-1596), Ibn Hajar (1503-1566)

---

[72] *Ibid.,* 51-52.

[73] *Ibid.,* 53.

[74] *Ibid.,* 48.

[75] Khairuddin Haji Muhammad, *Tok Ku Tuan Besar dan Ulama Sebelumnya, Dalam Memperigati Tokoh Ulama Silam Yang Ke vi*. (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981), 11.

dan al-Sharbīnī al-Khātīb (wafat 1569M)[76]. Berdasarkan rujukan yang beliau gunakan, ternyata Tuan Besar merupakan seorang yang bermazhab Syafi'i.

Antara karya-karya lain yang dihasilkan pada kurun ini ialah *Mukhtaṣar Fiqh juga karangan* Tok Ku Tuan Besar, *Minhāt al-Qarīb al-Mujīb wa Mughnī al-Rāghibīn fi al-Taqrīb* karangan Syaykh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani, *Bahjat al-Mubtadiīn wa Farhāt al-Mujtaddīn* karangan Tuan Guru Wan Ahmad Pattani,*Risālah Naql, Risālat Kafiyat al-Niyyat dan Kitāb Kifayah,* karangan Syaykh Abdul Malik bin Abdullah dan lain-lain. Kebanyakan karya-karya yang dihasilkan pada kurun ini adalah bermazhab Syafi'i.

## 6.0 Karya-Karya Fiqh di Tanah Melayu Pada Kurun Ke Dua Puluh Sehingga Merdeka

Pada kurun kesembilan belas para ulamak telah banyak menulis karya-karya fiqh sebagaimana kajian yang tercatat pada tajuk sebelum ini. Perkembangan ini turut meresapi para ulamak pada kurun kedua puluh untuk serta menghasilkan karya-karya mereka. Antara karya-karya fiqh yang dihasilkan pada kurun tersebut adalah *"Hidāyat al-Sibyān fī Marifat al-Islām wa al-Imān"* iaitu karya yang dihasilkan oleh Tuan Husain bin Mohd Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari pada Tahun 1330H/1911M. Sungguhpun tidak dinyatakan di mana karya ini ditulis, tetapi dipercayai ia ditulis di negeri Kedah kerana pada masa ini beliau bermastautin di negeri tersebut. Karya ini

[76] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, h. 49.

masih terpengaruh dengan cara penulisan terdahulu iaitu dimulai dengan aqidah kemudian baru diikuti dengan perundangan. Halaman 2 hingga 7 mengenai aqidah, manakala, halaman 8 hingga 36 mengenai perundangan. Aspek perundangan yang diperbincangkan ialah mengenai sembahyang, zakat, puasa dan haji.[77]

Selain itu, *Pedoman Ibadat Puasa* adalah di antara karya yang dihasilkan pada kurun kedua puluh oleh pengarang berasal dari Perlis. Karangan ini telah ditulis oleh Abu Bakar al-Ashari. Cetakan keduanya telah diterbitkan oleh al-Haji Muhammad Ali bin al-Haj Muhammad Ali al-Rawi di Pulau Pinang, 1953. Buku ini Khusus mengenai ibadat puasa, sunat dan wajib dan ibadat-ibadat sunat yang lain yang patut dikerjakan semasa bulan Ramadhan. Rujukannya banyak dipetik dari ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-Hadith Rasul SAW. Demikian juga beliau tidak ketinggalan memetik dari kitab-kitab yang berautoriti karya ulama Islam terkenal[78].

Pada tahun 1951 Abu Abdul Aziz Muhammad bin Idris al-Syafi'i, Kelantan menghasilkan sebuah kitab bertajuk *"al-Qawl al-Mufīd Lī Ifādah al-Mustafīd".* Ia diterbitkan dengan kebenaran Majlis Ugama Islam dan 'Adat Istiadat Melayu Kelantan dan dicetak oleh Percetakan Majlis Ugama Islam, pada tahun 1953. Risalah ini memuatkan sebanyak enam belas masalah yang selalu dipertikaikan pada masa itu. Antaranya Sunat berlafaz dengan *Uṣallī*

---

[77] *Ibid.,* 69-70.

[78] *Ibid.,* h. 81.

dan wajib berniat semasa mengangkat takbir.[79] Pengarang merujuk perbincangan dan pendapatnya kepada Hadith dan syarahnya dan penulisan fiqh dalam pelbagai mazhab. Tetapi pendapat mazhab syafii diutamakan dalam kesimpulannya.[80]

Selain itu banyak kitab-kitab lain yang diterbitkan pada kurun ke dua puluh ini. Antaranya ialah*Hidāyah al-Nikāh*, *Majmū' al-La'ali, Bunga Ganti*, dan *Fasl fi al-Kitāb'ala Talb al-Halāl* dan *Fasl fi al-Tijārah* oleh Tuan Husain bin Mohd. Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari,*Jalan Sejahtera, Pengenal Kesucian, Pelajaran Membahagikan Pusaka,* dan *'Aqd al-Falah* oleh Haji Umar Ismail Nuruddin al-Kelantani, Kitab al-Jawahir al-Safiyah fi Mukhtasar Mazhab Shafiyah oleh Raja Haji Uthman bin Raja Yahya, *Marilah Sembahyang* oleh Harun Taib Amin, *Taḥmīd al-Muṣalli* oleh Abd Hamid bin Ahmad al Rawwa.[81]

Ternyata pada kurun ke dua puluh ini telah berlaku perubahan yang besar kepada bentuk penulisan di Tanah Melayu. Contohnya sebahagian penulisan fiqh pada kurun ini tidak lagi merujuk kepada karya-karya karangan ulama mazhab al-Syāfi'i seperti karya Abu Bakar al-Ash'ari. Abu Bakar telah menghasilkan karya-karya yang terus merujuk kepada ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith seperti karya beliau *Pedoman Ibadat Puasa*[82].

---

[79] *Ibid.,* h. 93.

[80] Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, 93-94.

[81] *Ibid.,* 70-76.

[82] Abu Bakar al-Ashaari, *Pedoman Ibadat Puasa* (Pulau Pinang: Muhammad Ali al-Rawi, 1953), 2.

Syaykh Abu Bakar adalah sebahagian pelajar lepasan pengajian di Timur Tengah telah terpengaruh Gerakan Islah di Mesir sebagaimana pelajar-pelajar lepasan timur tengah ketika itu. Abdul Halim menyatakan:[83]

> "Gerakan Islah di Mesir, ajaran Wahabiyyah di Saudi Arabia dan ajaran Syaykh Waliullah al-Dihlawi, mendapat perhatian di kalangan setengah pelajar-pelajar Malaysia…. Mereka cuba menyebarkan fahaman baru ini kepada masyarakat apabila kembali ke tanah airnya".

Kesimpulannya pada kurun ini telah lahir satu bentuk penulisan baru yang mengiringi bentuk penulisan tradisional bermazhab khususnya mazhab Syafi'i. Penulisan bentuk baru ini cuba membuat pembaharuan dengan terus merujuk kepada nas-nas asal dari al-Qur'an dan al-Hadith disamping rujukan pelbagai ulama muktabar pelbagai mazhab.

## 7.0 Karya-Karya Fiqh di Tanah Melayu Selepas Merdeka sehingga Tahun 1998.

Perkembangan penerbitan karya fiqh telah pengkaji paparkan bermula dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu. Begitu juga kesungguhan para ulamak dalam menghasilkan karya-karya mereka untuk membantu masyarakat mengetahui dan mendalami isu-isu berkaitan ibadat. Kerja-kerja tersebut terus dilaksanakan oleh ulamak-ulamak yang berada pada tahun-tahun selepas merdeka. Diantara karya yang ditulis selepas merdeka ialah karya yang bertajuk *Bimbingan Ibadah*. Karya ini ditulis oleh Maryam binti Abdul Majid

[83] Abdul Halim El-Muhammad, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1986), 31.

pada tahun 1966 dan hanya diterbitkan pada tahun 1980 oleh Jabatan Agama Johor, Johor Baharu. Karya asli ini mengandungi 537 halaman muka surat[84].

Karya ini antara karya fiqh ibadat yang terlengkap yang ditemui oleh pengkaji yang membicarakan semua tajuk berkaitan ibadat. Maryam membahagikan karya ini sebagai berikut; 43 tajuk besar antaranya al-Ṭahārah, Bersugi, Istinja', Wudhu', Mandi Wajib, Mandi Sunat sehinggalah tajuk-tajuk Sembahyang, Puasa, Zakat, Haji dan Umrah. Selepas tajuk-tajuk besar ini barulah penulis membahagikan penghuraian tajuk tersebut dengan mendatangkan tajuk-tajuk kecil untuk memudahkan kefahaman para pembaca.[85]

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an dan al-Hadith. selain itu penulis juga merujuk karya-karya ulama' muktabar mazhab Syāfi'i seperti pendapat al-Rafii dan al-Nawawi[86] dari mazhab Syafi'i. Hal ini menunjukkan karya ini masih menjadikan karya mazhab Syafi'i sebagai asas rujukan kepada karya ini.

Penulis tidak ketinggalan membicarakan isu-isu semasa yang biasa menjadi persoalan dikalangan umat Islam seperti hukum berpuasa bagi

---

[84] Maryam binti Abdul Majid, *Persoalan Ibadah Puasa*, (Johor Baharu: Jabatan Agama Johor, 1980).

[85] *Ibid.*

[86]Al-Nawawi adalah salah sorang tokoh mazhab Syafii yang hidup di dalam abad ketujuh Hijrah. Tokoh ini banyak mengahsilkan karya fiqh. Manakala al-Rafi'i juga merupakan seorang tokoh utama mazhab Syafi'i di akhir abad keenam Hijrah dan permulaan abad ketujuh. Beliau telah menghasilkan beberapa buah kitab, antaranya ialah *al-Syarḥ al-Kabīr* dan *al-Syarḥ al-Saghir*. Mat Saad Abd Rahman (1986), *Penulisan Fiqh al-Syafii Pertumbuhan dan Perkembangannya,* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1986), 41-49.

perempuan yang mengandung dan menyusukan anak[87]. beliau membahagikan golongan tersebut kepada dua bahagian yang pertama diharuskan berbuka dan *qaḍā'* sahaja sekiranya mereka takut dengan sebab puasa akan mengganggu kesihatan mereka, manakala yang kedua diharuskan berbuka, *qaḍā'* serta *fidyah* sehari sebanyak satu cupak untuk fakir dan miskinkalau ditakuti akan mengganggu anak yang disusukan seperti kering air susu. Karya ini digarap dengan mengunakan bahasa yang mudah.Hal ini,mampu memberi kefahaman kepada pembaca dan sebahagian bentuk perubahan yang berlaku terhadap karya-karya fiqh khususnya fiqh ibadat selepas merdeka.

Satu lagi isu yang dikupas oleh penulis ialah isu perempuan haid masuk ke dalam masjid. Dalam isu ini penulis mengharamkan perempuan haid berada di dalam masjid. Namun, perbahasan ini tidak dikupas dengan mendatangkan dalil bagi mengukuhkan tulisan tersebut.

Kesimpulannya, karya ini merupakan sumbangan Maryam binti Abdul Majid kepada khazanah ilmiah di Malaysia. Beliau seorang penulis yang kreatif kerana berjaya menampilkan beberapa perubahan terutama penggunaan bahasa yang lebih mudah sesuai dengan keadaan ketika itu. Namun, terdapat sedikit kelemahan dalam karya ini apabila beliau tidak mendatangkan dalil dalam beberapa isu.

Seterusnya terdapat sebuah lagi karya selepas merdeka untuk dikupas iaitu Panduan Solat Jemaah, Satu Huraian Menurut Mazhab Syafie. Karya ini

---

[87] *Ibid.*, 454.

ditulis oleh Mohd Saleh Haji Ahmad[88] pada tahun 1990 dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa, Kuala Lumpur. Karya yang merupakan karya asli beliau ini mengandungi 144 halaman muka surat[89].

Di dalam karya ini, penulis memuatkan muqaddimah dan 23 tajuk yang berkaitan dengan isu-isu solat jemaah. Antara tajuk-tajuk tersebut adalah pengertian solat jemaah, pensyariatan solat jemaah, fadhilat solat jemaah, hikmah dan rahsia solat jemaah, hukum solat jemaah, keuzuran yang boleh meninggalkan solat jemaah dan lain-lain[90]. Di akhir kitab ini penulis menyenaraikan beberapa buah kitab fiqh berbahasa Arab dan Melayu yang dijadikan rujukan asas dalam penulisan kitabnya ini. rujukan-rujukan tersebut seperti *al-Iqnā, Nail al-Auṭār, I'anah al-Ṭalibīn'alā Khāl al-Alfāz Fath al-Mu'in, Ḥāsyiah al-Bajurī, Bughyah al-Mustarsyidīn, Bughyah al-Ṭullāb, Sabīl al-Muhtadīn* dan lain-lain lagi.

---

[88] Mohd Saleh Hj Ahmad lahir pada 5.7.1947 di Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah melayu, Taiping, Perak. Kemudian beliau memulakan pengajian menengahnya di Punduk Gajah Mati, Pendang, Kedah pada tahun 1959 hingga 1967. Selepas itu bertukar ke Madrasah al-Irsyadiah batu 26, Bagan Dato', Perak pada tahun 1967 sehingga 1968. Berikutnya ke Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1979, selepas itu beliau menyambung pengajian ke Fakulti Pengajian Syariah dan Undang-Undang Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri pada tahun 1970 dan mendapat ijazah Sarjana Syariah Muda Undang-Undang pada tahun 1973 daripada (YPTIK). Beliau dihadiahkan biasiswa oleh Kerajaan Kelantan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar. Sekali lagi beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah pada tahun 1976, berikutnya Ijazah Sarjana dalam bidang al-Fiqh al-Muqārīn pada tahun 1978. Beliau kembali ke tanah air dan memulakan kerjayanya sebagai pensyarah difakulti Syariah dan Undang-Undang (YPTIK) pada tahun 1981. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Professor Madya pada tahun 1996. Setelah tamat perhidmatannya beliau berhidmat di Universiti Islam Antarabangsa sehingga sekarang. Mohd Soleh Hj Ahmad (2006), *Panduan Solat Jemaah dan Solat Musafir Jama' dan Qasar* (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abd Majid, 2006), halaman muka belakang.

[89] Mohd Saleh Haji Ahmad, *Panduan Solat Jemaah, Satu Huraian Menurut Mazhab Syafi'i* (Selangor: Hizbi Sdn. Bhd., 2006).

[90] *Ibid.*, 3.

Di antara isu-isu yang dibincangkan dalam karya ini ialah kehadiran wanita ke masjid[91]. Dalam isu ini penulis mengupas ulasannya berdasarkan pandangan mazhab Syafi'i. Hal ini kerana beliau hanya memindahkan kupasan-kupasan fuqahā' terdahulu daripada kitab-kitab turath[92]. Menurut penulis, wanita lebih afdal mengerjakan solat jemaah di rumah daripada di masjid. Namun, beliau mengharuskan wanita ke masjid sekiranya mereka dapat menjauhkan diri daripada kelakuan yang boleh menimbulkan fitnah.

Pengkaji berpendapat kupasan isu ini perlu diolah mengikut suasana semasa agar ia akan dapat mengatasi pelbagai masalah. Pengkaji berpendapat, wanita-wanita hari ini sepatutnya digalakkan hadir ke masjid untuk solat berjemaah, mendengar kuliah, belajar agama dan sebagainya kerana itulah satu-satunya tempat yang paling baik untuk mereka mendalami agama sekiranya tiada mendatangkan mudharat kepada mereka. Kupasan fiqh yang dibuat oleh fuqaha hari ini perlulah mengambil kira lima faktor keluasan dan kehebatan yang terdapat dalam syariat Islam yang dikemukakan al-Qaraḍawī dalam penulisannya bertajuk *'Awāmīl al-Si'ah wa al-Murūnah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*[93], iaitu:

1. Luasnya ruang kemaafan atau kekosongan yang sengaja ditinggalkan,
2. Pengutamaan nas-nas syarak terhadap hukum yang bersifat umum (*kulli*),

---

[91] *Ibid,*. h. 10-12

[92] Kupasan yang sama juga dibuat di dalam kitab *al-Iqnā.* Muḥammad al-Khātib al-Syarbīnī, *al-Iqnā,* (Singapura: Maṭba'ah Sulaiman Mar'i, t.t), 1:141.

[93] Al-Qaraḍawī (1999), *'Awamil al-Si'ah wa al-Murunah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah,* (Kaherah: Dār al-Ṣafwah, 1999), 15.

3. Kemungkinan nas-nas tersebut untuk menerima pelbagai pemahaman,

4. Meraikan keperluan dasar (*al-ḍarūriyyāt*), keuzuran, dan keadaan khusus yang dikecualikan daripada hukum,

5. Perubahan fatwa berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan *'urf*.

Pengkaji berpendapat, penulis hari ini perlu lebih terbuka dalam penulisan mereka. Hal ini bermaksud, penulisan mereka perlu merujuk kembali kepada nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith disamping pendapat-pendapat ulama *turāth* dan kontemporari dengan membuat kupasan-kupasan berdasarkan keadaan semasa.

Secara umumnya karya ini mempunyai susunan yang baik, bahasa yang mudah difahami dan perbahasan yang disertakan dalil. Justeru karya ini wajar di manfaatkan oleh masyarakat pembaca. Walau bagaimanapun pengkaji mencadangkan karya ini perlu dipertingkatkan nilai intelektualnya dengan mengutamakan kupasan isu-isu berdasarkan keperluan semasa, tempat, keadaan dan *'urf* . Karya ini mendapat tempat dihati pembaca di Malaysia apabila ia telah terjual sekitar 2000 naskhah sehingga tahun 2005.

Kesimpulannya, pada zaman selepas merdeka karya-karya berbentuk tradisional telah mengalami perubahan dari segi penggunaan bahasa yang lebih mudah difahami sesuai dengan kehendak semasa ketika itu. Walaupun isi kandungan perbahasan masih merujuk kepada ulama' muktabar mazhab Syafi'i,

namun penulis-penulis telah menggunakan bahasa melayu mudah, mesra pembaca dan sesuai.

## 8.0 Kesimpulan

Penulisan fiqh di Tanah Melayu telah berkembang dengan baik dan berjaya memenuhi keperluan masyarakat. Walaupun pada peringkat awal penulisan fiqh di Tanah Melayu hanya menyalin tulisan-tulisan ulama-ulama muktabar mazhab Syafi‘i namum ia telah berjaya membentuk pemikiran umat Islam supaya terus melaksanakan ibadat kepada Allah SWT.

Perkembangan tersebut terus dirancakkan oleh golongan reformis yang lebih terbuka. Golongan ini telah melahirkan banyak karya-karya fiqh yang terus merujuk kepada nas-nas asal daripada al-Qur’an dan al-Hadith, selain pendapat-pendapat ulama’ muktabar pelbagai mazhab. Hal ini telah mencorak bentuk baru penulisan fiqh yang lebih terbuka di Tanah Melayu sehingga merdeka.

# BAB KETIGA

# KARYA-KARYA FIQH IBADAT DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008 DI MALAYSIA

## 1.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan menyenaraikan 50 karya-karya penulisan mengenai fiqh ibadat yang terdapat di Malaysia dari tahun 1998 sehingga 2008. Pemilihan tahun-tahun tersebut kerana tahun 1998 adalah permulaan dekad kelima selepas merdeka. Justeru, pengkaji ingin meneliti trend-trend terkini karya-karya fiqh ibadat yang dihasilkan selepas empat dekad kemerdekaan Tanah Melayu.

Pengkaji menyenaraikan karya-karya tersebut mengikut turutan tahun. Semua 50 karya tersebut mewakili bidang fiqh ibadat yang utama iaitu bersuci, solat, puasa dan haji. Selain itu, karya-karya tersebut juga mewakili tema-tema yang masih berada di dalam bab ibadat seperti pengurusan jenazah, korban, akikah dan lain-lain. Karya-karya tersebut pengkaji telah usahakan memperolehinya daripada kedai-kedai buku, syarikat-syarikat penerbitan, dan perpustakaan peribadi kawan-kawan.

Perkara penting yang dibincangkan ialah mengenai pengenalan karya, metode penulisan dan penyusunan, dan analisis umum isi kandungan karya. Selain itu, pengkaji juga akan membuat kesimpulan hasil kajian terhadap karya-karya tersebut.

## 2.0 Senarai Karya-Karya Fiqh Ibadat Dari Tahun 1998 Sehingga 2008 di Malaysia

**Karya Pertama :** ***Persoalan Ibadah Puasa***

Karya ini ditulis oleh Mohd Zul Helmi pada tahun 1998 dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa. Karya asli ini mengandungi 233 halaman muka surat[94].

Karya ini dibahagikan kepada 14 topik perbincangan. Topik-topik tersebut ialah pengertian puasa dan tarikh difardhukan, keutamaan dan kelebihan Ramadhan yang mulia, hubungan puasa dengan *khāliq* Yang Maha Esa, puasa dan kesan pengaruhnya kepada manusia, perkara-perkara yang merosakkan puasa, kifarah puasa, masalah bersangkutan hutang puasa, sesuatu perkara yang tidak membatalkan puasa dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim, kitab-kitab hadith, kitab-kitab fiqh turath dan kitab-kitab fiqh kontemporari seperti *Muayyan al-Mubīn* oleh Syaykh 'Abd al-Raḥmān Ḥākim, *al-Ṣiyām fī al-Islām* oleh Muḥammad Maḥmūd al-Ṣawāf, *Maṭla' al-Badrain, Ṣaumal-Ramaḍān* oleh 'Abd al-Razzāq Naufal dan sebagainya.

Di dalam karya ini, penulis telah menyentuh isu-isu semasa berkaitan puasa antaranya ialah harus bagi ahli-ahli bomba, ahli-ahli pertolongan cemas dan seumpamanya berbuka puasa. Menurut beliau, mereka diharuskan berbuka

---

94 Mohd Zul Helmi, *Persoalan Ibadah Puasa* (Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa, 1998), 45.

apabila dengan cara berbuka sahaja mereka akan bertenaga dan mampu menolong mangsa yang dalam kecemasan dan dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda mereka[95].Pandangan yang sama telah terdapat di dalam karya-karya turath seperti *al-Iqnā‘* tulisan Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Syarbīnī[96].

Secara keseluruhannya karya ini baik dari sudut metode susunannya, isu-isu semasa yang dibahaskan dan isi kandungan yang lengkap. Justeru, karya ini wajar dijadikan rujukan oleh masyarakat yang ingin mengetahui selok belok puasa dan persoalan berkaitannya. Karya ini adalah karya popular kerana berbentuk panduan umum. Setakat kajian ini dijalankan karya ini masih dijual di pasaran dan tidak terdapat mana-mana pihak yang mempertikaikannya.

**Karya Kedua : *Hukuman dan Persoalan Sembahyang Jemaah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Muhammad Ramzi Omar dan diterbitkan oleh Pustaka Ilmi pada tahun 1998. Karya ini mengandungi 179 halaman muka surat[97]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu solat jemaah.

---

[95] *Ibid.*, 121.

[96] Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Syarbīnī (1940), *al-Iqnā‘*, (Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa aulāduh, 1940), 1:223.

[97] Muhammad Ramzi Omar, *Hukuman dan Persoalan Sembahyang Jemaah*, (Selangor: Pustaka Ilmi, 2007).

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 10 buah tajuk iaitu pengenalan istilah-istilah fiqh mazhab Syafi'i, pensyariatan sembahyang jemaah, hukum sembahyang jemaah, mazhab-mazhab ulamak tentang hukum sembahyang jemaah, tempat yang paling afdhal didirikan jemaah, mendapat takbir al-ihram bersama imam, mempercepat perjalanan untuk mendapat fadhilat takbir al-ihram, mendapat fadhilat sembahyang berjemaah, dan hukum imam meringan dan memanjangkan sembahyang. Selain itu penulis juga membincangkan sebanyak 91 masalah berkaitan solat berjemaah.

Rujukan utama di dalam karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu penulis juga merujuk kepada kitab fiqh turath iaitu *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* dan *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah al-Ma'ani al-alfāz al-Minhāj*.

Di antara isu yang dibahaskan di dalam karya ini ialah makmum menyertai imam ketika imam rukuk[98]. Menurut penulis berkaitan isu ini, jika makmum menyertai imam pada kadar masa yang mencukupi maka ia mendapat rakaat itu. Di dalam isu ini penulis berhujah mengunakan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Isu ini dikupas dengan baik berpandukan mazhab Syafi'i.

Secara umumnya karya ini adalah karya popular yang sesuai untuk panduan umum. Karya ini memaparkan beberapa keistimewaan seperti bahasa

---

[98] *Ibid.*, 61.

yang mudah difahami, susunan tajuk yang kemas dan perbahasan isu-isu solat jemaah secara menyeluruh. Justeru karya ini wajar dimiliki oleh semua golongan masyarakat untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang solat berjemaah.

**Karya Ketiga : *Pengurusan Jenazah Menurut Empat Mazhab dan Doa-Doa Menghadapi Mati***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Abu Muhammad dan diterbitkan oleh Jasmin Publications pada tahun 1999. Karya ini mengandungi 255 halaman muka surat[99]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai pengurusan jenazah.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada empat tajuk besar iaitu mengenai orang sakit, menjelang ajal manusia, pengurusan jenazah, dan amalan dan zikir orang sakit. Setiap tajuk besar tersebut diikuti dengan beberapa tajuk kecil sebagai pelengkap perbincangan. Sebagai contoh di bawah tajuk besar pengurusan jenazah terdapat tajuk hukum memandikan jenazah, syarat-syarat memandikan jenazah, hukum menyentuh aurat dan memandikan jenazah lawan jenis, dan lain-lain.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith, kitab-kitab fiqh seperti *al-Fiqh Alā al-Madhāhib al-Arba'ah, Zaad al-Ma'ād*, dan *Fiqh al-Sunnah*. Selain itu penulis juga merujuk kepada kitab-kitab

[99] Abu Muhammad, *Pengurusan Jenazah Menurut Empat Mazhab dan Doa-Doa Menghadapi Mati*, (Selangor: Jasmin Publications, 1999).

fiqh berbahasa Indonesia seperti *Risalah Janā'iz*, *Sunnah Rasulullah SAW Tentang Jenazah* dan *Menyelenggarakan Jenazah Antara Sunnah dan Bid'ah*.

Di antara isu yang disentuh dalam karya ini ialah kaifiyat melaksanakan sembahyang jenazah[100]. Penulis membahaskan isu ini dengan mendatangkan setiap kaifiat tersebut menurut mazhab-mazhab yang empat. Sebagai contoh beliau menerangkan kaifyiat yang diamalkan di dalam mazhab Syafi'i iaitu orang yang menyembahyangkan sendirian berdiri di samping kepalanya, jika jenazah itu lelaki, dan di sisi buntutnya jika jenazah itu perempuan atau pondan, berniat sembahyang jenazah, takbir al-ihram, membaca fatihah, takbir kedua dan membaca selawat, takbir ketiga lalu mendoakan kepada mayat, takbir keempat dan memberi salam.

Secara umumnya karya ini cenderung meneliti aspek-aspek berkaitan pengurusan jenazah dengan berdasarkan pandangan empat mazhab yang utama. Pengunaan bahasa melayu yang baik dan penyusunan tajuk yang kemas satu kelebihan yang terdapat dalam karya ini. Justeru, karya ini wajar dimiliki oleh masyarakat kerana perbahasannya yang lengkap di dalam memahami semua isu berkaitan pengurusan jenazah. Karya ini adalah sebuah karya popular yang hanya sesuai dibaca oleh masyarakat awam.

---

[100] *Ibid.,* h. 66.

**Karya Keempat:** ***Bimbingan Pengurusan Mayat***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Akmal Haji Md Zain dan diterbitkan oleh al-Hidayah Publishers pada tahun 1999. Karya ini mengandungi 214 halaman muka surat[101]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai pengurusan berkaitan jenazah.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada lapan tajuk besar. Setiap tajuk besar tersebut disusuli dengan beberapa tajuk kecil yang berkaitan. Tajuk-tajuk besar yang dibincangkan ialah memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, solat jenazah, membawa dan menghantar jenazah, menguburkan jenazah, hukum yang berkaitan dengan kubur, takziah dan ziarah kubur.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemprari seperti *I'ānat al-Ṭālibīn*, *al-Muḥalla*, dan *al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab fiqh berbahasa Melayu iaitu bertajuk *Asas Pengetahuan Agama Islam*.

Di antara isu yang bincangkan dalam karya ini ialah duduk di atas kubur. Menurut penulis, duduk, bersandar, dan berjalan diatas kubur adalah dilarang di dalam Islam. Bagi menguatkan hujah beliau membawa dalil-dalil hadith yang berkaitan dengan isu tersebut. Isu ini dihuraikan secara mendalam oleh penulis. Menurutnya, Ibnu Hazmin dan segolongan ulamak salaf termasuk

[101] Akmal Md Zain, *Bimbingan Pengurusan Mayat* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1999).

Abu Hurairah RA menghuraikan larangan tersebut dengan maksud haram, kerana di dalam hadith-hadith berkaitan isu itu terdapat ancaman. Manakala jumhur ulamak termaksuk al-Syāfi'i, al-Nakha'i, al-Laith, Ahmad bin Hanbal, dan Abu Daud mengertikan larangan tersebut adalah makruh. Sedangkan Ibnu Umar dari golongan sahabat, Abu Hanifah dan Malik menyatakan boleh duduk di atas kubur. Namun menurut penulis, pendapat Imam Malik dan yang sependapat dengannya dibantah oleh para fuqaha dan *muḥaddithin*, dengan mengatakan bahawa hadith yang dipetik oleh Imam Malik itu adalah hadith *dhaif* (lemah).

Secara umumnya karya ini menampilkan keistimewaan tersendiri anataranya susunan topik yang baik, bahasa yang mudah difahami. Karya ini adalah salah satu karya fiqh yang berbentuk ilmiah kerana terdapat perbahasan dan huraian ilmiah, kritikan dan pentarjihan isu. Justeru, karya ini wajar dimiliki oleh semua golongan pembaca sebagai panduan berkaitan isu pengurusan mayat.

**Karya Kelima :** ***100 Persoalan Puasa***

Karya ini ditulis oleh Ustaz Azhar bin Yahya[102] dan Ustazah Fadilah bin Yaacop[103] pada tahun 2000 dan diterbitkan oleh Faza Publications. Karya asli ini mengandungi 92 halaman muka surat[104].

---

[102] Ustaz Azhar Haji Yahya merupakan anak kelahiran Parit, Perak dan dibesarkan di Sentul Kuala Lumpur. Mendapat pendidikan asas agama di tangan kedua orang tuanya, seterusnya di Sekolah Menengah Agama Negeri, Rawang, Sekolah Menengah Agama Tinggi, Kuala Kubu Baharu dan Kolej Islam Sultan Ahmad Shah. Beliau mendalami bidang Syariah dan Perundangan Islam secara formal di Universiti al-Azhar dan Universiti Kebangsaan Malaya.Kini sebagai pensyarah di Kolej

Penulis menyusun karya ini berbentuk soal jawab bagi menarik minat pembaca[105]. Penulis mendatangkan 100 soalan dengan tajuk-tajuk tertentu berkaitan dengan puasa seperti pengertian puasa[106], kelebihan puasa[107], kajian semasa isu-isu perubatan ketika puasa[108] dan sebagainya. Penulis menjawab soalan-soalan dalam karyanya ini dengan begitu ringkas, padat dan mudah difahami sekali. Jawapan ditulis secara ringkas selepas soalan-soalan dikemukakan. Penulis turut mendatangkan dalil-dalil al-Qur'an al-Karim dan hadith. Selain itu, penulis juga mendatangkan pandangan mazhab-mazhab, namun penulis mengutamakan pandangan mazhab Syafi'i. Dalam isu-isu tertentu penulis mendatangkan fatwa kontemporari.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim, kitab-kitab hadith, kitab-kitab fiqh turath dan kitab-kitab fiqh kontemporari seperti *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, *al-Iqnā'*, *Mughnī Muḥtāj*, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syāfi'ī*, dan sebagainya. Selain itu, pengarang juga merujuk kepada karya-karya fatwa seperti *Fatāwā al-Mu'āṣarah*, dan sebagainya.

---

Universiti Islam Zulkifli Muhammad. Lihat Azhar Yahya et al. , *100 Persoalan Puasa* (Kuala Lumpur: Faza Publications, 2000), halaman muka belakang.

[103] Ustazah Fadilah Haji Yaacop, dilahirkan dan dibesarkan di Pendang, Kedah. Beliau pernah menuntut di Maktab Mahmud, Kolej Islam Sultan Ahmad Shah dan Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau kini bergiat cergas berdakwah dan mengajar di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Lihat Ustaz Azhar bin Yahya, *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi* (Kuala Lumpur: Faza Publications, 2007), halaman kulit belakang.

[104] Azhar Yahya et al. *100 Persoalan Puasa*.

[105] *Ibid.*, 7.

[106] *Ibid.*, 9.

[107] *Ibid.*, 9.

[108] *Ibid.*, 74.

Antara isu-isu kontemporari berkaitan dengan puasa adalah isu perubatan ketika puasa seperti penggunaan ubat titis mata dan telinga. Dalam hal ini, penulis telah mengambil pandangan keputusan Seminar Fiqh Perubatan Ke 9 yang diadakan di Maghribi[109]. Menurut keputusan seminar tersebut ubat titis mata dan basuh telinga tidak membatalkan puasa. Namun penulis tidak mendatangkan dalil dari sumber yang lain untuk menguatkan hujah tersebut.

Secara umumnya karya ini cenderung meneliti aspek-aspek berkaitan puasa terutama sekali isu-isu kontemporari. Oleh itu, karya ini wajar dibaca oleh masyarakat awam kerana persembahan dan isu kandungannya yang semasa di dalam memahami hukum hakam berkaitan ibadat puasa. Sehingga kini belum terdapat mana-mana pihak mempertikaikan karya ini. Justeru, karya ini tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada masyarakat awam. Hal ini dapat dibuktikan menerusi percetakannya sebanyak lapan kali cetakan. Menerusi pengamatan pengkaji karya ini mendapat sambutan di sekitar Lembah Klang. Ini disebabkan karya ini menjadi teks pengajian di sebahagian masjid dan surah di sekitar Lembah Klang[110].

[110] Pengkaji mendapat maklumat ini ketika menyampaikan kuliah agama di sekitar Lembah Klang sejak dari tahun 2000 hingga sekarang.

**Karya Keenam :** ***Solat Pengertian, Kaifiyatnya Berdasarkan al-Qur'an Dan al-Sunnah***

Karya ini ditulis oleh Ahmad Yusuf Amin pada tahun 2000 dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa. Karya asli ini mengandungi 63 halaman muka surat[111].

Dalam karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 33 tajuk yang disenaraikan penulis. Di antara tajuk tersebut seperti solat[112], kaifiyat solat[113], *takbīrah al-iḥrām*[114], niat[115], *qiyām* (berdiri tegak)[116], dan lain-lain lagi.

Karya tulisan Ahmad Yusuf Amin ini cuba menjelaskan mengenai solat dengan mengupas pengertian, kaifiyat solat berdasarkan al-Qur'an dan hadith. Dalam buku ini penulis ingin membawa pembaca kepada sumber-sumber asal dari al-Qur'an dan Hadith yang membicarakan tentang solat sebagai panduan mereka dalam melaksanakannya berlandaskan petunjuk Nabi SAW.

---

111 Ahmad Yusuf Amin, *Solat Pengertian, Kaifiyatnya Berdasarkan al-Qur'an Dan al-Sunnah* (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2000).

112 *Ibid.*, 1.

113 *Ibid.*, 2.

114 *Ibid.*, 3.

115 *Ibid.*, 7.

116 *Ibid.*, 8.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis juga merujuk kepada karya fatwa iaitu *Fatāwā al-Kubrā* oleh *Ibni Taymiyyah*. Analisis pengkaji terhadap karya ini menunjukkan bahawa pengunaan dalil hadith sangat dominan dalam setiap kenyataan atau kata-kata yang diutarakan oleh penulis.Dalam karya ini terdapat sebanyak 109 buah hadith kesemuanya. Contohnya dalam tajuk 'Bacaan al-Fatihah' sahaja penulis mendatangkan tiga buah hadith[117]. Penulis turut mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an sebagai hujah kepada kata-katanya. Kenyataan ini dapat dilihat pada penghuraian tajuk solat di muka surat 1 karya ini[118].

Antara isu-isu solat yang disentuh oleh penulis adalah seperti bacaan *basmallah* di dalam al-Fatihah sama ada nyaring atau perlahan[119]. Menurut penulis bacaan basmalah adalah harus tetapi dibaca secara perlahan. Dalam hal ini penulis berdalilkan kepada hadith daripada Anas bin Malik. Menurut beliau lagi terdapat hadith-hadith yang menerangkan tentang adanya bacaan *basmallah*dengan nyaring, namun hadith-hadith tersebut adalah palsu[120]. Namun beliau tidak mendatangkan hadith tersebut dan menganalisisnya secara ilmiah.

Berdasarkan kepada gambaran tersebut, karya popular ini boleh dijadikan sebagai bahan bacaan kepada guru-guru agama, pelajar dan

---

117 *Ibid.,* 10.

118 *Ibid.,* 1.

119 *Ibid.,* 11.

120 Perkataan yang dibuat-buat atau perkataan dusta yang dinisbahkan kepada Nabi SAW. Oleh itu definisi Hadith Palsu adalah perkataan dusta atau yang dibuat-buat oleh seseorang (merangkumi perkataan, perbuatan, ketetapan, dan sifat jasmani dan karakter) kemudian dinisbahkan kepada nabi Muhammad saw. Sehingga seakan-akan Nabi yang mengatakannya atau melakukannya. Lihat Maḥmūd al-Taḥḥan, '*Ilm Muṣṭalaḥ al-Hadīth* (Kaherah: Dār al-Qubā', 2001), 13.

masyarakat bagi memahami selok-belok solat. Sehingga kini pengkaji mendapati karya ini sukar ditemui di kedai-kedai buku ini mungkin kerana pendekatannya yang tidak ditulis berdasarkan mazhab yang diterima dan diamalkan oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

**Karya Ketujuh : *Panduan Lengkap Sembahyang Sunat***

Karya ini ditulis oleh Muhammad Yusof Haji Ismail pada tahun 2000 dan merupakan karya asli beliau. Ia mengandungi 233 halaman muka surat dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa[121]. Karya ini cmenjelaskan mengenai jenis-jenis sembahyang sunat.

Susunan penulisan karya ini dibahagikan kepada empat bab. Setiap bab mempunyai tajuk-tajuk tertentu seperti pengertian dan kepentingan sembahyang sunat[122], persoalan berkaitan sembahyang sunat[123], jenis-jenis sembahyang sunat[124], dan ayat dan surah yang sering dibaca di dalam sembahyang[125].

Dari aspek rujukan, penulis hanya membuat rujukan kepada kitab-kitab hadith secara terjemahan. Manakala sumber rujukan lain tidak dicatat oleh penulis secara langsung.

---

[121] Muhammad Yusof Haji Ismail, *Panduan Lengkap Sembahyang Sunat* (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2000).

[122] *Ibid.,* 1.

[123] *Ibid.,* 11.

[124] *Ibid.,* 22.

[125] *Ibid.,* 208.

Solat nisfu sya‘ban menjadi satu isu yang dipersoalkan oleh masyarakat Islam dewasa ini telah dimasukan oleh penulis di dalam karyanya. Menurut beliau, pada malam nisfu Sya‘ban disunatkan solat dua rakaat solat nisfu Sya‘ban. Namun, beliau tidak mendatangkan dalil-dalil sama ada daripada al-Qur‘an atau Hadith. Pada pendapat pengkaji, penulis sepatutnya peka terhadap keperluan kepada dalil-dalil yang kukuh kerana ia boleh menyediakan gambaran yang jelas kepada para pembaca tentang kesahihan sesuatu amalan tersebut. Sedangkan solat sunat nisfu Sya’ban perkara yang menjadi perdebatan hangat di kalangan ulamak. Di antara ulamak yang menyatakan solat sunat nisfu Sya‘ban adalah bid‘ah ialah Dato’ Said Alwe Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor[126].

Secara umumnya pengkaji mendapati bahawa karya ini memiliki metode susunan yang baik dan penggunaan tulisan dan bahasa yang mudah difahami. Namun, dari aspek rujukan penulis tidak membuat rujukan secara langsung kepada sumber hadith seperti kebanyakan penulisan ilmiah

**Karya Kelapan : *Panduan Praktis Haji dan Umrah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Haji. Johari Haji. Alias dan diterbitkan oleh Darul Nu’man pada tahun 2001. Karya ini mengandungi 122 halaman muka surat[127]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai haji dan umrah.

---

[126] Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, http://infad.usim.edu.my dicapai pada 11.10.2012.

[127] Johari Haji Alias, *Panduan Praktis Haji dan Umrah*, (Kuala Lumpur: Darul Nu’man, 2001).

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 6 tajuk. Setiap tajuk akan dikupas dengan tajuk-tajuk lain sebagai tajuk cabang sebagai contoh tajuk ihram akan dihuraikan oleh beberapa tajuk dibawahnya iaitu tajuk lafaz niat mandi sunat ihram, lafaz niat solat sunat ihram, berniat ihram umrah (*tamattu*') dan sebagainya. Dari segi rujukan, penulis tidak menyenaraikan rujukan yang digunakan ketika menyiapkan karya ini.

Di antara isu yang tulis di dalam karya ini ialah doa-doa ihram[128]. Penulis menyenaraikan 6 doa berkaitan ihram iaitu doa ketika masuk tanah haram Makkah, doa ketika melihat kota Makkah, doa ketika masuk masjid al-haram, lafaz ketika melihat ka'bah, doa ketika melihat ka'bah, dan doa semasa menuju ke hajar aswad.

Secara umumnya karya ini adalah karya popular kerana isi kandungannya yang ringkas dan tiada huraian yang mendalam tentang sesuatu isu yang dibincangkan. Justeru, karya ini baik untuk dimiliki dan dijadikan rujukan oleh mereka yang akan dan sedang menunaikan haji dan umrah.

**Karya Kesembilan : *Panduan Amalan Ibadat Harian***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Muhammad bin A. Rahman dan diterbitkan oleh Pustaka Ilmi pada tahun 2001. Karya ini mengandungi 224

---

[128] *Ibid.*, 3.

halaman muka surat[129]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai amalan ibadat harian seperti solat, puasa, dan sebagainya.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Terdapat 8 tajuk yang dibincangkan iaitu perundangan Allah, solat, zakat, arak, pembunuhan, ibubapa, perkahwinan, dan rasuah. Seterusnya disetiap tajuk besar tersebut terdapat tajuk-tajuk kecil yang tersenarai bagi mengupas isu berkaitan tajuk besar. Sebagai contoh, di bawah tajuk solat terdapat beberapa tajuk diantaranya ialah perintah solat, makna solat, jenis solat, syarat sah solat, rukun solat, pecahan rukun solat, dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini ialah karya fiqh terjemahan seperti *Fatḥ al-Mu'īn dan al-Umm.* Selain itu, penulis merujuk kepada kitab-kitab fiqh berbahasa melayu seperti *Panduan Zakat Perniagaan* dan *al-Iman*, *Panduan Perkahwinan*.

Di antara isu yang dibahaskan di dalam karya ini ialah membaca fatihah di dalam solat[130]. Menurut penulis, surah al-Fātiḥah wajib di baca pada setiap rakaat solat. Namun, dalam keadaan tertentu bacaan al-Fātiḥah boleh ditinggalkan. Hal ini berlaku di dalam solat jemaah apabila makmum terlewat (*masbūq*) dan tidak sempat membaca al-Fātiḥah kerana imam sudah rukuk. Menurutnya, orang yang masbuk perlu meninggalkan al-Fātiḥah dan turut

---

[129] Muhammad bin A. Rahman, *Panduan Amalan Ibadat Harian* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2001).

[130] *Ibid.,* 50.

rukuk bersama imam untuk mendapatkan rakaat itu. Sekiranya dia meneruskan bacaan al-Fātiḥah nescaya dia tidak memdapat rakaat tersebut.

Secara umumnya karya ini wajar dimiliki oleh masyarakat awam sebagai bahan bacaan tambahan untuk memahami semua amalan ibadat harian. Pengunaan bahasa melayu yang baik di dalam karya ini dapat membantu pembaca memahami isu-isu yang dibincangkan. Karya ini adalah karya popular kerana perbincangan isunya berbentuk umum.

**Karya Kesepuluh :** ***Panduan Ibadat Dalam Perjalanan***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Muhammad Isa Selamat dan diterbitkan oleh al-Falah Publications pada tahun 2002. Karya ini mengandungi 124 halaman muka surat[131]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu-isu ibadat dalam musafir.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 5 buah tajuk iaitu persiapan melakukan perjalanan, panduan amalan memulai perjalanan, panduan solat dalam perjalanan, praktis solat jama’ dan qasar, dan panduan puasa dalam perjalanan. Seterusnya penulis menyusun beberapa tajuk cabang bagi mengembangkan isu perbahasan tajuk-tajuk teras. Sebagai contoh tajuk-tajuk seperti tujuan bermusafir dalam islam, jenis-jenis musafir, adap bermusafir dalam Islam dan

[131] Muhammad Isa Selamat, *Panduan Ibadat Dalam Perjalanan* (Selangor: al-Falah Publications, 2002).

sebagainya berada di bawah tajuk teras persiapan melakukan perjalanan. Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith.

Di antara isu yang dibincangkan di dalam karya ini ialah solat subuh di dalam kapal terbang[132]. Menurut penulis, penumpang kapal terbang wajib menunaikan solat Subuh dengan cara berniat, melakukan isyarat, dan membaca bacaan solat. Menurutnya lagi, solat tersebut adalah solat menghormati waktu dan wajib mengqada'kan solat tersebut. Isu ini dikupas oleh penulis secara ringkas tanpa rujukan dan hujah sebagaimana karya-karya fiqh berbentuk ilmiah. Justeru, karya ini boleh dikategorikan sebagai karya popular yang sesuai untuk masyarakat awam.

Secara umumnya karya ini baik untuk dijadikan panduan masyarakat. Namun, karya ini masih perlu kepada penambahbaikan supaya kelihatan lebih praktikal dan semasa.

**Karya Kesebelas : *Panduan Solat Jemaah***

Karya ini ditulis oleh Muhammad Huzaifah pada tahun 2002 dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa. Karya ini merupakan karya asli beliau yang mengandungi 144 halaman muka surat[133]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat jemaah.

---

[132] *Ibid.*, 57.

[133] Muhammad Huzaifah, *Panduan Solat Jemaah* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2002).

Di dalam karya ini, penulis memuatkan muqaddimah dan 17 bab. Bab pertama iaitu Keutamaan solat berjemaah hingga bab yang terakhir iaitu pandangan para ulama tentang hukum solat berjemaah. Di antara bab-bab lain yang turut dibincangkan ialah seperti berjemaah di Masjid lebih utama daripada di rumah[134], solat berjemaah bagi kaum wanita[135], syarat sah mengikut imam[136], dan lain-lain lagi.

Muhammad Huzaifah menyusun karyanya ini dengan ringkas, padat, dan mudah difahami. Hukum fiqh ditulis secara ringkas selepas tajuk pada setiap bab. Manakala dalil dan keterangannya pula terdapat di bawah kenyataan hukum fiqh tersebut. Setiap dalil al-Qur'an diperkenalkan dengan nama surah dan bilangannya. Manakala hadith diperkenalkan dengan periwayatannya seperti *Rawāh al-Bukhārī wa Muslīm.*

Antara isu-isu berkaitan dengan solat jemaah adalah isu solat berjemaah bagi kaum wanita[137]. Menurut penulis, kaum perempuan juga disunatkan berjemaah tetapi lebih utama dikerjakan di rumah daripada di masjid, kerana itulah yang lebih aman bagi mereka. Beliau seterusnya membawa sebuah hadith tentang Nabi SAW menyuruh Ummu Waraqah RA menjadi imam untuk ahli rumahnya. Penulis turut menjelaskan tentang seseorang tidak boleh menghalang perempuan yang ingin ke masjid melalui sebuah hadith lain. Namun, penulis tidak memperluaskan perbincangannya tentang keperluan

---

[134] *Ibid.*,17-19.

[135] *Ibid.*, 25-28.

[136] *Ibid.*, 35- 44.

[137] *Ibid.*, 25.

semasa wanita hari ini yang sangat berhajat hadir ke masjid untuk berjemaah, menuntut ilmu, mendengar ceramah dan sebagainya. Hal ini pada pengamatan pengkaji ianya sangat mustahak untuk dibincangkan.

Secara umumnya karya ini cenderung meneliti aspek-aspek keutamaan solat berjemaah, solat berjemaah bagi kaum wanita dan orang yang lebih berhak menjadi imam. Oleh itu karya ini wajar diteliti oleh pembaca sebagai bahan bacaan yang boleh mendorong mereka memahami hal yang sebenar mengenai tuntutan solat jemaah yang telah ditinggalkan oleh masyarakat hari ini. Berdasarkan ulasan tersebut karya popular ini wajar dijadikan panduan masyarakat Islam supaya mereka lebih memahami ilmu fiqh solat berjemaah dan segala aspek berkaitan dengannya. Sehingga kajian ini dijalankan belum terdapat mana-mana pihak mempertikaikan karya ini. Oleh itu, karya ini tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada masyarakat awam.

**Karya Kedua belas:** ***Panduan Mendirikan Sembahyang Berjemaah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Abdullah[138] dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa pada tahun 2002. Karya ini mengandungi 163 halaman muka surat[139]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai sembahyang berjemaah.

---

[138] Abdullah adalah catatan asal, pengkaji tidak mendapati nama penuh penulis.

[139] Abdullah, *Panduan Mendirikan Sembahyang Berjemaah* (Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 2002).

Dalam karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut bab. Terdapat 7 bab yang disenaraikan penulis. Di antara bab tersebut seperti bab pendahuluan, cara mendirikan sembahyang jemaah, sembahyang yang dituntut berjemaah, sembahyang jumaat berjemaah dan sembahyang berjemaah ketika ketakutan.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an dan kitab-kitab hadith. Penulis tidak menyenaraikan rujukan-rujukan lain yang digunakan dalam karya ini. Di antara isu utama yang disentuh dalam karya ini ialah keutamaan sembahyang berjemaah[140]. Dalam isu ini penulis telah membahagikan beberapa tajuk kecil secara terperinci seperti berjemaah di masjid lebih utama, hukum sembahyang berjemaah, hukum meringan-ringankan sembahyang berjemaah, keuzuran meninggalkan sembahyang berjemaah dan hikmah sembahyang berjemaah. Menurutnya, sembahyang berjemaah itu sangat penting untuk dilaksanakan oleh seseorang muslim. Selain itu, menurut penulis mereka yang meringan-ringankan solat jemaah akan mendapat kutukan segala makhluk dan dimurkai oleh Allah, tidak mencium bau syurga dan dikutuk di dunia dan akhirat dan mendapat kecelakaan di dunia, ketika hendak mati, dalam kubur dan hari kiamat[141]. Penulis mendatangkan tiga buah hadith menerangkan tentang ancaman atau balasan yang akan diterima oleh mereka yang meringan-ringankan sembahyang berjemaah.

---

[140] *Ibid.,* 2.

[141] *Ibid.,* 6.

Secara umumnya karya popular ini menghalusi subjek solat berjemaah secara menyeluruh. Malah setiap jenis solat berjemaah dibahaskan dengan terperinci satu persatu dalam bab berasingan. Buku ini dipersembahkan dengan baik dari segi garapan isinya dan bahasa yang mudah difahami. Namun, karya ini masih perlu dipertingkat mutu persembahannya kerana pada pendapat pengkaji karya ini belum dilihat menepati kehendak semasa di mana tidak terdapat analisis hukum solat berjemaah yang mengambil kira suasana semasa ketika ini.

**Karya Ketiga belas :** ***Solat Jemaah Hukum dan Fadhilatnya***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Mustafa Suhaimi. ia diterbitkan oleh Progressive Publishing House Sdn. Bhd. pada tahun 2003. Karya ini mengandungi 100 halaman muka surat[142]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat jemaah.

Dalam karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 7 tajuk yang disenaraikan penulis. Di antara tajuk tersebut adalah perintah solat, rukun solat lima waktu, syarat sah dan kaifiat berjemaah, gejala yang membatalkan sembahyang, waktu dan kiblat solat, dan sebagainya.

---

[142] Mustafa Suhaimi, *Panduan Solat Kaifiat & Fadhilatnya*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2006).

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu penulis juga merujuk kepada kitab-kitab turath seperti *Nail al-Authār* dan sebagainya.

Antara isu solat jemaah yang dibahaskan oleh penulis ialah tuntutan solat berjemaah[143]. Menurut penulis, pada dasarnya sembahyang yang di wajibkan ialah sembahyang bersendirian. Namun, katanya sembahyang berjemaah lebih baik dan lebih diutamakan. Kupasan isu ini agak baik namun terlalu ringkas. Sepatutnya penulis membuat kupasan ini secara lebih luas memandangkan isu utama yang dibincangkan di dalam karya ini adalah solat jemaah. Pengkaji berpendapat pendapat-pendapat para ulamak fiqh perlu ditampilkan. Di dalam isu ini penulis hanya mendatangkan sebuah dalil hadith sedangkan hadith berkaitan isu ini banyak. Justeru, pada pendapat pengkaji, penulis karya ini perlu dikemaskinikan supaya perbahasan isu lebih bermutu dan bermanfaat kepada pembaca.

Secara umumnya karya ini memiliki susunan tajuk yang baik dan bahasa yang mudah difahami. Justeru karya ini wajar dimiliki oleh segenap pembaca sebagai bahan bacaan tambahan untuk mengetahui selok-belok hukum mengenai solat jemaah. Karya ini adalah karya popular yang hanya sesuai dijadikan panduan umum.

**Karya Keempat belas :** ***Panduan Wudhuk, Solat Berjemaah***

---

[143] *Ibid.*, 4.

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Dr. Basri bin Ibrahim dan diterbitkan oleh al-Hidayah Publishers pada tahun 2004. Karya ini mengandungi 243 halaman muka surat[144]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai wudhuk dan sembahyang berjemaah.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada sembilan tajuk besar. Manakala tajuk-tajuk kecil akan diikuti dibawah tajuk-tajuk besar tersebut. Tajuk-tajuk besar yang dibincangkan ialah wudhuk, cara mengambil wudhuk, solat, cara-cara menunaikan solat, sujud sahwi, sunat-sunat selepas solat, zikir-zikir ma'thur selepas solat, hukum solat di belakang imam yang fasik dan beberapa persoalan berkaitan solat yang perlu dijauhkan.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis juga merujuk kitab-kitab fiqh turath dan kontemprori seperti *al-Majmū' Syarḥ al-Muhahdhdab* dan *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, dan sebagainya. Disamping itu, penulis juga merujuk kepada sebuah kitab berbahasa Melayu iaitu *Wirit Sembahyang Nabi SAW.*

Di dalam karya ini penulis telah membincangkan isu berkaitan hukum solat di belakang imam yang fasik[145]. Menurutnya, berlaku kekeliruan kepada sesetengah orang mengenai hukum solat di belakang imam yang fasik. Seterusnya penulis menyenaraikan dua pendapat ulamak mengenai isu ini iaitu

---

[144] Basri bin Ibrahim, *Panduan Wudhuk, Sembahyang Berjemaah* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2004).

[145] *Ibid.*, 203.

yang mengharuskan dan tidak mengharuskan beserta hujah-hujah mereka. Di dalam kesimpulan, beliau menyatakan golongan yang menghukum tidak sah solat di belakang imam fasik tidak mempunyai dalil yang kukuh untuk dijadikan hujah. Manakala golongan yang menyatakan sah dinakalkan secara mutawatir daripada sahabat RA dan disokong oleh sebuah hadith sahih yang disokong oleh al-Imam Muslim.

Secara umumnya karya ini memandu pembaca untuk memahami cara-cara ibadat wudhuk dan solat dengan betul mengikut tuntutan al-Qur’an dan al-Hadith. Selain itu, bentuk susunan yang baik, isi kandungan yang terperinci dan bahasa yang mudah difahami dapat membantu kefahaman pembaca mengenai isu-isu yang dibahaskan. Karya ini adalah salah satu karya fiqh yang berbentuk ilmiah kerana terdapat perbahasan dan huraian ilmiah, kritikan dan pentarjihan isu.

**Karya Kelima belas: *Panduan Lengkap Menghalusi Solat Bergambar***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Abdul Rahman Mohamed dan diterbitkan oleh Kharisma Network Sdn. Bhd. pada tahun 2004. Karya ini mengandungi 134 halaman muka surat[146]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut bab. Penulis membahagikan karya ini kepada 5 bab kesemuanya. Bab-bab tersebut ialah

---

[146] Abdul Rahman Mohamed, *Panduan Lengkap Menghalusi Solat Bergambar*, (Selangor: Kharisma Networt Sdn. Bhd., 2001).

nabi Muhammad SAW contoh terbaik, solat, solat menghalusi solat dharurat, menghalusi kesilapan dalam solat, dan membentuk iman dalam keluarga. Manakala pada setiap bab-bab tersebut terdapat pula tajuk-tajuk kecil seperti di bawah tajuk solat terdapat tajuk doa qunut, tata cara melakukan solat mengikut Nabi Muhammad SAW. dan ringkasan tata cara melakukan solat mengikut jumlah rakaat.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis juga merujuk karya tafsir iaitu *Tafsīr al-Marāghī*. Walaupun karya ini adalah karya fiqh namun penulis tidak menyatakan rujukan fiqh yang beliau gunakan.

Di antara isu-isu utama yang dibincangkan di dalam karya ini ialah solat[147]. Menurut penulis, solat ialah suatu ibadat yang diawali dengan takbir al-ihram dan diakhiri dengan salam. Menurutnya lagi, karya ini membimbing pembaca tentang cara-cara solat yang paling baik yang bertepatan dengan al-Qur'an dan juga dasar pengangan kesemua ulamak-ulamak mazhab khususnya mazhab Syafi'i. Di dalam isu ini penulis menerangkan tata cara melakukan solat mengikut Nabi SAW secara bergambar.

Berdasarkan kepada gambaran tersebut, karya ini boleh dijadikan sebagai bahan bacaan kepada masyarakat bagi memahami selok-belok solat. Antara ciri yang membezakan karya ini dengan karya lain ialah panduan solat secara bergambar yang mendatangkan contoh-contoh perlaksanaan solat yang

[147] *Ibid.*, 22.

betul dan salah. Karya ini adalah karya popular kerana sifat perbahasannya berbentuk umum.

**Karya Keenambelas:** ***Risalah Puasa***

Karya ini ditulis oleh ‘Abdul Aziz Ismail pada tahun 2004 dan merupakan karya asli beliau. Karya kecil mengandungi 111 halaman muka surat ini diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa[148].

Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai puasa di bulan Ramadan. Dalam Karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 8 tajuk yang disenaraikan penulis. Di antara tajuk tersebut adalah adab Rasulullah SAW menyambut Ramadan, keistimewaan bulan Ramadan, puasa sebelum kedatangan Islam, hukum dan tututan ibadah puasa, syarat-syarat wajib puasa, syarat-syarat sah puasa, perkara yang membatalkan puasa dan adab-adab berbuka dan bersahur.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh turāth seperti *al-Mughnī Ibnu Qudāmah*, *Syarḥ Kabīr*, *al-Muḥalla* dan sebagainya. Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab tafsir turāth seperti *al-Qurṭubī* dan *al-Ṭabarī*.

Isu-isu utama karya ini menyentuh persoalan semasa berkaitan puasa seperti niat [149]. Menurut beliau, orang yang berpuasa diwajibkan berniat pada

---

[148] Abdul Aziz Ismail, *Risalah Puasa*, (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2004).

setiap malam sebelum terbit fajar yang kedua. Namun begitu, sesiapa lupa berniat pada malamnya tanpa sengaja, maka hendaklah dia berniat ketika teringat walaupun pada waktu siang. Walau bagaimanapun pendapat itu berbeza dengan penetapan ulama Syafi'iyah yang menetapkan tidak sah puasa yang terlupa niat pada malamnya[150].

Secara umumnya karya ini adalah karya yang bukan terdiri daripada karya bermazhab Syafi'i. Namun begitu, pembaca masih boleh memiliki karya ini sebagai bahan bacaan tambahan peribadi. Karya ini adalah karya popular yang memiliki bahasa yang mudah difahami dan susunan bab yang teratur.

**Karya Ketujuh Belas:** ***Amalan Talqin Satu Perbahasan Ilmiah***

Karya ini adalah karya ilmiah yang ditulis oleh Ustaz Abd Rasyid Idris[151] pada tahun 2005 dan merupakan karya asli beliau. Ia mengandungi 49 halaman muka surat dan diterbitkan oleh Darul Fuqaha Enterprise[152].

---

[149] *Ibid*., 44.

[150] Menurut Imam al-Nawawi, tidak sah puasa orang yang terlupa niat pada malamnya kerana berniat pada waktu malam adalah syarat sah puasa. Lihat Mahyuddin bin Syaraf al-Nawawi, *Kitab al-Majmu* (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t), 300-302.

[151] Abd. Rasyid Idris @ dilahirkan pada 2hb Januari 1974. Mendapat pendidikan di S.M.A Persekutuan, Labu, Negeri Sembilan. Seterusnya mengikuti pengajian Sarjana Muda Bahasa Arab di University of Jordan (1992-1996) dan Diploma Pendidikan UIAM (1997-1998). Beliau mendapat Ijazah Sanad Bacaan al-Qur'an Riwayat Hafs daripada Imam 'Asim, Tariq al-Syatibi daripada Syaykh Ibrahim al-Rumanah, Imam Masjid University of Jordan. Terlibat sebagai hakim dan jurulatih hafalan al-Qur'an sekolah-sekolah Jabatan Pelajaran Perak. Sekarang beliau diamanahkan sebagai Presiden Institut al-Qayyim.

[152] Abd Rasyid Idris, *Amalan Talkin Satu Perbahasan Ilmiah* (Selangor: Darul Fuqaha Interprise, 2005).

Karya ini ditulis dengan tulisan rumi dalam bahasa Melayu. Abd Rasyid membahagikan karyanya kepada tiga bab, iaitu bab satu yang mengandungi talqin, kaifiat dan dalil, bab dua yang mengandungi ulasan dan perbahasan, manakala bab yang ke tiga mengandungi amalan hari pengkebumian. Beliau memberikan sepatah kata pengarang bagi karya karangannya ini. Setelah itu terdapat bab pertama dan disusuli bab-bab berikutnya.

Dalam menyempurnakan karya ini, beliau merujuk kepada *Mastika Hadith* karangan Abdullah bin Muhammad Basmeih, *al-Ba'ith 'alā Inkār al-Bida' wa al-Hawādith* oleh Abu Syamah, *Ahkām al-Janāiz* oleh al-Albānī, *Silsilah al-Ahādith al-Dha'ifah wa al-Maudhū'ah* oleh al-Albānī, *Fath al-Wahhāb* oleh Zakariā al-Ansārī dan lain-lain lagi.

Karya tulisan Abd Rasyid Idris ini cuba menjelaskan mengenai amalan talqin dengan mengupas dan menilai dalil serta hujah yang di kemukakan khususnya bagi mereka yang mengakui kewujudan amalan ini dalam Islam. Dalam buku ini pengarang ingin membawa pembaca kepada sumber-sumber asal dari hadith yang membicarakan tentang talqin kemudian menilai sumber-sumber tersebut dengan teliti dan mencadangkan amalan yang bertepatan dengan petunjuk Nabi SAW.

Beberapa isu berkaitan talqin telah disentuh oleh penulis seperti bacaan al-Qur'an di perkuburan[153]. Menurut penulis, amalan ini tidak mempunyai

[153] *Ibid*., 38.

sandaran dalil yang sahih. Menurutnya lagi, para *muḥaddithīn* menghukumkan hadith-hadith yang dikemukakan oleh golongan yang beramal dengan amalan tersebut sebagai palsu[154]. Secara umumnya karya ini dikemukakan kepada pembaca secara ringkas dan padat. Justeru itu, ia boleh dijadikan rujukan guru-guru dan pelajar-pelajar aliran agama, namun begitu karya ini kurang sesuai untuk dibaca oleh orang awam kerana terdapat banyak istilah-istilah tidak difahami tercatat di dalamnya.

Dalam persoalan berkaitan isu-isu kontroversi seperti di atas pengkaji berpendapat para penulis perlu menghindari daripada memanjangkan isu tersebut. Sepatutnya mereka perlu menghasilkan sebanyak mungkin karya-karya yang baru yang menumpukan kepada himpunan amalan-amalan yang disepakati fuqaha untuk tatapan generasi hari ini. Dengan adanya karya-karya baru ini masyarakat boleh mengelakkan perbalahan yang berterusan dan mengutamakan perlaksanaan amalan yang bersandarkan kepada sunnah Rasulullah SAW.

**Karya Kelapan belas: *Hukum Bacaan Al-Qur'an Untuk Si Mati. Adakah Sampai Pahalanya?***

Karya ini merupakan karya ilmiah yang ditulis oleh Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri[155] dan diterbitkan pada tahun 2005 oleh Darul Fuqaha Interprise. Karya

[154] Wahbah al-Zuḥaili, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989), 2:540-551.

[155] Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri dilahirkan pada tahun 1969. Pendidikan awalnya di S.M.A (A) Sultan Zainal Abidin di Aliran Thanawi. Mengikut pengajian di peringkat sarjana muda syariah di Universiti Madinah (1989-1993), dan sarjana syariah di Universiti Ilmu-Ilmu Islam & Arab, Damascus, Syria (1994-1997). Menjadi Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Terengganu sehingga sekarang. Beliau kerap diundang dalam program TV antaranya al-Kulliyah, TV3 dan cergas menyampaikan ceramah agama di seluruh Malaysia.

ini mengadungi 120 halaman muka surat[156]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai hukum bacaan al-Qur'an untuk si mati dan persoalan-persoalan berkaitan dengannya.

Menurut penulis, pemilihan tajuk-tajuk kecil untuk dibahaskan kerana mudah difahami[157]. Justeru karya ini dibahagikan kepada lima bab. Dimulai dengan bab pengantar, hakikat kematian, pahala amalan yang disepakati ulama sampai kepada si mati, amalan yang menjadi perselisihan ulama dan kelima iaitu perbahasan dalil dan tarjih.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemprori seperti *al- fatāwā*, *ṣahīh ma'a syarḥ al-Imām al-Muslim*, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*[158]. Selain itu, penulis juga merujuk kepada fatwa semasa khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan[159].

Isu utama karya ini ialah bacaan al-Qur'an untuk si mati yang menjadi perselisihan pendapat di antara ulamak. Penulis menghuraikan isu ini dengan mendasarkan perbincangan kepada beberapa perkara, iaitu pertama meraikan maslahat umum, kedua melihat kekuatan dalil-dalil, ketiga mendatangkan

---

[156] Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, *Hukum Bacaan Al-Qur'an Untuk Si Mati. Adakah Sampai Pahalanya,* (Selangor: Darul Fuqaha Interprise, 2005).

[157] *Ibid.*, vi.

[158] *Ibid.*, 47.

[159] *Ibid.*, 43.

pendapat yang bertentangan, keempat mengambil pendirian tidak menentang atau mencela pendapat yang lemah selagi mempunyai dalil[160].

Justeru itu, penulis mendatangkan dua pendapat iaitu pertama pahala bacaan al-Qur'an itu sampai kepada si mati dan kedua pahala tersebut tidak sampai kepada si mati. Pendapat pertama adalah pendapat mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan sebahagian ulama terkemudian dalam mazhab Maliki dan Syafi'i seperti al-Nawāwī, Ibn al-Solaḥ dan sebagainya[161]. Pendapat kedua adalah pendapat Imam al-Shafi'i dan di sokong oleh Lujnah Fatwa Arab Saudi, Maḥmūd Syaltūt, dan beberapa ulama lain[162].

Bagi melengkapkan perbahasan, penulis menyenaraikan dalil-dalil dan hujah-hujah kedua belah pihak[163]. Contoh dalil pendapat yang menyatakan pahala sampai kepada si mati iaitu dalil umum daripada hadith menyatakan pahala haji, doa, sedekah, puasa dan memerdekakan hamba bagi pihak si mati adalah sampai kepada si mati. Justeru, penulis berhujah bahawa bacaan al-Qur'an sampai kepada si mati dengan diqiaskan kepada dalil-dalil tersebut[164].

Sehingga kajian ini dijalankan, karya ini masih sukar dicari di kedai-kedai buku kecuali terdapat di pustaka-pustaka besar, itupun baki-baki cetakan lama yang belum terjual. Oleh itu, pada pengamatan penulis karya ini tidak

[160] *Ibid.*, vii.

[161] *Ibid*., 23.

[162] *Ibid*., 24.

[163] *Ibid*., 29.

[164] *Ibid*., 29.

memiliki ciri-ciri karya *best seller* terutama sekali ianya berat untuk dibaca oleh khalayak ramai kerana kandungannya yang berbentuk ilmiah. Namun begitu, karya ini adalah karya ilmiah yang wajar dimiliki oleh semua golongan masyarakat khususnya mereka yang ingin meneliti isu ini secara ilmiah.

**Karya Kesembilan belas: *100 Persoalan Haji, Umrah, Korban dan Hari Raya*.**

Karya ilmiah ini ditulis oleh Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī. Ia adalah karya terjemahan yang diterbitkan pada tahun 2005 oleh Jasmin Enterprise dan mengandungi 143 halaman muka surat[165]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai seratus persoalan berkaitan haji, umrah, korban dan hari raya.

Dalam karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 7 tajuk yang disenaraikan penulis. Di antara tajuk tersebut adalah kewajipan, syarat dan rukun haji, haji *taṭawwu‘* (sunat) dan menghajikan orang lain, amalan-amalan haji dan umrah, wanita dan masalah-masalah haji, salah faham sekitar haji dan bantahannya dan hari raya dan korban.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu penulis juga merujuk kepada kitab-kitab turath seperti *al-Umm, al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab,* dan sebagainya. Penulis juga merujuk kepada sebuah kitab fatwa iaitu *Majmu‘ah al-Fatāwa wa Buḥūth.*

[165] Yahya Nuryadi, *Bersuci*, (Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., 2007).

Antara isu-isu yang disentuh oleh penulis adalah seperti salah faham sekitar hajar aswad[166]. Penulis menjawab persoalan dengan baik berkaitan isu ini. menurut penulis perbuatan ini adalah berlandaskan syarak di mana terdapat hadith-hadith qauliah yang sahih, thabit, dan tidak dicela oleh seorangpun daripada kalangan ulamak salaf atau khalaf. Menurutnya lagi, amalan ini adalah *sunnah amaliah* mutawatir yang diamalkan oleh generasi-generasi sejak zaman kenabian hingga sekarang tanpa diingkari mana-mana golongan, maka ia adalah ijmak (kesepakatan).

Berdasarkan kepada gambaran tersebut, justeru karya ini wajar dijadikan sebagai bahan bacaan kepada guru-guru agama, pelajar dan masyarakat bagi memahami secara khusus persoalan-persoalan yang diajukan kepada penulis berkaitan haji, umrah, korban, dan hari raya. Pendekatan soal jawab yang terdapat di dalam karya ini dapat membantu masyarakat memahami sesuatu persoalan secara terus tanpa perlu kepada pembacaan yang terperinci. Hal ini dapat membantu masyarakat moden hari yang terlalu sibuk untuk memahami Islam.

**Karya Kedua Puluh:** ***Hukum Wanita Menjadi Imam Solat – Kontroversi Solat Jumaat Dr. Amīnah Wadūd***

Karya ilmiah ini ditulis oleh Dr. Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri dan Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri pada tahun 2005 dan merupakan karya asli.

---

166 *Ibid.*, 185.

Ia mengandungi 147 halaman muka surat dan diterbitkan oleh Darul Fuqaha Interprise[167].

Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai hukum wanita menjadi imam solat kepada makmum lelaki dan persoalan-persoalan berkaitan dengannya[168]. Penulisan karya ini hanya menumpukan isu solat jumaat yang diimamkan oleh seorang wanita dengan kehadiran makmum lelaki di belakangnya. Karya ini terbahagi kepada enam bab dan setiap bab membicarakan satu tajuk khusus. tajuk-tajuk tersebut ialah isu kontroversi, fadhilat solat jamaah dan hukumnya, syarat-syarat berjamaah, hukum imam wanita kepada lelaki, fatwa ulama kontemporari dan kesimpulan.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemporari seperti *Fatḥ al-Qadīr*, *al-Mughnī* oleh al-Imām al-'Allāmah Ibn Qudāmah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh, al-Fiqh al-Manhajī* dansabagainya[169]. Selain itu penulis juga merujuk kepada kitab-kitab tafsir seperti *Ṣafwah al-Tafāsīr* dan *Tafsīr Ayāt al-Ahkām* oleh Muḥammad 'Alī al-Sāyis[170].

---

[167] Dr. Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, *Hukum Wanita Menjadi Imam Solat – Kontroversi Solat Jumaat Dr. Aminah Wadud,* (Selangor: Darul Fuqaha Interprise, 2005).

[168] *Ibid*.

[169] *Ibid*., 47.

[170] *Ibid*., 43.

Isu utama yang disentuh oleh penulis dalam karya ini ialah wanita mengimamkan solat yang dihadiri lelaki[171]. Ketika membahaskan isu ini penulis mendatang semua pendapat tentang isu tersebut. Kemudian beliau membahagikan hukum isu tersebut kepada dua pendapat iaitu yang mengharuskan iaitu Imam al-Muzani dan Abū Thūr dan majoriti ulama seperti Abu Hanifah, Malik, Syafi‘i dan Ahmad bin Hambal yang tidak mengharuskan. Di akhir kajian isu ini, penulis membuat *tarjīh* dengan menyatakan bahawa pandangan majoriti fuqaha’ iaitu perempuan tidak harus menjadi imam kepada lelaki merupakan pendapat yang paling kuat dan *rājih*. Pengkaji juga bersetuju dengan pendapat majoriti ulama’ yang tidak mengharuskan perempuan menjadi imam kepada lelaki kerana kes Ummu Waraqah r.a itu adalah kes-kes yang terpencil dan tidak boleh dijadikan hujah umum untuk mengharuskan perempuan menjadi imam.

Secara umumnya karya ini ditampilkan dengan metode penyusunan yang baik, bahasa yang mudah, isu yang semasa, dalil-dalil yang lengkap dan analisis yang bernas. Justeru pengkaji yakin karya ini sangat bermanfaat kepada masyarakat yang ingin mengetahui lebih mendalam tentang isu ini.

**Karya Kedua Puluh Satu:** ***Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa Dan Isu-isu Berkaitannya)***

Karya ini ditulis oleh Hafiz Firdaus Abdullah pada tahun 2005 dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa. Ia merupakan karya asli penulis dan

[171] *Ibid*., 69-93.

mengandungi 136 halaman muka surat[172]. Karya tulisan Hafiz Firdaus Abdullah ini cuba menjelaskan mengenai persoalan-persoalan berkenaan puasa dan isu-isu berkaitan dengannya. Dalam buku ini penulis tidak menjelaskan keseluruhan hukum hakam yang terkandung dalam bab puasa, tetapi pengarang hanya memberi tumpuan kepada persoalan-persoalan tertentu berkaitan puasa.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada sebelas tajuk. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah bulan Rejab, adakah fadilatnya melebihi bulan-bulan lain, hadith *ḍa'if* hukum dan syarat pengamalannya, bagaimana kita menyambut Ramadan, amalan wanita yang didatangi haid dalam bulan Ramadan, puasa Ramadan antara yang ditinggalkan dan ditokok tambah, adab-adab berbuka puasa menurut sunnah, ke arah menghayati solat tarawih, malam 27 likur, iktikaf adakah ianya dibolehkan di semua Masjid atau tiga masjid sahaja? dan kemudahan puasa Ramadan ketika balik kampung.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemprori seperti *al-Azkār*, *Majmū' Fatāwā*, *al-Fatāwā*, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, *Fiqh al-Sunnah* dan sebagainya. Selain itu penulis juga merujuk kepada fatwa semasa khususnya yang dikeluarkan oleh ulama'-ulama terkemuka dunia melalui Fatwa Islam Online[173].

Di dalam karya ini penulis telah membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat awam diantaranya ialah hukum wanita yang

---

[172] Hafiz Firdaus Abdullah, *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa*, (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2005).

[173] *Ibid.*, 17.

didatangi haid membaca al-Qur‘an. Menurut penulis, wanita yang haid harus membaca al-Qur’an. Dalam isu ini beliau turut mengatakan bahawa hadith yang digunakan oleh golongan yang mengharamkan wanita didatangi haid membaca al-Qur‘an adalah hadith *ḍa‘if*[174]. Pengkaji bersetuju dengan pendapat ini kerana tidak terdapat hujah daripada al-Qur’an dan hadith yang melarang wanita didatangi haid membaca al-Qur‘an. Walaupun terdapat hadith yang melarang namun hadith tersebut adalah *ḍa‘if*.

Secara keseluruhannya karya ini memiliki beberapa keistimewaan tertentu antaranya ialah menggunakan bahasa yang mudah difahami, mempunyai metode susunan yang baik, membahaskan isu-isu semasa yang terkini, dan perbahasan yang diiringi dengan dalil-dalil al-Qur‘an dan hadith. Justeru, karya ilmiah ini boleh dibaca oleh masyarakat sebagai bahan bacaan tambahan untuk memahami persoalan berkaitan puasa walaupun ia tidaklah sebuah buku fiqh yang lengkap. Karya ini sukar didapati dipasaran dan hanya dicetak sekali sahaja ketika kajian ini dijalankan iaitu pada tahun 2005.

**Karya Kedua Puluh Dua:** ***Panduan Sembahyang (Lelaki)***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Ismail Haji. Ali dan diterbitkan oleh Crescent News Sdn. Bhd. pada tahun 2006. Karya ini mengandungi 84

---

[174] Hadith daripada ‘Abd Allah ibn ‘Umar *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh al-Tirmīzī, Ibn Majah, al-Daruquthni dan lain-lain. Ia memiliki tiga jalan periwayatan yang semuanya ḍa‘if. Syaykh al-Albānī tidak menjadikannya penguat antara satu sama lain manakala Badri Abd al-Samad berpendapat ia saling menguat sehingga dapat diangkat ke taraf hasan (*ḥasan li ghairihī*). Lihat Muḥammad Nāsīr al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl fi Takhrij Ahādith Manār al-Sabīl*, (Beirut :Maktabah al-Islāmī, 1985), 80.

halaman muka surat[175]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat lelaki secara praktikal.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut bab. Penulis membahagikan karya ini kepada 3 bab kesemuanya. Bab-bab tersebut ialah wudhuk, sembahyang, dan sembahyang jenazah. Manakala tajuk-tajuk kecil terdapat di bawah tajuk-tajuk besar seperti tajuk berkumur dan membersihkan hidung, membasuh muka, membasuh tangan kanan dan kiri, membasuh sebahagian kepala dan sebagainya. Dari sudut rujukan pengkaji mendapati karya ini tidak mencatat mana-mana sumber rujukan yang digunakan.

Di antara isu yang dibincangkan di dalam karya ini ialah sembahyang[176]. Penulis mengupas isu ini secara bergambar bermula dari rukun pertama sembahyang iaitu niat sehingga memberi salam. Cara ini pada pendapat pengkaji sangat berkesan kepada umat Islam khususnya kanak-kanak dan mereka yang berjinak-jinak dengan agama sama ada muslim ataupun muallaf yang baru menganut Islam.

Secara umumnya karya ini menampilkan keitimewaan tersendiri iaitu bahasa yang mudah difahami dan huraian isu secara bergambar. Justeru itu, karya ini baik untuk dibaca oleh masyarakat khasnya para pelajar peringkat rendah dan mereka yang baru berjinak-jinak dengan Islam dari kalangan

---

[175] Ismail Haji Ali, *Panduan Sembahyang (lelaki)*, (Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd., 2006).

[176] *Ibid.*,16.

muslim dan muallaf yang baru menganut Islam. Karya ini adalah karya popular kerana isi perbahasannya berbentuk umum.

**Karya Kedua Puluh Tiga: *Akikah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Ramlan Mardjoned dan diterbitkan oleh al-Hidayah Publishers pada tahun 2006. Karya ini mengandungi 72 halaman muka surat[177]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai akikah.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada empat tajuk besar iaitu tanggungjawab ibu bapa, perintah akikah, tujuan akikah, dan hikmah akikah. Seterusnya setiap tajuk besar tersebut akan diikuti dengan beberapa tajuk-tajuk kecil bagi melengkapkan perbincangan. Sebagai contoh di bawah tajuk tujuan akikah tersenarai 10 tajuk kecil antaranya ialah syariat akikah, membentengi akidah, memberi nama yang baik, mencukur rambut, dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur’an dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis merujuk kepada sebuah kitab fiqh terjemahan iaitu *Aḥkām al-Aqīqah*, dan kitab fiqh berbahasa Indonesia iaitu *Tanggungjawab Orang Tua Terhadap Anak*. Penulis turut merujuk sebuah kitab tafsir iaitu *Tafsīr al-Marāghī*.

[177] H. Ramlan Mardjoned, *Akikah*, (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2006).

Di antara isu yang disentuh dalam karya ini ialah memberi nama yang baik[178]. Menurut penulis, pemberian nama yang baik adalah sunnah yang diajar oleh Nabi SAW. Beliau turut mengkritik sikap sebahagian kelompok masyarakat hari ini yang cenderung meninggalkan nama-nama yang baik yang terdapat di dalam al-Qur'an. Dalam perbincangan isu ini penulis mencadangkan kepada pembaca memberi nama yang berbentuk pujian seperti Muhammad atau Ahmad, berbentuk doa dan harapan seperti Muhsin atau Hasan, bermakna semangat seperti Saifullah dan sebagainya.

Secara umumnya karya ini menampilkan isu yang penting dalam amalan masyarakat muslim iaitu akikah. Isu ini dihuraikan dengan baik oleh penulis dengan mengunakan bahasa yang mudah difahami dan dilengkapi dengan dalil-dalil yang lengkap. Justeru, karya ini wajar dimiliki oleh masyarakat pembaca walaupun ia hanya sebuah karya popular kerana bentuk perbahasannya berbentuk umum.

**Karya Kedua Puluh Empat: *Kaifiyat Bersuci***

Karya ini ditulis oleh ibnu Muhammad al-Fandahani pada tahun 2006 dan diterbitkan oleh Crescent News (KL) Sdn. Bhd.. Karya asli penulis ini mengandungi 290 halaman muka surat dan penghuraiannya tidak terikat dengan mazhab[179].

---

178 *Ibid.,* 42.

179 Ibnu Muhammad Al-Fandahani, *Kaifiyat Bersuci* (Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd., 2006).

Ibnu Muhammad al-Fandahani memulakan karyanya ini dengan menyentuh tentang metode penulisannya[180]. Selain itu, penulis juga mengharapkan kehadiran buku ini dapat dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan. Di samping itu, ia dapat melengkapi khazanah ilmu Islam di rumah keluarga muslim[181].

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemporari seperti *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi'i, al-Ṣalāt 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah, Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, dan sebagainya. Selain itu penulis juga merujuk kepada karya-karya berbahasa Melayu seperti *Fiqh Syafi'i, Bimbingan Lengkap Ibadat Solat, Bimbingan Pengurusan Mayat* dan sebagainya[182].

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada 22 bab. Bab di dalam karya ini disebut kulliyah[183], setiap kulliyah tersebut mempunyai tajuk-tajuk tertentu. Di antara tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah benda-benda yang suci dan benda-benda yang najis, pembahagian najis dan cara membersihkannya, air yang suci lagi menyucikan, air yang suci tidak menyucikan, air mutanajis dan perbahasan tentang air perigi, istinja dan adab buang air dan sebagainya.

---

[180] *Ibid.* , iv.

[181] *Ibid.,* v.

[182] *Ibid.,* 289.

[183] Sepatutnya penulis membuat ejaan kuliah sahaja bukan kulliyyah kerana perkataan ini telah di melayukan.Lihat http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Kuliah dicapai pada 20.11.2012.

Di dalam karya ini, penulis telah menyentuh isu-isu semasa yang berlaku di kalangan masyarakat. Di antara isu-isu yang disentuh oleh beliau ialah hukum orang yang berjunub berhenti di dalam masjid. Menurut beliau, orang yang berjunub haram berhenti di dalam masjid. Dalam mengupas isu ini beliau mendatang pendapat pelbagai mazhab. Namun, beliau tidak membuat *tarjīh* kepada pendapat yang paling tepat pada pandangan beliau. Begitu juga beliau tidak merujuk pendapat tokoh *fuqahā* semasa seperti Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī dan sebagainya.

Secara umumnya karya ini menampilkan keistimewaan tersendiri iaitu, bahasa yang mudah difahami, susunan tajuk yang tersusun dan huraian perbahasan yang didatangkan pendapat pelbagai mazhab. Justeru, karya ini berbentuk serta baik untuk dibaca oleh masyarakat serta dijadikan bahan rujukan. Setakat kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati karya ini sukar didapati di kedai-kedai buku. Hal ini mungkin kerana permintaan terhadap karya ini tidak sehebat setengah karya-karya lain.

**Karya Kedua Puluh Lima:** ***Fiqh Amali***

Karya ini ditulis oleh Wan Ismail Muhammad, Kamariah Yusoff, dan Azizah Ismail pada tahun 2006 dan merupakan karya asli penulis. Ia diterbitkan oleh iBook Publication Sdn. Bhd. dan mengandungi 125 halaman muka surat dengan penghuraiannya yang terikat dengan mazhab[184]. Karya ini adalah karya popular yang sesuai menjadi panduan umum kepada masyarakat.

---

[184] Wan Ismail Muhammad et al., *Fiqh Amali* (Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd., 2006).

Karya ini dibahagikan kepada tujuh bab, yang mana ianya adalah berkaitan dengan ilmu fiqh ibadat. Setiap bab dihuraikan dengan teratur melalui tajuk-tajuk kecil. Dalam karya ini pengarang mengemukakan ilmu fiqh ibadat dengan sederhana lengkap dan sempurna. Ianya bermula dengan bab pertama bertajuk konsep ibadah dalam Islam[185] dan diakhiri dengan bab ketujuh yang bertajuk falsafah akhlak dalam Islam[186].

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu seperti *Fiqh Syafi'i, Manusia dan Islam*, *Soal Jawab Fiqh Harian*, *Fiqh Wanita Bersuci*, *Akhlak Islam*, *Membina Rumah Tangga dan Masyarakat* dan sebagainya. Selain itu, penulis juga merujuk kepada karya terjemahan seperti *Ibadah Dalam Islam* karangan Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī[187].

Di antara isu-isu yang dibincangkan ialah perkara-perkara yang membatalkan puasa [188]. Menurut penulis, tujuh perkara yang boleh membatalkan puasa iaitu makan dan minum dengan sengaja, muntah dengan sengaja, bersetubuh, keluar darah haid atau nifas, gila, keluar mani (*istimna'*) pada siang hari dan murtad. Isu ini dikupas oleh penulis terlalu ringkas sehingga menyebabkan karya ini tidak mampu menjawab pesoalan semasa. Pada pendapat pengkaji karya ini hanya sesuai dengan untuk peringkat sekolah rendah. Namun, beberapa tambahan perlu dibuat, antaranya penulis perlu memperbanyak dalil-dalil al-Qur'an dan hadith supaya mendekatkan anak-anak

---

[185] *Ibid.*, 1.

[186] *Ibid.*, 105.

[187] *Ibid.*, 127.

[188] *Ibid.*, 85.

dengan dua sumber perundangan tersebut. Setakat kajian ini dijalankan, tiada mana-mana pihak yang mempertikaikan kandungan karya ini. Hal ini menunjukkan karya ini diterima oleh masyarakat pembaca.

**Karya Kedua Puluh Enam:** ***Solat Tarawih dan Qiamullail Mengimarah Syiar Ramadan***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Muhammad Zulhelmi dan diterbitkan oleh Penerbitan Seribu Dinar pada tahun 2006. Karya ini mengandungi 100 halaman muka surat[189]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat tarawih dan qiamullail.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut topik. Terdapat 55 topik yang dibincangkan iaitu kelebihan dan keutamaan bulan ramadhan, solat tarawih, qiamullail, kelebihan malam lailatul Qadar dan lain-lain. Susunan topik yang dilakukan oleh penulis kurang kemas. Sepatutnya penulis membuat dua pembahagian iaitu topik besar dan topik kecil supaya memudahkan pembaca membuat rujukan. Mengikut isi kandungan yang terdapat di dalam karya ini, penulis sepatutnya membahagikan topik besar kepada 4 topik iaitu puasa di bulan Ramadhan, qiamullail, solat tarawih, dan malam Lailatul Qadar. Kemudian barulah penulis menyenaraikan semua topik kecil di bawah topik-

[189] Muhammad Zulhelmi, *Solat Tarawih dan Qiamullail Mengimarahkan Syiar Ramadhan* (Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar, 2006).

topik besar yang sesuai. Rujukan utama karya ini adalah al-Qur'an dan kitab-kitab hadith.

Di antara isu yang disentuh dalam karya ini ialah qiamullail[190]. Menurut penulis, qiamullail adalah satu kewajipan bagi umat Islam pada awalnya, kemudian dimansuhkan kewajipan tersebut. Menurutnya lagi, qiamullail adalah ibadat tambahan yang mampu meninggikan darjat manusia dan menghapuskan dosa-dosa yang mereka. Selain itu, penulis juga menyatakan ibadat ini adalah sebagai tanda syukur manusia kepada Tuhannya.

Secara umumnya karya ini wajar dimiliki oleh masyarakat kerana perbahasannya yang lengkap di dalam memahami semua isu berkaitan solat tarawih dan qiamullail. Karya ini adalah sebuah karya popular yang hanya sesuai dibaca oleh masyarakat awam.

**Karya Kedua Puluh Tujuh:** ***Fekah Luar Negara Mudah Praktik Islam Di Mana-Mana***

Karya ini ditulis oleh Maszlee bin Malik dan Hamidah binti Mat pada tahun 2006 dan diterbitkan oleh PTS Millennia Sdn. Bhd.. Karya asli ini mengandungi 137 halaman muka surat[191]. Karya ini didahului dengan prakata oleh penulis sebagai pendahuluan. Prakata ini memaparkan sedikit sebanyak

---

[190] *Ibid*., 42.

[191] Maszlee Malik et al., *Fikah Luar Negara Mudah Pratik Islam di Mana-Mana* (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2000).

tentang metode penulisan beliau. Penulis juga menjelaskan bahawa karya ini adalah himpunan artikel-artikel yang dihasilkannya[192].

Karya ini adalah sebuah kitab fiqh yang hanya membicarakan isu-isu fiqh ibadat berkaitan musafir. Isu isu tersebut seperti menyapu khuf, menyapu stoking dan kasut, solat jamak, solat qasar, imam wanita bagi solat Jumaat, bilangan sah solat Jumaat dan terdapat juga isu-isu bukan ibadat yang dimasukkan di dalam karya ini. Perbincangan dalam karya ini dibahagi kepada 16 tajuk. Hanya 8 tajuk yang membincangkan tentang fiqh ibadat.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemprori seperti *Rauḍat al-Ṭālibīn, al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab, Mughnī al-Muhtāj, al-Fiqh al-Manhājī, al-Mughnī, al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh* dan sebagainya. Selain itu penulis juga merujuk kepada karya-karya berkaitan fatwa seperti *Majmū' al-fatāwā, Fatāwā Ulama al-Harām, Ahsān al-Kalām fī al-Fatāwā wal Ahkām* dan sebagainya[193].

Di dalam karya ini, penulis telah menyentuh isu-isu semasa yang berlaku di kalangan masyarakat. Antara isu-isu tersebut ialah jamak sebab sakit. Beliau mengharuskan perkara tersebut dengan membawa perbahasan dikalangan para fuqaha. Menurut beliau, pendapat ini disokong oleh sesetengah ulama mazhab Syafii seperti Muzanī, Imām Nawāwī, Qādhī al-Ḥusayn, Mutawalī, Rawayanī, Khattābī dan lain-lain. Huraian yang dikemukakan beliau dalam isu ini sangat ringkas. Pengkaji berpendapat huraiannya perlu

[192] *Ibid.*, x.

[193] *Ibid.*,134.

dikembangkan lagi dengan mendatangkan semua pendapat fuqaha seterusnya penulis membuat *tarjīh* kepada pendapat yang paling tepat pada pandangan beliau.

Secara umumnya karya ini adalah karya ilmiah yang memiliki keistimewaan tersendiri. Antaranya bahasa yang mudah difahami, pembahagian tajuk yang tersusun, dan isu-isu perbincangan yang semasa. Setakat kajian ini berjalan pengkaji mendapati karya ini sukar didapati di kedai-kedai buku. Hal ini mungkin cetakannya yang terhad dan tidak mendapat sambutan yang baik dari kalangan pembeli.

**Karya Keduapuluh Lapan:** ***Pelik Tapi Benar Dalam Solat***

Karya ini ditulis oleh Ustaz Abdul Rahman Mohamed pada tahun 2006 dan merupakan karya asli beliau. Ia diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. dan mengandungi 134 halaman muka surat[194].

Karya tulisan Abdul Rahman Mohamed ini cuba menjelaskan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan solat yang dikatakan pelik dengan meneroka dan mengkaji perkara-perkara tersebut berdasar hadith-hadith Rasulullah s.a.w dan perbincangan oleh para ulama. Bagi memudahkan pembaca, kandungan disusun mengikut beberapa bab. Bab-bab tersebut sebagai berikut; yang pertama bab pelik tapi benar, yang kedua bab perbahasan penting, bab khusyuk dalam solat, bab kumpulan hadith-hadith yang

---

[194] Abdul Rahman Mohamed, *Pelik Tapi Benar Dalam Solat*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2006).

menggambarkan pergerakan Nabi SAW dalam solatnya, bab kemudahan yang dibolehkan syara', dan bab yang terakhir iaitu doa-doa Asmā' al-Ḥusnā. Pada setiap bab pula penulis akan menyenaraikan tajuk-tajuk kecil supaya penjelasan isi kandungan lebih kemas dan sempurna.

Rujukan utama penulis ialah kepada al-Qur'an al-Karim, al-Hadith dan kitab-kitab fiqh turāth seperti al-*Fiqh Islāmī wa Adillatuh* oleh Wahbah al-Zuḥaily, *Majmū' Syarḥ Muhadhdhab* oleh al-Imām al-Nawāwī, *al-Mughnī* oleh Ibn Qudāmah, *Zād al-Ma'ād* oleh Ibn Qayyīm al-Jauziyah dan lain-lain lagi. Selain itu beliau juga merujuk kepada kitab al-Hadith iaitu *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām* oleh Muḥammad bin Ismāil al-Ṣan'ānī[195].

Isu-isu penting yang dikupas didalam karya ini ialah yang berkaitan perkara-perkara pelik yang melibatkan solat tetapi masih dibenarkan oleh syara'. Antara isu-isu tersebut ialah membuka pintu semasa solat[196]. Menurut beliau, diharuskan seseorang yang sedang solat untuk membuka pintu. Beliau mengharuskan demikian berdasarkan dalil daripada hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah RA. Untuk menambah kefahaman kepada pembaca beliau menerangkan cara membuka pintu ketika solat iaitu sebagai berikut:-

1. Berhenti solat semasa dalam keadaan berdiri,
2. Bergerak menuju ke arah pintu,
3. Buka pintu sedikit untuk menampakkan diri,

---

[195] *Ibid*., 132.

[196] *Ibid*., 32.

4. Bergerak ke kanan atau kiri pintu lalu sambung semula solat dan tetap menghadap kiblat.

Kesimpulannya, karya ini adalah karya popular yang memiliki ciri-ciri sebuah karya yang baik dengan menampilkan bentuk bahasa yang mudah difahami, metode susunan yang baik, dan isu-isu yang semasa yang diperlukan masyarakat. Karya ini tidak dapat dipasarkan oleh penerbit kerana diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri[197]. Pengharaman ini dilakukan atas alasan ia boleh menimbulkan kekeliruan dan kegelisahan di kalangan umat Islam serta dikhuatiri memudaratkan masyarakat[198].

Justeru, pada pandangan pengkaji isu-isu yang dikemukakan oleh penulis ini walaupun baik namun pendekatan beliau yang membesarkan perkara ini adalah kurang sesuai dengan suasana masyarakat di Malaysia. Sebaiknya beliau perlu mengutamakan penghasilan karya fiqh solat yang lengkap dan menyertakan isu-isu tersebut sebagai tambahan jika berlaku suasana tertentu syara' mengizinkan perbuatan tersebut.

**Karya Kedua Puluh Sembilan: *Panduan Lengkap Solat Berjemaah Menurut Mazhab Syafi'i***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Mujiburrahman dan diterbitkan oleh Pustaka Ilmi pada tahun 2006. Karya ini mengandungi 156 halaman muka

---

[197] Lihat http://www.malaysiakini.net/ dicapai pada 14. 8. 2012.

[198] *Ibid*.

surat[199]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu solat jemaah.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 47 buah tajuk. Di antara tajuk tersebut ialah solat berjemaah, pensyariatan solat berjemaah, solat yang paling utama berjemaah, hukum solat berjemaah, tempat solat yang lebih utama, solat dengan jemaah yang ramai jumlahnya, mempercepatkan langkah menuju ke masjid dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis karya ini juga merujuk kepada karya-karya fiqh turath seperti *Nihāyat al-Muḥtāj*, *al-Maḥallī*, *I'ānah al-Tālibīn*, *Bujairimī 'ala al-Minhāj*, *Ḥāsyiah al-Syarqāwī* dan sebagainya. Penulis juga merujuk sebuah karya fiqh berbahasa melayu iaitu *40 Masalah Agama oleh Sirajudin Abbas*.

Di antara isu yang dibincangkan di dalam karya ini ialah fadhilat takbir al-Ihram bersama imam[200]. Menurut penulis, fadhilat takbir al-ihram dapat diperolehi apabila makmum bertakbir bersama-sama imam. Selain itu penulis juga menulis isu membaca usalli[201]. Menurut penulis masalah ini di kenali dengan "*talaffuẓ binniyyāt*" atau melafazkan niat iaitu mengucapkan niat dengan lidah sebelum takbir al-ihram. Penulis menegaskan bahawa melafazkan

---

[199] Mujiburrahman, *Panduan Lengkap Solat Berjemaah Menurut Mazhab Syafi'i* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2006).

[200] *Ibid.*, 38.

[201] *Ibid.*, 124.

niat ini adalah sunat. Beliau mendatangkan pelbagai hujah bagi menguatkan penyataannya seperti fatwa para ulama mazhab Syafi'i.

Secara umumnya karya ini menampilkan beberapa keistimewaan tertentu seperti bahasa yang mudah difahami, susunan yang teratur dan perbahasan isi yang baik. Namun, ia belum mencukupi untuk disenaraikan sebagai karya ilmiah. Justeru, karya popular ini baik untuk dimiliki oleh masyarakat sebagai bahan bacaan tambahan untuk memahami persoalan-persoalan solat jemaah menurut mazhab Syafi'i.

**Karya Ketiga Puluh:** ***Kaifiyat Haji dan Umrah***

Karya ini ditulis oleh Ibnu Muhammad al-Fandahani pada tahun 2006 dan diterbitkan oleh Crescent News (KL) Sdn. Bhd.. Karya asli penulis ini mengandungi 230 halaman muka surat dan penghuraiannya tidak terikat dengan mazhab[202].

Ibnu Muhammad al-Fandahani memulakan karyanya dengan pendahuluan. Di dalam pendahuluan ini beliau sedikit sebanyak telah menyentuh tentang metode penulisannya[203].

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab turath dan karya fiqh kontemprori seperti *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi'ī* oleh al-Syīrāzī,

[202] Ibnu Muhammad Al-Fandahani, *Kaifiyat Haji dan Umrah,* (Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd., 2006).

[203] *Ibid*., xi.

*Kitab al-Fiqh ’Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* oleh ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid* oleh Ibnu Rusyd, dan sebagainya. Selain itu, penulis juga merujuk kepada karya-karya berbahasa melayu seperti *Fiqh Syafi’i* oleh Idris bin Ahmad, *Pedoman Haji* oleh Hasbi al-Shiddiqi, dan sebagainya[204].

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada 22 bab. Bab di dalam karya ini disebut kulliyah, setiap kulliyah tersebut mempunyai tajuk-tajuk tertentu. Di antara tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengertian dan hukum melaksanakan ibadat haji dan umrah, kelebihan melakukan ibadat haji, adab-adab melakukan ibadat haji, fadilat Madinah dan Bait al-Maqdis, perkara-perkara yang diharamkan ketika haji dan umrah, tertib amalan haji yang zahir, adab-adab ihram dan adab memasuki Makkah al-Mukarramah, dan sebagainya.

Di dalam karya ini, penulis telah menyentuh isu-isu semasa mengenai ibadat haji. Di antara isu-isu yang disentuh oleh beliau ialah mengenai hukum menunaikan haji bagi seseorang adalah sekali seumur hidup[205]. Menurutnya, seluruh ulama sepakat mengatakan, bahawa haji tidak berulang-ulang dan ia diwajib sekali seumur hidup. Justeru, penulis menasihati umat Islam yang berkemampuan supaya tidak terlalu ghairah untuk malakukan ibadat itu berulang-ulang. Beliau mencadangkan kepada masyarakat supaya membelanjakan wang yang disimpan untuk perkara-perkara yang lebih utama didahulukan seperti membantu fakir miskin, membantu anak yatim, membina masjid, surau, sekolah dan sebagainya berbanding wang dibelanjakan untuk

---

[204] *Ibid.*, 230.

[205] *Ibid.*, 8.

pergi berulang-ulang kali menunaikan haji. Pengkaji bersetuju dengan pendapat penulis kerana membantu golongan-golongan tersebut lebih utama terutama sekolah-sekolah agama rakyat yang serba kekurangan dari semua sudut dewasa ini.

Secara umumnya, karya popular ini telah menampilkan keistimewaan tersendiri iaitu, bahasa yang mudah difahami, susunan tajuk yang tersusun dan huraian perbahasan yang didatangkan pendapat pelbagai mazhab. Namun, isu-isu semasa mengenai haji dan umrah kurang disentuh. Sepatutnya penulis perlu memperbanyakkan isu-isu semasa mengenai haji dan umrah supaya karya ini lebih sesuai dan realistik dengan zamannya.

**Karya Ketiga Puluh Satu:** ***Panduan Solat Sunat Hari Raya***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Syahrin Bin Jasah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 41 halaman muka surat[206]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat sunat hari raya.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada tujuh tajuk iaitu pengertian solat hari raya, dasar pensyariatannya, hukum solat hari raya, tempat melaksanakan solat hari raya, waktu melaksanakan solat hari raya, masalah yang berkaitan dengan hari raya, dan cara mengerjakan solat hari raya.

---

[206] H. Syahrin bin Jasah, *Panduan Solat Sunat Hari Raya*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu kitab-kitab fiqh turath seperti *al-Mughnī* dan *Fiqh al-Sunnah.* Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab tafsir iaitu *Tafsīr Ibn Kathīr.*

Di antara isu yang disentuh dalam karya ini ialah mandi dan memakai wangi-wangian sebelum pergi menunaikan solat hari raya[207]. Menurut penulis, mandi dan memakai wangi-wangian adalah sunat. Bagi menguatkan hujah isu tersebut beliau membawa hadith Ibnu Abbas riwayat Ibnu Munzir. Penulis menerangkan isu-isu tersebut secara umum. Oleh itu karya ini boleh dikategorikan sebagai karya popular kerana sifat perbahasanya lebih berbentuk panduan umum.

Secara umumnya, karya popular hasil kajian H. Syahrin Jasah ini boleh membantu masyarakat memahami tentang solat sunat hari raya secara khusus. Karya ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu saiz buku yang kecil, bahasa yang mudah difahami, dan isi kandungan yang baik. Justeru, karya ini wajar dimiliki oleh semua golongan pembaca bagi meningkatkan kefahaman tentang solat sunat hari raya.

**Karya Ketiga Puluh Dua:** ***Panduan Amali Penyelenggaraan Jenazah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Mustafa Abdullah dan diterbitkan oleh Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd. pada tahun 2007.

[207] *Ibid.*, 10.

Karya ini mengandungi 78 halaman muka surat[208]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai pengurusan jenazah.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada 16 buah tajuk. Di antara tajuk tersebut ialah penyelenggaraan jenazah, peringkat-peringkat sakit, menziarahi orang sakit, jenazah, memandikan jenazah, syarat orang yang hendak memandikan jenazah, solat jenazah, doa selepas solat jenazah, mengusung jenazah ke kubur dan sebagainya.

Di antara isu, yang dibincangkan di dalam karya ini ialah solat jenazah[209]. Menurut penulis, setelah jenazah itu telah dimandikan dan dikafankan hendaklah disolat dengan segera. Kedudukan jenazah diletakkan melintang kiblat, bagi jenazah lelaki kepalanya di kiri imam, manakala jenazah perempuan kepalanya di kanan imam. Menurut penulis lagi imam perlu berada setentang kepala jenazah lelaki, manakala jenazah perempuan imam berada setentang punggungnya. Dalam isu ini penulis menyenaraikan tujuh rukun solat jenazah dan bacaan-bacaannya. Pengkaji mendapati isu ini dikupas dengan baik dan dapat membantu para pembaca memahami dan mempraktik solat jenazah.

Secara umumnya karya ini mempamirkan beberapa keistimewaan iaitu bahasa yang mudah difahami, tajuk yang tersusun, dan kupasan isi yang baik.

---

[208] Mustafa bin Haji Abdullah(2007), *Panduan Amali Penyelenggaraan Jenazah,* (Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd., 2007).

[209] *Ibid.*, 17.

Justeru karya ini wajar dimiliki dan dibaca oleh masyarakat. Karya ini adalah karya popular kerana berbentuk panduan umum, dan bukan bersifat ilmiah.

**Karya Ketiga Puluh Tiga:** ***Puasa, Zakat, Haji dan Muamalat***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Abdul Aziz Ismail dan diterbitkan oleh Progressive Publishing House Sdn. Bhd. pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 41 halaman muka surat[210]. Fokus utama buku ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai puasa, zakat, haji dan muamalat.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada lima tajuk besar iaitu puasa, zakat, haji, muamalat dan pengertian waris. Seterusnya, di bawah tajuk besar penulis menyenaraikan tajuk-tajuk kecil sebagai pelengkap kepada tajuk besar tersebut. Sebagai contoh tajuk-tajuk seperti syarat wajib dan sah puasa, rukun puasa, membatal dan memakruhkan puasa, puasa sunat dan sebagainya berada di bawah tajuk puasa. Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith.

Antara isu-isu yang disentuh dalam karya ini ialah sunat puasa. Menurut penulis, ketika berpuasa terdapat perkara-perkara yang disunatkan iaitu makan sahur walaupun sedikit, mengakhirkan makan sahur sebelum terbit fajar, menyegerakan berbuka apabila ternyata telah masuk waktu Maghrib, membaca doa ketika berbuka puasa, menjauhi ucapan tidak senonoh dan

---

[210] Abdul Aziz Ismail, *Puasa, Zakat, Haji Dan Muamalat* (Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., 2006).

memperbanyakkan sedekah, membaca al-Qur'an dan beriktikaf di masjid. Bagi menguatkan hujah berkaitan isu tersebut beliau telah menyenaraikan hadith-hadith yang sesuai di bawah setiap perkara-perkara sunat tersebut.

Secara umumnya, karya ini amat sesuai untuk dibaca oleh masyarakat awam kerana isi kandungan yang mengunakan bahasa yang mudah untuk difahami. Selain itu pengunaan hujah daripada al-Qur'an dan hadith juga menjadikannya karya yang menepati kehendak masyarakat masa kini. Karya ini adalah karya popular kerana paparan isinya yang berbentuk panduan umum.

**Karya Ketigapuluh Empat:** ***Panduan Solat Sunat Hujan***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Syahrin bin Jasah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 39 halaman muka surat[211]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat sunat hujan.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada enam tajuk iaitu pengertian solat minta hujan, hukumnya, bilangan rakaat, kaifiat, cara melaksanakan solat minta hujan dan menbaca khutbah istisqa.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. rujukan lain tidak disebut. Di antara isu yang disentuh dalam karya ini

[211] H. Syahrin bin Jasah, *Panduan Solat Sunat Hujan* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

ialah kaifiat minta hujan[212]. Menurut penulis, terdapat tiga cara meminta hujan iaitu dengan cara mengerjakan solat minta hujan, berdoa dalam khutbah, dan berdoa semata-mata. Bagi menguatkan hujah kepada isu tersebut beliau membawa hadith-hadith berkaitan. Berkaitan solat minta hujan penulis membawa dua riwayat iaitu riwayat Ibn Abbas dan riwayat Abdullah bin Zaid. Manakala berkaitan doa di dalam khutbah penulis membawa riwayat Syuraik dan Anas. karya ini boleh dikategorikan sebagai karya popular kerana sifat perbahasanya lebih berbentuk panduan umum.

Secara umumnya karya popular hasil kajian H. Syahrin Jasah ini boleh membantu masyarakat memahami tentang solat sunat minta hujan secara khusus. Karya ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu saiz buku yang kecil yang mudah dibawa, bahasa yang mudah difahami, dan isi kandungan yang baik. Justeru karya ini wajar dimiliki oleh semua golongan pembaca bagi meningkatkan kefahaman tentang solat sunat minta hujan.

**Karya Ketigapuluh Lima:** ***Panduan Solat Sunat Gerhana***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Syahrin bin Jasah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 39 halaman muka surat[213]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai solat sunat gerhana.

---

[212] *Ibid.*, 3.

[213] H. Syahrin bin Jasah, *Panduan Solat Sunat Gerhana* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada sembilan tajuk iaitu pengertian solat gerhana, hukum solat gerhana, dasar hukum solat gerhana, keterangan tentang khutbah gerhana, apa yang perlu dilakukan jika terjadi gerhana, tidak terdapat solat gempa bumi dan hujan lebat, cara melaksanakan solat gerhana, rakaat dan kaifiat solat gerhana, dan khutbah gerhana.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu penulis merujuk beberapa kitab fiqh seperti *Bidāyah al-Muhtāj*, *al-Mughnī dan al-Syarḥ al-Kabīr*.

Di antara isu yang disentuh dalam karya ini ialah khutbah gerhana[214]. Menurut penulis, terdapat perbezaan pendapat dalam isu ini iaitu Syafi'i berpendapat bahawa khutbah itu merupakan syarat, sedangkan Imam Malik dan Abu Hanifah mengatakan tidak ada khutbah dalam solat gerhana. Menurut penulis, berlaku perbezaan pendapat ini adalah berpunca daripada berbeza penilaian mereka tentang sebuah hadith yang riwayatkan oleh Aisyah RA berkaitan solat gerhana. Dalam isu ini penulis cenderung bersetuju dengan pendapat Syafi'i iaitu khutbah merupakan syarat. Beliau berpendapat, bahawa khutbah boleh memberi kefahaman tentang sedekah, taubat, dan istighfar yang menjadi amalan mukmin ketika gerhana.

Secara umumnya karya popular ini memiliki metode susunan yang baik, penggunaan tulisan dan bahasa yang mudah difahami. Selain itu, karya ini memudahkan pembaca memahami solat sunat gerhana apabila penulis terus

---

[214] *Ibid.*, 8.

mengkhususkan perbincangan tersebut. Justeru, karya ini wajar dijadikan panduan pembaca berkaitan solat sunat gerhana.

**Karya Ketiga Puluh Enam:** ***Hukum dan Persoalan Sembahyang Jumaat***

Karya Muhammad Ramzi Omar ini ditulis pada tahun 2007 dan diterbitkan oleh Sinar Media Services. Karya asli beliau ini mengandungi 50 halaman muka surat[215]. Dalam karya ini, penulis menyusun mengikut tajuk-tajuk tertentu. Terdapat 7 tajuk yang disenaraikan penulis. Di antara tajuk tersebut seperti sembahyang Jumaat, definisi dan kelebihan, fadhilat hari Jumaat, hukum sembahyang Jumaat, syarat wajib Jumaat, syarat sah Jumaat dan rukun Jumaat[216]. Oleh itu, karya kecil ini merupakan hasil kajian penulis mengenai hukum dan persoalan solat jumaat semata-mata.

Buku ini memuatkan perbincangan tentang sembahyang jumaat berpandukan kepada kitab-kitab fiqh dalam mazhab Syafi'i sebagai mazhab teras umat Islam di Malaysia. Membaca buku ini akan dapat memberi gambaran dan penyelesaian kepada beberapa persoalan yang berlaku dalam solat Jumaat. Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh turath khususnya dalam mazhab Syafi'i seperti *Majmū' Syarḥ Muhadhdhab*, *Mughnī Muhtāj ilā Ma'rifah alfāz al-Minhāj*, *Qalyūbī wa al-'Umairah Hāsyiah alā Syarh* oleh Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan sebagainya[217].

---

[215] Muhammad Ramzi Omar, *Hukum Dan Persoalan Sembahyang* (Kuala Lumpur: Sinar Media Services, 2007).

[216] *Ibid.*, iii.

[217] *Ibid.*, 48.

Antara isu solat Jumaat yang dibahaskan oleh penulis ialah mereka yang sempat mendapat satu rakaat bererti ia mendapat Jumaat[218]. Dalam perbahasan ini beliau terus mengambil sumber hadith Nabi saw sebagai hukum. Hal ini menunjukkan beliau turut mengutamakan dalil hadith dalam karya ini. Namun, karya ini masih banyak terikat dengan penulisan lama karya-karya fiqh kerana kelihatan perbahasan-perbahasan karya ini tidak menyentuh isu-isu semasa seperti hukum solat Jumaat pada Hari Raya[219], solat Jumaat di dalam penjara atau pusat tahanan[220], dan sebagainya.

Secara umumnya karya ini memiliki susunan atur bab yang baik dan bahasa yang mudah difahami. Justeru, karya ini wajar dimiliki oleh segenap pembaca sebagai bahan bacaan tambahan untuk mendalami selok-belok hukum mengenai solat Jumaat dan persoalan-persoalan berkaitan dengannya menurut mazhab Syafiʽi. Karya ini adalah karya popular yang berbentuk panduan umum sahaja.

---

[218] *Ibid*., 16.

[219] Jawapan fatwa tentang hukum solat Jumaat ketika Hari Raya iaitu sembahyang Jumaat wajib dan sembahyang Hari Raya sunat. Tidak harus meninggalkan yang wajib kerana mengerjakan sunat. Sedangkan kedua-duanya dituntut oleh syara, apa yang diperkatakan selain daripada ini adalah batal tidak terpakai. Lihat Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, USIM. Lihat http// .infad.usim.edu.my dicapai pada 17. 10. 2012.

[220] Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 23 Sep 2001 telah membincangkan mengenai sembahyang Jumaat di dalam penjara atau pusat tahanan. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:-
Sembahyang Jumaat di dalam penjara atau pusat tahanan adalah diharuskan dengan syarat-syarat seperti:
1. Tahap keselamatan untuk mengadakan Sembahyang Jumaat tersebut adalah terjamin. Perkara ini bergantung kepada kemampuan pihak berkuasa terbabit.
2. Hendaklah ada bersama jemaah Jumaat ini seorang Imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan empat (4) orang pemastautin dari mukim pusat tahanan tersebut. Lihat http://www.e-fatwa.gov.my/terengganu dicapai pada 17 Oktober 2012.

**Karya Ketigapuluh Tujuh:** ***Qiamullail Perintah Yang Ditinggalkan***

Karya ini adalah karya terjemahan yang ditulis oleh Abdul Malik al-Qasim dan diterbitkan oleh Karya Bestari Sdn. Bhd. Selangor, pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 80 halaman muka surat[221]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai qiamullail.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Terdapat 2 tajuk besar yang dibincangkan iaitu qiamullail dan kepelbagaian witir. Seterusnya di bawah tajuk tajuk tersebut terdapat tajuk-tajuk cabang menghuraikan isu tersebut sebagai contoh penulis mendatangkan beberapa tajuk bagi menerangkan qiamullail seperti tajuk penghubung antara hamba dan pencipta, dunia adalah 'ruang niaga', siapa golongan paling kuat?, tekat azam sebagai titik permulaan, sahutlah seruan Allah, Nabi SAW giat bertahajjud dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini ialah karya karya hadith seperti *Iḥya 'Ulumuddin, Bustān al 'Arifīn* dan sebagainya. Selain itu penulis juga merujuk kepada karya tafsir seperti *Tafsīr Ibn Katsīr.*

Isu utama yang dibincangkan di dalam karya ini ialah qiamullail. Menurut penulis qiamullail merupakan satu ibadat yang menghubungkan jiwa dengan Allah lalu membentuk jiwa itu agar mampu mengawal diri dari

---

[221] Muhammad bin A. Rahman, *Panduan Amalan Ibadat Harian* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2001).

melakukan perlakuan-perlakuan yang melalaikan serta melawan hawa nafsu. Menurutnya lagi qiamullail merupakan kayu pengukur dan sebagai tanda kesungguhan bagi jiwa-jiwa yang benar-benar ikhlas kepada Allah SWT.

Secara umumnya karya ini amat baik untuk dimiliki oleh masyarakat kerana isu qiamullail yang dibincangkan amat penting bagi pembinaan jiwa manusia. Selain itu, perbahasan isi kandungannya yang menarik dan pengunaan bahasa yang mudah difahami juga adalah satu kelebihan bagi karya ini. Karya ini dikategorikan karya popular kerana isi kandungannya yang bersifat panduan umum.

**Karya Ketiga Puluh Lapan:** ***Panduan Belajar Sembahyang Lelaki***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Sayed Mahazan bin Sayed Daud dan diterbitkan oleh S.A. Al-Habshee Sdn. Bhd. pada tahun 2007. Ia mengandungi 84 halaman muka surat[222]. Dalam karya ini, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 9 tajuk yang disenaraikan oleh penulis. Di antara tajuk tersebut seperti cara dan aturan berwuduk, syarat-syarat wuduk, doa selepas berwuduk, bacaan azan, rukun-rukun sembahyang dan lain-lain lagi. Karya ini dipenuhi dengan gambar bagi memudahkan pembaca memahami cara-cara sembahyang yang betul.

Menurut penelitian pengkaji, karya ini berdasarkan kepada mazhab Syafi‘i Namun, penulis tidak menyenaraikan rujukan tersebut. Secara umumnya

[222] Sayed Mahazan bin Sayed Daud, *Panduan Belajar Sembahyang Lelaki*, (Johor Bharu: S.A. Al Habshee Sdn. Bhd., 2007).

karya ini diterbitkan secara ringkas dan mudah difahami untuk memberi panduan dan pembelajaran kepada kanak-kanak yang baru belajar ibadat solat. Ianya sangat sesuai digunakan untuk kanak-kanak seawal pra-sekolah dan sekolah rendah. Malah, untuk membimbing kanak-kanak memahami perbuatan-perbuatan dalam ibadat solat, dilakarkan ilustrasi dan lakaran gambar sebagai panduan. Walaupun buku ini belumlah lengkap dan sempurna sepenuhnya, sekurang-kurangnya ia dapat memberi sumbangan ke arah membentuk kanak-kanak menjadi muslim yang taat beribadat terutama dalam ibadat solat.

**Karya Ketiga Puluh Sembilan: *Sabda Rasulullah, Solatlah Sebagaimana Kamu Melihat Aku Solat***

Karya Rasul bin Dahri ini ditulis pada tahun 2007 dan diterbitkan oleh Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd.. Karya asli ini mengandungi 108 halaman muka surat[223]. Karya ini dimulai dengan mukaddimah yang ringkas. Mukadimah ini memaparkan sedikit sebanyak tentang tujuan beliau mengarang karya ini iaitu agar pembaca dapat meneliti dan mempelajari bagaimana solat Rasulullah SAW dilaksanakan[224]. Seterusnya, penulis menyusun penulisannya mengikut tajuk. Terdapat 44 tajuk yang disenaraikan penulis.

Di antara tajuk tersebut seperti mencontohi solat rasulullah, menghadap ke kiblat termasuklah hujung jari jemari kaki, mengucapkan takbir, mengarahkan pandangan ke bumi, bersedekap di dada, membaca *iftitaḥ*,

---

[223] Rasul bin Dahri, *Sabda Rasulullah Solatlah Sebagaimana Kamu Melihat Aku Solat* (Johor: Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd., 2007).

[224] *Ibid.*, 4.

membaca *isti'ādhah* dan *basmalah*, membaca al-Fātiḥah sebagai rukun, membaca surah setelah al-Fātiḥah dan lain-lain lagi. Setiap tajuk menyenaraikan beberapa hadith berkaitan untuk menerangkan secara jelas persoalan yang dibincangkan. Keadaan ini mengambarkan penulis mengambil berat tentang perlunya kefahaman yang jelas di kalangan pembaca bentuk-bentuk solat Rasulullah SAW untuk diikuti.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab hadith dan fiqh seperti *Tuntutan Rasulullah Dalam Ibadah, Sifat Solāt Nabī, al-Tarīkh al-Ṣaghīr, al-Umm, fiqh alā Madhhab al-Arba'ah, Kasyfa al-Iqnā'* dan sebagainya. Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab *Tafsīr al-Qurṭūbī.*

Penulis turut menyentuh isu-isu semasa berkaitan solat seperti sujud di atas sejadah yang bergambar[225]. Menurutnya, amalan tersebut adalah makruh. Dalam karya ini juga beliau mengkritik amalan tradisi masyarakat Melayu iaitu menyapu muka setiap kali selesai solat atau berdoa[226]. Menurutnya, perbuatan tersebut tidak mempunyai dalil dari hadith yang sahih kerana semua hadith-hadith yang menunjukkan adanya menyapu muka setelah selesai berzikir, berdoa atau solat kesemuanya adalah hadith-hadith yang lemah. Isu-isu yang diketengahkan oleh beliau seperti di atas menunjukkan beliau tidak berpegang dengan mana-mana mazhab khasnya mazhab Syafi'i yang dipegang oleh majoriti rakyat Malaysia.

---

[225]*Ibid.*, 76.

[226]*Ibid.*, 103.

Secara umumnya karya popular ini bermanfaat untuk rujukan masyarakat awam yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai solat khasnya mereka yang tidak mahu terikat dengan pandangan mazhab.

**Karya Keempat Puluh: *Bersuci***

Karya ini ditulis oleh Yahya Nuryadi pada tahun 2007 dan diterbitkan oleh Progressive Publishing House Sdn. Bhd. Karya yang mengandungi 128 halaman muka surat dan merupakan karya asli[227]. Karya ini memberi tumpuan kepada perlaksanaan bersuci dan persoalan berkaitan dengannya.

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada sebelas bab. Bab pertama bertajuk air, seterusnya diikuti tajuk balang, membuang air besar, bersugi dan sunah fitrah, wuduk, memakai *khuffain* (kasut), lafazkan niat ketika mandi, tayamum, menghilangkan najis dan bab terakhir tajuk haid.

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur’an dan kitab-kitab hadith. Penulis tidak menyatakan kitab-kitab rujukan fiqh yang digunakan ketika beliau menyiapkan karya ini.

Di antara isu yang disentuh oleh penulis dalam karya ini ialah junub[228]. Ketika membahaskan isu ini penulis menyatakan terdapat orang berjunub yang menundakan mandi junub lalu ia tidur dalam keadaan junub. Menurut penulis,

---

[227] Yahya Nuryadi, *Bersuci* (Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., 2007).

[228] *Ibid.,* 93.

perbuatan sedemikian menyalahi sunah. Di mana dianjurkan kepada setiap orang yang berjunub membersihkan kemaluannya terlebih dahulu sebelum tidur sekiranya ia ingin menangguhkan mandi.

Secara umumnya, karya ini menampilkan keistimewaan tertentu iaitu, bahasa yang mudah difahami, susunan tajuk yang tersusun dan huraian perbahasan yang didatangkan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan hadith. Namun, karya ini tidak menyentuh isu-isu semasa yang banyak berlaku pada masa ini seperti wuduk pesakit yang memakai jarum berpelekat ditangan, wuduk orang pesakit yang tidak mampu menggunakan air dan sebagainya. Karya ini dikategorikan sebagai karya popular kerana berbentuk panduan umum.

**Karya Keempat Puluh Satu:** ***Panduan Solat Kaifiat dan Fadhilatnya***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Syahrin Jasah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2007. Ia mengandungi 127 halaman muka surat[229].

Karya ini dimulai dengan mukaddimah yang ringkas. Seterusnya, penulis menyusun penulisannya mengikut topik. Karya ini dibahagikan kepada 35 topik perbincangan. Topik-topik tersebut ialah solat salah satu rukun Islam, ransangan untuk mendirikan solat yang lima, akibat bagi orang yang menyia-nyiakan solat, solat patuk ayam, melalaikan solat, meninggalkan solat, memelihara solat yang lima, kaifiat solat, uzur solat dan sebagainya.

---

[229] H. Syahrin Jasah, *Panduan Solat Kaifiat Dan Fadhilatnya* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2006).

Rujukan utama karya ini ialah al-Qur’an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab fiqh bertajuk *Kifiat al-Ṣolāt* karangan Abduh Ghalib Ahmad Isa.

Dalam karya ini penulis ada menyentuh isu-isu berkaitan solat yang dibahaskan oleh fuqaha seperti isu solat orang sakit. Menurut penulis, orang sakit dibenarkan solat berdiri sambil bersandar sekiranya tidak mampu berdiri seperti biasa. Begitu juga dia dibenarkan duduk sekiranya tidak mampu berdiri. Dia juga dibenarkan berbaring sekiranya tidak mampu duduk. Bagaimanapun dalam perbahasan ini beliau tidak membawa isu-isu semasa berkaitan solat orang sakit seperti solat pesakit yang memakai lampin, pesakit yang memakai tiup saluran najis dan sebagainya. Pengkaji merasakan isu-isu ini perlu diketengahkan oleh para penulis masa kini. Hal ini menyebabkan karya ini tidak menjawab persoalan-persoalan semasa yang berbangkit dewasa ini. Namun, pengkaji memuji penulisan karya ini yang menerangkan kaifiat, fadhilat solat dan fadhilat solat jemaah.

Secara umumnya karya popular ini ditampilkan dengan metode penyusunan yang baik, bahasa yang mudah, isi kandungan yang menarik. Justeru karya ini wajar dibaca dan dimiliki oleh masyarakat.

**Karya Keempat Puluh Dua:** ***Panduan Solat Sunat Tahiyat al-Masjid***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh H. Syahrin bin Jasah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2007. Karya ini mengandungi 40

halaman muka surat[230]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu solat sunat tahiyat al-masjid.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 4 buah tajuk iaitu pengertian solat tahiyat al-Masjid, dasar hukum solat *taḥiyyat al-masjid*, bolehkah solat tahiyat al-masjid ketika sedang azan, dan cara melaksanakan solat tahiyat al-masjid. Rujukan utama karya ini ialah al-Quran al-Karim dan kitab-kitab hadith.

Isu utama yang dibincang di dalam karya ini ialah solat sunat tahiyat al-masjid [231]. Menurut penulis, solat tahiyat al-masjid ialah solat yang dilakukan kerana memasuki masjid. Menurutnya lagi, setiap kali seseorang masuk ke dalam masjid, maka disunatkan mendirikan solat tersebut walaupun telah duduk. Namun, sekiranya orang yang masuk tersebut duduk agak lama, maka luputlah solat tahiyat al-masjid kepada dirinya. Penulis mendatangkan beberapa hadith dalam menguatkan hujahnya.

Secara umumnya, karya ini adalah karya popular kerana ia hanya sebuah karya yang membentangkan isi-isi yang berbentuk panduan umum. Bahasa yang mudah difahami, susunan yang baik, dan fokus tajuk secara khusus memberi kelebihan kepada karya ini. Selain itu, karya ini mudah

---

[230] H. Syahrin bin Jasah, *Panduan Solat Sunat Tahiyat al-Masjid*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

[231] *Ibid.*, 1.

dibawa kemana-mana kerana saiznya yang kecil. Justeru karya ini wajar dimiliki dan dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

**Karya Keempat Puluh Tiga: *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan***

Karya ini adalah hasil kajian yang dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani. Ia diterbitkan pada tahun 2007 oleh CA ED Enterprise dan merupakan karya asli. Karya ini mengandungi 142 halaman muka surat[232].

Penulis memulakan karyanya dengan kata pengantar yang menjelaskan tentang mengapa beliau menulis karya ini[233]. Menurutnya, antara sebab mengapa beliau menulis karya ini adalah kerana pertanyaan yang banyak yang diajukan kepada beliau oleh kaum wanita mengenai masalah-masalah mereka berkaitan haid, nifas dan istihadah[234].

Bagi memudahkan pembaca, kandungan disusun mengikut beberapa topik utama. Contohnya topik tentang *ṭahārah* di dalamnya terdapat tajuk-tajuk seperti pengertian *ṭahārah*, bahagian *ṭahārah*, kedudukan ṭahārah dan lain-lain lagi. Bagi setiap topik yang akan dibincangkan, ia didahului dengan pengertian topik tersebut yang dihuraikan menurut empat mazhab yang utama. Selepas itu, barulah di susuli tajuk-tajuk kecil yang berkaitan topik perbincangan

---

[232] Anisah Ab. Ghani, *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan* (Selangor: CA ED Enterprise, 2007).

[233] *Ibid*., xv.

[234] *Ibid*., xiv.

seperti pengertian haid, asal hukum haid dan peraturannya, rukun haid, isu-isu biasa mengenai haid dan kes-kes luar biasa haid[235]. Kebanyakan perbincangan yang ditulis beliau akan memaparkan pendapat pelbagai mazhab.

Rujukan utama penulis ialah kepada kitab-kitab fiqh turath seperti kitab *al-Fiqh 'alā Madhāhib al-Arba'ah* oleh 'Abd al-Rahmān al-Jazāirī, *al-Fiqh Islāmi wa Adillatuh* oleh Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Dasukī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr* oleh al-Dasukī, *Ḥāsyiah Ibn al- 'Abidīn* oleh Ibn al-'Abidīn dan lain-lain lagi. Selain itu, beliau juga merujuk kepada majalah berbahasa inggeris semasa seperti *Reader's Digest Family*[236].

Isu-isu semasa yang disentuh oleh penulis dalam karya ini seperti hukum wanita haid yang berada duduk di dalam masjid[237]. Menurutnya, wanita haid adalah diharamkan tinggal, duduk atau tidur di dalam masjid. Bagi menguatkan hujah, beliau membawa dalil yang terdapat dalam surah al-Nisa ayat 43. Bagaimanapun dalam persoalan ini beliau tidak membawa pendapat lain yang mengharuskan wanita haid duduk di dalam masjid, fatwa-fatwa semasa dan sebagainya. Sepatutnya beliau bersedia mempertimbangkan pendapat lain sepertimana kupasan yang di lakukannya dalam isu-isu lain dalam karya ini.

Secara umumnya karya ilmiah ini menampilkan keistimewaan yang tersendiri antaranya susunan topik yang baik, bahasa yang mudah difahami,

---

[235] *Ibid*., viii.

[236] *Ibid*., 132-133.

[237] *Ibid*., h. 109.

saiz kitab yang mudah dibawa dan isi kandungan yang ilmiah. Justeru buku ini wajar dibaca secara teliti oleh kaum wanita sama ada generasi pelajar baik di peringkat menengah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi. Bagi kalangan ahli akademik karya ini mampu menjadi contoh untuk mereka turut serta menghasilkan karya-karya baru sebagai tatapan pembaca. Karya ini diterima oleh masyarakat dimana 2000 naskhah telah terjual dalam masa 2 bulan di pasaran.

**Karya Keempat Puluh Empat: *Pedoman Pesakit Panduan Bersuci, Solat, Puasa Ubat-Ubatan Dan Motivasi.***

Karya fiqh asli ini telah dihasilkan oleh Ustaz Azhar bin Haji Yahya dan Ustazah Fadilah binti Yaacop dan diterbitkan pada tahun 2008 oleh Faza Publication Enterprise. Ia mengandungi 244 halaman muka surat[238]. Karya popular ini adalah hasil pengalaman penulis yang melayari kehidupan dalam tempoh yang lama di hospital dan melihat berbagai cara kehidupan para pesakit serta perkhidmatan penulis sebagai kaunselor agama di Pusat Dialysis Nefro Utama Sdn. Bhd.[239].

Secara umumnya karya terbitan Faza Pablications ini memberi tumpuan kepada perlaksanaan solat dan puasa bagi pesakit. Karya fiqh ini dimulai dengan muqaddimah yang menerangkan tentang kepentingan sembahyang[240].

---

[238] Azhar Haji Yahya et al., *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi* (Kuala Lumpur : Faza Pablication Enterprise, 2008).

[239] *Ibid*., 11.

[240] *Ibid*., 9.

Pendekatan yang diketengahkan penulis adalah perlaksanaan ibadat yang mesra pesakit[241]. Penulis membahagikan karyanya kepada 6 bab iaitu bab pertama wuduk, kedua tayammum, ketiga solat, keempat puasa, kelima ubat, berubat dan bahan ubatan dan terakhir ialah motivasi pesakit.

Di dalam karya fiqh ini penulis membincangkan sesuatu bab mengikut tajuk-tajuk yang ditetapkan. Penulis memulakan dengan tajuk ta'rif dan dalil, sunat-sunat bab tersebut, perkara-perkara yang membatalkan dan praktikaliti bab-bab tersebut. Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh turath dan karya kontemprori khususnya dalam mazhab Syafiʿi seperti *Mughnī Muhtāj ilā Ma'rifah alfāz al-Mihāj, al-Majmū', al-Fiqh al-Manhāji, al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syāfi'i* dan sebagainya[242]. Selain itu penulis juga merujuk fatwa semasa khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan[243] dan Seminar Fiqh Perubatan Antarabangsa[244].

Dalam karya ini, penulis membahaskan isu-isu yang dihadapi pesakit dengan mengambil pendekatan yang memudahkan mereka sesuai dengan *Maqāsid Syarī'ah.* Di antara isu tersebut ialah wudhu' pesakit yang memakai jarum atau *Intra Venous Drip* bagi memasukkan ubat yang diletakkan di tangan[245]. Menurut beliau, pesakit tersebut hanya perlu mengambil wudhuk seperti biasa dengan menyapu air di atas plaster sahaja tanpa di diulangi

[241] *Ibid*., 11.

[242] *Ibid*., 243.

[243] *Ibid*.

[244] *Ibid*., 186.

[245] *Ibid*., 52.

dengan tayammum[246]. Namun, penulis juga meraikan pendapat lain yang menyatakan perlu kepada tayammum[247].

Secara Umumnya karya ini memperlihat kelebihan-kelebihan tertentu dari sudut perbincangan isu-isu fiqh yang kontemporari, bahasa yang mudah difahami, penyusunan kandungan yang baik dan paparan gambar praktikaliti yang memudahkan pembaca. Justeru karya ini wajar dimiliki dan dibaca oleh masyarakat di semua peringkat. Sehingga kajian ini ditulis, sebanyak 6,000 naskhah telah terjual kerana usaha penulis yang mengajar dengan menggunakan karya ini di majlis-majlis ilmu disekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Namun ia belum dikenali di kalangan masyarakat Malaysia terutama di luar bandar. Hal ini mungkin disebabkan oleh tiada tindakan yang lebih proaktif untuk memasarkannya ke seluruh Malaysia. Walaubagaimanapun karya ini telah diterima oleh sebahagian masyarakat tanpa pertikaian di kalangan mereka.

**Karya Keempat Puluh Lima:** ***120 Persoalan Praktikal Solat Jamak Dan Qasar***

Karya fiqh yang dihasilkan oleh Ustaz Zulkarnain Dollah dan Ustaz Azhar Haji Yahya ini dikeluarkan pada tahun 2008 dan merupakan karya asli penulis yang diterbitkan oleh Faza Publication Enterprise. Ia mengandungi 167

---

[246] *Ibid*.

[247] Menurut mazhab Syafi'i , wajib bagi orang berbalut (termasuk memakai jarum) melakukan tiga perkara bagi mengangkat hadas iaitu membasuh angota wuduk yang tidak sakit, menyapu air bahagian anggota yang berbalut dan bertayamum. Lihat http://infad.usim.edu.my dicapai pada 5. 11. 2012.

halaman muka surat[248]. Buku ini merupakan buku soal jawab yang menjawab pertanyaan permasalahan solat jamak dan qasar.

Terdapat 120 soalan yang dikemukakan di dalam buku ini. Penulis menfokuskan kepada dua bahagian yang utama. Dalam bahagian pertama, penulis menjawab persoalan-persoalan tentang qasar. Terdapat 70 soalan yang dikemukakan. Manakala bahagian kedua, penulis membahaskan tentang solat jamak di mana terdapat 50 soalan ditanya dan dijawab oleh penulis.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh turath dan karya kontemprori khususnya dalam mazhab Syafi'i seperti *Mughnī Muhtāj ilā Marifah alfāz alMihāj, al-Majmū', al-Fiqh al-Manhājī, al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syāfi'i* dan sebagainya[249]. Selain itu penulis juga merujuk fatwa semasa khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan[250] dan Seminar Feqh Perubatan Antarabangsa[251].

Penulis buku ini juga menerangkan tentang persoalan moden dan semasa berkaitan solat jamak dan qasar yang mesti diketahui dan difahami oleh pembaca. Antaranya isu hukum solat jamak kerana menjalani rawatan bagi penyakit kronik di hospital[252]. Menurut penulis harus solat Jamak bagi

---

[248] Zulkarnain Dollah dan Azhar Yahya, *120 Persoalan dan Panduan Praktikal Solat Jamak Dan Qasar*. (Selangor: Lakhauf Management Services, 2008).

[249] *Ibid*., 243.

[250] *Ibid*.

[251] *Ibid*., 186.

[252] *Ibid*., 135.

pesakit kronik yang menjalani pembedahan dan sebagainya kerana rawatan yang memakan masa yang lama.

Menurut penulis lagi, berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-14 pada 22-23 Oktober 1985, pesakit tersebut di haruskan solat Jamak kerana keuzuran di luar kuasanya untuk mengatasinya. Pengkaji bersetuju dengan pendapat penulis kerana hukum tersebut menepati dengan *Maqāsid Syarī‘ah* yang inginkan kemudahan kepada umat Islam.

Secara umumnya buku *120 Persoalan Praktikal Solat Jamak & Qasar* ini adalah karya popular yang sangat baik kerana metode susunan yang baik, isi kandungan yang kotemporari dan semasa, dan bahasa yang mudah difahami. Justeru karya ini wajar menjadi tatapan masyarakat terutama mereka yang ingin memahami persoalan ini. Karya ini mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat kerana lebih 5,000 naskhah telah terjual semenjak diterbitkan pada 2008 sehingga kini.

**Karya Keempat Puluh Enam: *Solat Jumaat, Huraian Menurut al-Qur'an dan Hadis***

Karya ini ditulis oleh Abdul Aziz Ismail pada tahun 2008 dan diterbitkan oleh Proggresive Publishing House Sdn. Bhd. Karya yang mengandungi 193 halaman muka surat dan merupakan karya asli[253]. Karya ini memberi tumpuan kepada perlaksanaan solat Jumaat dan persoalan berkaitan dengannya.

[253] Abdul Aziz Ismail, *Solat Jumaat, Huraian Menurut al-Qur'an dan Hadith*, (Kuala Lumpur: Proggresive Publishing House Sdn. Bhd., 2008).

Perbincangan dalam karya ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama bertajuk pengertian dan hukum solat Jumaat, seterusnya diikuti tajuk tertib mengerjakan solat Jumaat, aspek-aspek lain solat Jumaat, pengertian dan tuntutan khutbah, permasalahan solat dua rakaat, hukum berkaitan solat Jumaat dan bab terakhir dengan tajuk berkaitan aspek-aspek lain hari Jumaat seperti bacaan surah *al-Sajadah* pada hari Jumaat dan lain-lain[254].

Rujukan penulis hanya bersumber kepada al-Qur'an al-Karim dan kitab-kitab hadith. Oleh itu, di antara isu penting yang dibincangkan penulis di dalam karya ini ialah seperti solat Jumaat pada hari raya Aidil Fitri[255]. Menurut penulis, isu ini pernah terjadi pada zaman Rasulullah SAW. Terdapat beberapa riwayat yang tidak sekata mengenai isu ini. Justeru, penulis hanya membawa hadith-hadith yang berkaitan persoalan ini tanpa kupasan yang mendalam sehingga boleh dijadikan panduan hukum kepada masyarakat Islam di Malaysia. Isu boleh atau tidak meninggalkan solat Jumaat pada hari Raya tetap menjadi kabur. Amalan solat Jumaat pada hari raya setakat kajian ini berjalan masih dilakukan oleh umat Islam di Malaysia.

Secara umumnya karya popular ini baik dari segi garapan isinya, bahasa yang mudah difahami dan perbahasan isu yang semasa. Justeru, ia wajar untuk dimiliki dan dibaca oleh masyarakat. Setakat kajian ini dijalankan tiada mana-mana pihak yang mempertikaikan kandungan karya ini. Hal ini menunjukkan karya ini diterima masyarakat.

---

[254] *Ibid*., 180.

[255] *Ibid.*, 175-179.

**Karya Keempat Puluh Tujuh:** ***Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya***

Karya ini ditulis oleh Dato' Haji Ismail Kamus[256] dan Muhammad Nidzam Abdul Kadir[257] pada tahun 2008 dan diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd.. Karya asli ini mengandungi 200 halaman muka surat.[258]

Penulis memberikan mukadimah melalui kata pengarang kepada karyanya ini. Dalam mukadimahnya, beliau menjelaskan tentang peranan ibadah puasa iaitu sebagai madrasah bagi mendidik jiwa dan nafsu agar lebih baik[259]. Di akhir mukaddimah penulis berharap agar penulisan ini dapat mencelikkan generasi islam dengan hukum-hakam puasa serta memotivasikan diri mereka untuk beribadat dengan lebih berilmu.

---

[256] Dato' Haji Ismail Kamus dilahirkan pada 2 disember 1948 di Kg. Batang Rening, Ulu Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sek. Arab Batang Kali selama 6 tahun sebelum ke Maahad Hisyamuddin, Kelang di mana beliau dengan seorang ulama tersohor, al-Syaykh Mahmood al-Arif al-Bukhari. Beliau melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Kelang dan universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dimana beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Syariah dengan kepujian pada tahun 1976. beliau pernah menjadi guru, pegawai penyelidik, pengawai dakwah, selain bertugas 15 tahun di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), INTAN dan Pusat Islam. Jawatn terakhir beliau ialah pakar rujuk di bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Pusat Islam sebelum bersara secara pilihan. Beliau juga bekas Adun Gombak Setia. Kini perunding motivasi dan pendakwah bebas di seluruh dunia di samping menjadi ahli perniagaan dan pengamal perubatan Islam Darus Salam.

[257] Ustaz Mohammad Nidzam Abdul Kadir dilahirkan di Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Mahmud, Alor Setar sebelum ke Kolej Agama Sultan Zainal Abidin. Memiliki ijazah sarjana muda dari Universiti al-Azhar, Kaherah dan ijazah sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pernah belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan kini beliau adalah pensyarah UIAM. Karya pertama beliau *'Cakar Harimau-Tip Kebahagian Rumah Tangga'* dihasilkan bersama penulis lain. Beliau juga merupakan ko-editor sebuah buku berkaitan alam jin. Dalam beberapa laman web internet, beliau merupakan moderator dengan nama "Ustaz Nidzam".

[258] Ismail bin Kamus dan Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir, *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya,* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2008).

[259] *Ibid.*, v.

Di dalam karya ini, penulis memuatkan muqaddimah dan 164 soalan. Penulis menyusun karya ini berbentuk soal jawab kerana bagi menarik minat pembaca dan supaya lahirnya generasi yang memahami hukum-hakam puasa dan jenerasi bertaqwa[260]. Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh, khususnya karya kontemporari seperti *al-Fiqh al-Manhājī* dan *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Selain itu, pengarang juga merujuk kepada karya-karya hadith seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Karya ini berbentuk soal jawab, namun begitu penulis masih menyusun karya ini mengikut bab. Pada pendapat pengkaji penulis menyusun begitu supaya memudahkan pembaca memahami permasalahan yang dibincangkan. Terdapat 26 bab yang mengandungi 164 soalan dan jawapan. Bab tersebut seperti kemulian Ramadhan, erti Ramadhan, pengertian puasa, syarat puasa dan sebagainya. Setiap bab-bab tersebut terkandung padanya soalan dan jawapan berkaitannya sahaja.

Penulis turut menyentuh isu-isu kontemporari perubatan ketika puasa[261]. Isu-isu tersebut seperti penggunaan alat penyedut udara (inhealer) bagi orang yang sakit penat atau asma.[262] Menurut penulis, penggunaan alat tersebut tidak membatalkan puasa kerana penggunaannya untuk tujuan perubatan walaupun tidak dinafikan bahawa dalam sedutan tersebut, terdapat benda yang masuk ke

---

[260] *Ibid.*, 7.

[261] *Ibid.*, 40.

[262] *Ibid*.

dalam rongga badan. Namun analisis hukum yang dilakukan beliau terlalu ringkas.

Secara umumnya karya popular hasil kajian yang dilakukan oleh Dato' Hj. Ismail Kamus dan Muhammad Nizam Abdul Kadir boleh dianggap sebagai rantaian daripada siri penghasilan karya-karya popular berhubung dengan fiqh ibadat. Perbezaan antara karya ini dengan karya-karya yang ada di pasaran adalah dari sudut pendekatan penulisan. Karya ini berbentuk soal jawab yang membolehkan pembaca memberikan fokus terus kepada kemusykilan dalam sesuatu subjek tanpa perlu membaca satu persatu fakta umum yang sudah diketahui. Justeru karya ini wajar dimiliki oleh segenap pembaca sebagai bahan bacaan tambahan mereka dalam memahami persoalan tentang puasa.

**Karya Keempat Puluh Lapan:** ***Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Solat 2 Tapi Anda Malu Bertanya***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Rohidzir Rais[263] dan diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. dan pada tahun 2008. Ia mengandungi 177 halaman muka surat[264].

---

[263] Rohidzir Rais dilahirkan di Permatang Pasir, Pulau Pinang, mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Permatang Pasir dan Sek. Men. Sungai Dua. Melanjutkan pengajian ilmu-ilmu agama Islam di Pondok Pasir Tumuh, Kelantan. Pengajian agama diteruskan di Ma‘ahad al-Azhar, Pokok Sena. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar di Damanhur, Mesir dalam bidang Syari‘ah Islamiah. Aktif menulis dan menterjemah buku daripada bahasa Inggeris dan Arab ke bahasa Melayu. Berpengalaman dalam mengendalikan kursus-kursus fardhu ain, al-Qur‘an dan bahasa Arab. Kini berkhitmat sepenuh masa di Telaga Biru Sdn. Bhd. Sebagai editor. Lihat Rohidzir Rais, *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Solat 2 Tapi Anda Malu Bertanya*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), halaman kulit belakang.

[264] *Ibid.*

Dalam karya popular ini, penulis menyusun penulisannya mengikut bab. Terdapat 22 bab yang disenaraikan penulis. Diantara bab tersebut seperti, taharah, pembahagian air, najis dan cara menyucikannya, wuduk, tayamum, azan dan iqamah dan lain-lain lagi[265]. Metode penulisan karya ini adalah soal jawab mengenai solat. Penulis memulakan setiap bab dengan tajuk besar kemudian disusuli dengan soalan-soalan berkaitan tajuk tersebut. Soalan dan jawapan yang dikemukan penulis berbentuk santai dan relaks.

Rujukan utama karya ini ialah kitab-kitab fiqh turath dan karya fiqh kontemprori khususnya dalam mazhab Syafi'i seperti *al-Dirasāt al-Fiqhiyyah alā Madhhab al-Imām al-Syāfi'i,Fiqh Syāfi'i*, *al-Fiqh al-Manhajī*, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh, al-Fatāwā al-Mu'aṣarah,* dan lain-lain lagi.[266] Selain itu beliau juga merujuk kitab-kitab hadith seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dengan melihat kepada rujukan-rujukan yang beliau gunakan, didapati bahawa kandungan karya ini lebih kepada memaparkan pandangan-pandangan ulama-ulama fiqh dalam mazhab Syafi'i.

Penulis turut menyentuh isu-isu terkini dan semasa berkaitan solat yang dibahaskan oleh fuqaha seperti isu solat fardhu di dalam kereta api[267]. Menurut penulis seseorang yang menaiki kereta api dalam jangka waktu yang lama dan takut ketinggalan kereta api diizinkan solat duduk di dalamnya. Seterusnya beliau menjelaskan praktikal solat secara duduk tersebut satu persatu. Namum beliau tidak menghuraikan lebih lanjut apakah sebab-sebab

---

[265] *Ibid.,* halaman bahagian isi kandungan.

[266] *Ibid.,* 166.

[267] *Ibid.*81.

dan dalil-dalil yang membolehkan solat tersebut. Pengkaji berpendapat perlu kepada penulis mendatangkan dalil-dalil yang berkaitan supaya jawapan kelihatan lebih kemas dan bernilai.

Secara umumnya karya ini menghalusi subjek solat secara menyeluruh, malah setiap rukun solat dibahaskan dengan terperinci satu persatu dalam bab berasingan. Buku ini dipersembahkan dalam bentuk yang lebih santai, dan mudah dibaca, tetapi berautoriti berdasarkan rujukan buku-buku tulisan ilmuan muktabar. Selain itu, dalil-dalil al-Qur'an dan hadith yang dimuatkan dalam buku ini disertakan matan yang lengkap berbaris dan terjemahan yang tepat. Di samping itu buku ini juga menarik kerana disulami dengan gambar-gambar praktikaliti isu-isu berkaitan solat dan berkaitannya untuk memudahkan pembaca. Justeru, karya ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan kerana memiliki ciri-ciri *best seller* tersebut disamping membicarakan persoalan yang paling laris dipasaran iaitu solat.

**Karya Keempat Puluh Sembilan:** ***Sifat-Sifat Solat Nabi***

Karya ini adalah karya terjemahan yang ditulis oleh Dr. Ā'iḍ 'Abdullāh al-Qarnī dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2008. Karya ini mengandungi 105 halaman muka surat[268]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai sifat-sifat solat nabi SAW.

[268] Dr. Ā'iḍ 'Abdullāh al-Qarnī, *Sifat-Sifat Solat Nabi*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2008).

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 44 tajuk. Diantara tajuk-tajuk tersebut ialah pentingnya solat, solat berjemaah, berdiri, menghadap kiblat, takbir, meletak kedua tangan di atas dada, doa istiftah, isti'azah dan basmalah dan sebagainya.

Rujukan utama karya ini adalah al-Qur'an al-Karim dan hadith Nabi SAW. Selain itu, penulis juga merujuk kepada karya fiqh ibadat iaitu *Ṣifāt al-Ṣolāt al-Nabī*.

Antara isu yang dibincangkan dalam karya ini ialah doa iftitāḥ[269]. Menurut penulis, doa iftitah ini adalah sunnah Rasulullah di dalam solat berdasarkan hadith-hadith sahih. Menurutnya lagi, doa iftitah tersebut dibaca dengan suara perlahan, namun, jika dibaca dengan suara keras, kerana sesuatu keperluan seperti mengajar dan tidak dilakukan terus-menerus, maka hal ini dibolehkan.

Secara umumnya karya ini adalah karya ilmiah berdasarkan kepada perbahasan di dalam karya ini berbentuk ilmiah dan kritikal dengan dalil-dalil yang dikemukakan. Justeru, karya ini baik untuk dimiliki oleh para pembaca sebagai bahan bacaan bagi memahami sifat-sifat solat Rasulullah SAW.

---

[269] *Ibid.*, 20.

**Karya Kelima Puluh:** ***Manasik Haji dan Umrah***

Karya ini adalah karya asli yang ditulis oleh Abu Inas Husayna dan Abu Nafidah[270] dan diterbitkan oleh Pustaka al-Shafa pada tahun 2008. Karya ini mengandungi 141 halaman muka surat[271]. Fokus utama karya ini bagi mendedahkan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu-isu haji dan umrah SAW.

Perbincangan dalam karya ini dikupas mengikut tajuk. Penulis membahagikan karya ini kepada 22 tajuk iaitu persediaan sebelum berangkat menunaikan ibadat haji, solat sunat musafir, doa dalam perjalanan, solat di atas kenderaan, ziarah di madinah, niat umrah dan haji, sa‘i haji, dan sebagainya. Di dalam karya ini penulis tidak mencatat sebarang rujukan yang digunakan.

Di antara isu yang dibincangkan di dalam karya ini ialah sa‘i haji[272]. Di dalam isu ini penulis tidak menulisnya secara ilmiah walaupun isu ini adalah rukun kepada ibadat haji. Penulis hanya menyenaraikan niat dan doa-doa berkaitan dengan sa‘i sahaja. Oleh itu, pengkaji merasakan karya ini boleh dimanfaatkan oleh peserta ibadat haji dan umrah yang sudah mahir dengan ibadat tersebut.

---

[270] Kedua-dua penulis karya ini tidak mencatat nama penuh mereka.

[271] Abu Inas Husayna dan Abu Nafidah , *Manasik Haji Dan Umrah* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2008).

[272] *Ibid.*, 45.

Secara umumnya karya ini adalah karya popular yang sesuai untuk masyarakat awam kerana penerangannya berbentuk panduan umum. Dengan beberapa keistimewaan yang terdapat di dalam karya ini seperti doa-doa yang ditulis dengan saiz tulisan yang besar dan berbaris dan bahasa yang mudah difahami, maka ia wajar dimiliki oleh mereka yang ingin menunaikan ibadat haji dan umrah.

## 3.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada data-data yang dibentangkan, pengkaji mendapati bahawa banyak trend-trend pembaharuan yang ditemui. Sudut-sudut pembaharuan tersebut adalah metode penyusunan yang lebih kemas. Metode penggunan bahasa yang sesuai dengan zaman, metode tulisan yang jelas dan metode persembahan yang menarik dan terkini.

Selain itu, penulis-penulis juga memberi keutamaan kepada sumber rujukan. Justeru, hampir keseluruhan penulis membuat rujukan kepada dalil-dalil al-Qur'an al-Karim, kitab-kitab hadith dan karya-karya *turāth* dan kotemporari. Manakala isi kandungan yang dibentangkan oleh penulis juga sesuai dengan keadaan dan tuntutan masa.

Manakala bentuk-bentuk penulisan karya fiqh ibadat pada tahun-tahun tersebut didominasi oleh karya popular. Namun, terdapat juga karya ilmiah yang dihasilkan oleh segelintir penulis.

# BAB EMPAT

# ANALISIS KARYA-KARYA FIQH IBADAT DARI TAHUN 1998 SEHINGGA 2008

## 1.0 Pendahuluan

Karya-karya fiqh ibadat tahun 1998 sehingga 2008 akan menjadi bahan analisis dalam bab ini. Jumlah karya yang akan dianalisis oleh pengkaji ialah sebanyak 50 buah. 50 buah karya ini adalah hasil pencarian pengkaji di kedai-kedai buku, syarikat-syarikat penerbitan, dan perpustakaan peribadi rakan-rakan. Pengkaji akan menganalisis kepada trend terkini para penulis dalam menghasilkan karya-karya fiqh ibadat.

Oleh itu, perkara penting yang dianalisis oleh pengkaji ialah mengenai metode penyusunan karya, aliran mazhab karya, bentuk-bentuk karya, tema-tema karya, metode persembahan karya, senarai penulis, dan senarai penerbit.

## 2.0 Metode Penyusunan Dan Penulisan Karya

Dalam tajuk ini pengkaji akan memaparkan trend terkini karya-karya fiqh ibadat dari sudut metode penyusunan dan penulisan. Pangkaji akan membahagikan metode ini kepada tiga sub topik iaitu metode penyusunan, penggunaan tulisan, dan metode rujukan.

## 2.1 Metode Penyusunan

Daripada pengamatan pengkaji didapati beberapa karya telah membuat pembaharuan dari sudut metode penyusunan. Karya-karya ini tidak lagi disusun dalam bentuk karya-karya tradisional tetapi disusun dengan lebih menepati kehendak semasa[273]. Metode penyusunan tahun-tahun tersebut lebih santai dan mesra pembaca[274]. Oleh itu, metode soal jawab yang menggunakan bahasa percakapan[275] telah menjadi pilihan sebahagian daripada penulisan karya-karya yang dihasilkan.

Contohnya terdapat 5 buah karya disusun dengan bentuk soal jawab iaitu karya yang bertajuk *120 Persoalan dan Panduan Praktikal Solat Jamak dan Qasar, Seratus Persoalan Puasa, Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya, Soal Jawab Remeh Temeh Tengtang Solat 2 Tapi Anda Malu Bertanya*dan *100 Persoalan Haji, Umrah, Korban dan Umrah.* Metode penyusunan ini lebih memudahkan pembaca untuk terus memberi fokus kepada permasalahan yang mereka hadapi. Selain itu, situasi masyarakat hari ini yang sibuk menyebabkan mereka memilih karya bentuk baru ini kerana mereka tidak perlu membaca keseluruhan buku tersebut untuk menjawab setiap persoalan mereka.

---

[273] Karya fiqh ibadat yang bertajuk *Muniyat al-Muṣallī* adalah karya fiqh yang dibaca di kebanyakan pondok, surau, dan masjid di tanah Melayu. Karya fiqh tradisional ini sukar dibaca oleh masyarakat masa kini kerana metode susunannya berbentuk tradisional yang amat payah difahami. Lihat Tuan Syaykh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Muniyah al-Muṣallī,* (t.tp: Percitakan al-Ma'arif Sendirian Berhad, t.t).

[274] Metode soal jawab yang santai dan mesra pembaca telah mula ditulis oleh sebahagian penulis pada tahun-tahun tersebut. Lihat Rohidzir Rais, *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Solat 2 Tapi Anda Malu Bertanya.*

[275] Dimaksudkan dengan bahasa percakapan ialah bahasa hari-hari yang digunakan masyarakat. Lihat http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bahasa+percakapan dicapai pada 22.11.2012.

**Rajah 4.1 : Metode Penyusunan Karya Fiqh Ibadat 1998-2008**




Rajah 4.1 menunjukkan metode bab dan topik masih banyak dihasilkan iaitu 45 buah karya atau 90%. Hal ini menunjukkan bahawa penulis masih memilih metode bab dan topik di dalam karya mereka. Selain itu, mungkin para penulis fiqh beranggapan bahawa bentuk ini masih sesuai pada masa tersebut dan bentuk ini adalah bentuk asal untuk memahami persoalan fiqh ibadat secara berkesan.

Manakala terdapat 10% atau 5 buah karya yang menggunakan metode soal jawab. Metode soal jawab masih kurang jika dibandingkan dengan metode topik kerana metode ini hanya metode sampingan untuk sesetengah golongan masyarakat yang sibuk dengan kerjaya. Justeru, trend persembahan metode soal jawab telah diperkenalkan oleh penulis walaupun masih ditahap yang sederhana.

Pengkaji merasakan trend soal jawab ini perlu diteruskan oleh penulis-penulis yang akan menghasilkan karya mereka pada masa akan datang. Trend perubahan pada kedua-dua metode ini sangat ketara berbanding dengan karya-karya tradisional dimana kedua-dua metode ini telah mengalami perubahan yang besar dengan mengunakan bahasa Melayu moden, tulisan yang jelas dan mudah difahami, dan metode susunan yang kemas dan rapi pada setiap karya fiqh ibadat ini.[276] Secara umumnya penulis-penulis masa kini telah menampilkan karya-karya kreatif untuk tatapan masyarakat.

## 2.2 Penggunaan Tulisan

Karya-karya tersebut juga mengalami perubahan yang ketara dari aspek penggunaan tulisan. Oleh itu, boleh dikatakan kesemua karya yang telah dihasilkan telah menggunakan tulisan rumi kecuali sebuah karya yang masih menggunakan tulisan jawi. Bentuk tulisan jawi tersebut bukan berasaskan kepada tulisan jawi lama. Sebagai contoh perkataan توجوه iaitu angka 7 ditambah huruf *waw* antara huruf *jīm* dan *ḥā'* berbanding tulisan jawi lama tidak menggunakan *waw*[277]. Hal ini boleh mengelirukan pembaca dari sudut memahami makna kerana tulisan توجه ada persamaan dengan perkataan *tawajjuh* iaitu menghadap.

---

[276] Sebagai contoh lihat karya fiqh Dr. Anisah Ab. Ghani bertajuk *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan.* Anisah Ab. Ghani (2007), *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan.*

[277] Muhammad Yusof Ismail, *Panduan Lengkap Sembahyang Sunat*, 107.

Penulisan karya-karya tradisional banyak menggunakan istilah-istilah dalam bahasa Arab seperti kitab, bab, dan pasal[278]. Dari aspek penggunaan juga banyak menggunakan bahasa Arab seperti tafsil, qasad, itlaq, dan sebagainya[279]. Selain itu, bahasa Melayu lama yang digunakan sebagai tulisan karya-karya tersebut sukar difahami oleh pembaca zaman sekarang[280].

Manakala karya-karya fiqh ibadat 1998 hingga 2008 tidak lagi menggunakan bentuk – bentuk penulisan tersebut. Ia telah mengalami perubahan yang ketara yang sesuai dengan kehendak semasa. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu moden yang mudah difahami. Sebagai contoh karya Dr. Anisah Ab. Ghani yang menggunakan bahasa Melayu terkini sesuai dibaca oleh Masyarakat intelektual hari ini[281].

---

[278] Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani , *Maṭla' al-Badrain wa Majma' al-Baḥrain*, (Singapura: Pustaka Nasional, t.t).

[279] *Ibid.*, 16.

[280] *Ibid.*

[281] Anisah Ab. Ghani, *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*.

**Rajah 4.2 : Metode Tulisan Karya Fiqh Ibadat 1998-2008**




Rajah 4.2 menunjukkan metode tulisan rumi menguasai hampir keseluruhan pengeluaran karya fiqh ibadat 1998-2008 iaitu 49 buah karya atau 98%. Manakala terdapat 2% atau sebuah karya yang menggunakan tulisan jawi. Justeru trend persembahan tulisan rumi telah menjadi pilihan penulis sesuai dengan keadaan masyarakat hari ini yang buta jawi dan celik rumi. Penulis-penulis terpaksa mengetepikan tulisan jawi kerana ia tidak lagi menjadi tulisan dalam sistem pendidikan negara. Walaupun Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 ditulis dalam tulisan Jawi. Namun, tulisan ini diketepikan kerana sikap kita sendiri terhadap warisan agama dan bangsa yang amat penting ini[282].

[282] Sabariah binti Haji Bahrun (2008), "Sistem Ejaan Jawi Yang Dikemaskini Oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: Satu Tinjauan" (Kertas Kerja, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah, 2008), 3 - 4.

Pada pendapat pengkaji penggunaan tulisan rumi di dalam karya-karya fiqh perlu digunakan terus kerana perkara yang perlu dititik-beratkan kepada masyarakat hari ini adalah kefahaman ibadat itu sendiri bukannya tulisan. Walaubagaimanapun, pendidikan tulisan jawi perlu diperkasakan di sekolah-sekolah dan sebagainya.

## 2.3 Metode Rujukan

Manakala aspek rujukan juga mengalami pembaharuan yang sesuai dengan masyarakat yang terpelajar. Justeru, dalam karya-karya tersebut penulis telah membuat rujukan kepada al-Qur'an dan hadith sebagai rujukan utama dengan mendatangkan teks secara langsung[283]. Dari aspek rujukan terhadap hadith penulis telah mengkategorikan status hadith tersebut. Berbanding karya fiqh ibadat tradisional kurang merujuk kepada sumber al-Qur'an dan hadith secara langsung[284].

Manakala rujukan kedua penulis turut mengambil pandangan ulama muktabar mazhab khususnya mazhab Syafi'i. Selain itu, penulis juga membuat rujukan terhadap fatwa-fatwa kontemporari dalam dan luar negara. Sebagai contoh dalam isu fiqh ibadat puasa berkaitan dengan perubatan seperti penggunaan mesin dialisis buah pinggang melalui perut. Dalam hal ini penulis terus merujuk kepada keputusan Seminar Fiqh Perubatan ke 9 yang diadakan

---

[283] Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Hukum Bacaan al-Quran Untuk Si Mati. Adakah Sampai Pahalanya.*

[284] Karya ini tidak merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Lihat Abd Rashid Banjar, *Perukunan Sembahyang*, (t.tp: Maktabah wa Matbaʻah Muḥammad al-Nahdī wa Awladuh, t.t).

di Casablanca, Maghribi, pada 8 hingga 11 Safar 1418 bersamaan 14 hingga 17 Jun 1997[285].

**Rajah 4.3 : Pembahagian Rujukan Kepada al-Quran Karya Fiqh Ibadat 1998-2008**




Rajah 4.3 menunjukkan hampir keseluruhan karya fiqh ibadat 1998-2008 merujuk kepada al-Qur'an iaitu 49 buah karya atau 98%. Manakala terdapat 2% atau sebuah karya sahaja yang tidak merujuk kepada al-Qur'an. Hal ini kerana, penulis-penulis sepanjang tempoh tersebut adalah penulis-penulis yang terdedah dengan penulisan cara moden yang menitik-beratkan penggunaan dalil dalam setiap karya mereka. Kebanyakan mereka menerima pendidikan Islam moden sama ada di Timur Tengah seperti al-Azhar dan sebagainya atau di universiti-universiti dalam negara. Justeru, pada pendapat pengkaji trend rujukan ini perlu diteruskan supaya karya-karya hari ini dan akan datang mampu mendidik masyarakat yang berilmu dengan sumber asal iaitu al-Qur'an.

---

[285] Azhar Haji Yahya et al., *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi*, 186-189.

## 2.4 Metode Persembahan Karya Fiqh Ibadat

Dalam tajuk ini pengkaji memaparkan beberapa trend terbaru dari sudut persembahan karya yang dilakukan oleh penulis-penulis karya fiqh ibadat sepanjang tahun tersebut. Daripada pengamatan pengkaji didapati beberapa pembaharuan berlaku kepada sebahagian karya. Pembaharuan yang dimaksudkan ialah persembahan bergambar dan berjadual. Terdapat 10 buah karya yang disertakan gambar iaitu karya ke 10, 15, 22, 28, 32, 38, 43, 44, 46, 47, seperti terdapat pada bab ketiga dalam disertasi ini. Pengkaji mendapati bentuk bergambar lebih memudahkan kefahaman masyarakat. Hal ini juga pernah dibuat oleh penulis karya fiqh ibadat yang bertajuk *Perukunan Sembahyang*[286].

Selain itu, terdapat sebuah karya disertakan jadual mengenai kitaran pusingan haid bagi wanita. Karya tersebut pengkaji telah analisis pada bab ketiga iaitu karya yang ke 43. Pengkaji mendapati bahawa karya tersebut merupakan sebuah karya lengkap menjelaskan tentang darah wanita dan kaitannya dengan perlaksanaan ibadat. Setakat kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa karya ini merupakan satu-satunya karya yang berjaya menonjolkan persembahan begitu di Alam Melayu. Menurut penulis tujuan karya ini ditulis adalah berdasarkan kepada persoalan mengenai taharah dan haid yang sering dibangkitkan oleh masyarakat kepada beliau. Justeru, dengan kreativiti beliau untuk memudahkan kefahaman masyarakat bagi memahami

[286] Karya ini ditulis oleh Syaykh Abd Rashid Banjar hasil penelitian beliau terhadap karangan Syaykh Muhammad Arsyad Banjar.Buku tersebut sangat popular di kalangan masyarakat Melayu dahulu khususnya di tempat pengajian pondok, bahkan ia dibaca di Makkah. Lihat Abd Rashid Banjar, *Sabīl al-Muhtadīn*, 89, 90, 92, 95,96.

persoalan itu maka dilakarkan jadual[287]. pengkaji sendiri dapat memahami dengan mudah persoalan haid melalui paparan jadual tersebut.

**Rajah 4.4 : Pembahagian Metode Persembahan Karya Fiqh Ibadat 1998-2008.**




Rajah 4.4 menunjukkan bahawa karya yang tidak bergambar dan berjadual masih banyak dihasilkan iaitu 39 buah karya atau 78%. Manakala terdapat 20% atau 10 buah karya yang dimuat gambar. Hanya sebuah karya yang dimuatkan jadual mewakili 2% daripada keseluruhan karya tersebut. Justeru, trend persembahan bentuk baru telah diperkenalkan oleh penulis walaupun masih ditahap yang sederhana. Pengkaji merasakan trend ini perlu diteruskan oleh penulis-penulis yang akan menghasilkan karya mereka pada masa akan datang supaya dapat membantu kefahaman masyarakat.

---

[287] Anisah Ab. Ghani, *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*, xiv.

## 3.0 Tema-Tema Karya Fiqh Ibadat Tahun 1998 Hingga 2008

Data-data yang diperolehi daripada bab ketiga mendapati bahawa beberapa tema berkaitan fiqh ibadat telah dibincangkan oleh para penulis sekitar tahun tersebut, tema-tema itu boleh disenaraikan seperti berikut :-

1. Solat,
2. Puasa,
3. Bersuci,
4. Pengurusan jenazah,
5. Akikah,
6. Haji dan umrah,
7. Pelbagai,
8. Tema-tema lain.

Tema-tema tersebut dibincangkan dalam dua bentuk iaitu satu tema atau gabungan beberapa tema. Pada kebiasaannya penulis memfokuskan kepada bentuk satu tema sahaja. Contohnya terdapat 24 karya yang isi kandungannya tertumpu kepada solat sahaja. Karya-karya tersebut telah pengkaji analisis pada bab ketiga iaitu karya ke 2, 6, 7, 11, 12, 13, 15, 20, 22, 28, 29, 31, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 45, 46 dan 49. Begitu juga mengenai puasa dibincangkan secara satu tema seperti karya ke 1, 5, 16, 21, dan 47 dalam bab ketiga.

Manakala tema yang digabungkan kepada beberapa tema tertentu mengenai fiqh ibadat terdapat 10 buah sahaja iaitu karya ke 9, 10, 14, 19, 25, 26, 27, 33, 44 dan 48 dalam bab ketiga.

Daripada analisis ini pengkaji membuat kesimpulan tema solat adalah tema yang paling banyak diterbitkan. Karya-karya seperti ini dicetak berulang kali kerana permintaan yang memberangsangkan daripada masyarakat. Boleh jadi bentuk ini memudahkan masyarakat memberi fokus kepada isu yang ingin mereka fahami.

**Rajah 4.5 : Tema-Tema Karya-Karya Fiqh Ibadat Tahun 1998-2008**




Melalui Rajah 4.5 dapat dilihat sebahagian besar karya ditulis secara satu tema iaitu sebanyak 23 buah atau 46% daripadanya adalah membincangkan tentang solat. Menuruti tema solat ialah tema puasa iaitu sebanyak 5 buah atau 10%.

Manakala tema bersuci sebanyak 3 buah atau 6%. Selain itu, jumlah yang sama iaitu sebanyak 3 buah atau 6% adalah tema pengurusan jenazah. Manakala tema akikah adalah paling sedikit dihasilkan iaitu sebanyak sebuah atau 2%. Terdapat tema-tema fiqh ibadat yang digabungkan dalam satu karya iaitu sebanyak 10 buah atau 20%. Manakala tema yang biasa digabungkan iaitu haji dan umrah terdapat sebanyak 3 buah atau 6%. Selain itu, terdapat sebanyak 2 buah atau 4% mewakili tema atau isu talqin dan bacaan al-Qur'an untuk si mati yang masih termasuk dalam kategori fiqh ibadat.

Dalam hal ini tema-tema trend terkini menjuruskan kepada persoalan solat melebihi daripada tema-tema lain. Ini disebabkan solat adalah perkara yang dititik beratkan oleh ibu bapa dalam masyarakat Islam di Malaysia semenjak kanak-kanak lagi. Persoalan solat juga adalah persoalan utama yang dibincangkan oleh guru-guru di sekolah dan guru-guru agama di surau dan masjid.

Tema puasa juga diantara tema yang menjadi pilihan untuk ditulis. Hal ini kerana puasa antara ibadat yang amat diambil berat oleh umat Islam di Malaysia. Persoalan ini juga sebagaimana solat telah dibincangkan kewajipannya di sekolah, masjid dan surau-surau seluruh negara oleh para guru-guru agama.

Namun begitu, terdapat kecenderungan penulis dengan menghasilkan tema yang agak kontroversi iaitu tema talqin. Walaupun tema ini sudah menjadi polemik yang berpanjangan dalam masyarakat di Malaysia, namun

penulis berusaha membawa masyarakat meneliti hujah secara ilmiah bukan berdasarkan taklid secara membuta tuli.

## 4.0 Aliran Mazhab Karya-karya Fiqh Ibadat 1998-2008

Dalam tajuk ini pengkaji akan menganalisis kecenderungan aliran mazhab penulis-penulis fiqh ibadat di dalam karya-karya mereka. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji menadapati aliran mazhab karya fiqh ibadat dari tahun 1998 sehingga 2008 telah berkembang. Karya-karya yang dihasilkan pada tahun-tahun tersebut telah terbahagi kepada empat aliran mazhab yang berbeza seperti berikut:-

1. Aliran mazhab Syafi‘i,
2. Aliran mazhab Syafi‘i dan lain-lain mazhab,
3. Aliran pelbagai mazhab,
4. Aliran tidak bermazhab.

Pengkaji maksudkan dengan aliran mazhab Syafi‘i ialah karya-karya yang hanya memindahkan perkataan atau ayat-ayat daripada kitab-kitab turath mazhab Syafi‘i kepada bentuk penulisan baru. Penerbitan karya aliran ini adalah yang terbanyak berbanding aliran lain iaitu sebanyak 21 buah karya . sebahagian kecil penulis masih mengekalkan bentuk penulisan tradisional yang hanya memindahkan pendapat-pendapat mazhab syafi‘i di dalam karya mereka, sebagai contoh karya yang bertajuk *Hukum Persoalan Sembahyang Jumaat* karangan Muhammad Ramzi Omar. Keseluruhan isi kandungan karya ini

adalah isi-isi yang diambil daripada kitab-kitab muktabar mazhab Syafi'i seperti menurutnya[288]:-

Imam al-Nawāwī menyebut di dalam kitabnya *al-Majmū'*, berdasarkan pendapat yang mengatakan doa itu diwajibkan di dalam khutbah maka tempatnya ialah pada khutbah yang kedua, dan tidak memadai jika hanya didoakan pada khutbah yang pertama seperti yang ditekskan dalam *Mukhtaṣar al-Buwaitī* dan *al-Muzanī*[289].

Karya-karya ini hanya merujuk kepada karya-karya muktabar mazhab Syafi'i seperti *Majmū' Syarḥ Muhadhdhab* oleh Imām al-Nawāwī, *Mughnī Muhtāj ilā Ma'rifah alfāz al-Minhāj* oleh al-Khātib al-Syarbīnī, *Qalyūbī wa al-'Umairah Hasyiah ala Syarḥ Jalāl al-Din al-Maḥallī* karangan Syaykh al-Qalyūbī dan Syaykh 'Umairah dan sebagainya. Karya-karya ini langsung tidak membincangkan isu-isu fiqh yang semasa yang berlaku di kalangan masyarakat. Di bawah adalah senarai karya-karya aliran tersebut:-

1. *Persoalan Ibadat Puasa*
2. *Solat Tarawih dan Qiamullail Mengimarahkan Syiar Ramadhan.*
3. *Panduan Amalan Ibadat Harian.*
4. *Puasa Zakat, Haji dan Muamalat.*
5. *Panduan Sembahyang (Lelaki).*
6. *Panduan Mendirikan Sembahyang Berjemaah.*

---

288 *Ibid.*, 36.

289 Rangkap tulisan tersebut adalah pindahan kata-kata daripada kitab *Majmū'*. Lihat Maḥyu al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* (t. tp.: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1995), 4: 521.

7. *Solat Kaifiat dan Fadhilatnya.*
8. *Panduan Belajar Sembahyang Lelaki.*
9. *Solat Jemaah Hukum dan Fadhilatnya.*
10. *Hukum dan Persoalan Sembahyang Jemaah.*
11. *Panduan Praktis Haji dan Umrah.*
12. *Manasik Haji dan Umrah.*
13. *Panduan Amali Penyelenggaraan Jenazah.*
14. *Panduan lengkap Solat Berjemaah Menurut Mazhab Syafii.*
15. *Fiqh Amali.*
16. *Hukum, Persoalan Sembahyang Jumaat.*
17. *Panduan Ibadat Ketika Sakit.*
18. *Panduan Lengkap Sembahyang Sunat.*

Aliran mazhab Syafi'i dan mazhab yang lain bermaksud penulis-penulis ini mengutamakan mazhab Syafii tetapi dalam isu-isu tertentu penulis akan memilih *tarjih* mana-mana mazhab atau pendapat-pendapat ulama kontemporari. Setelah dianalisis pengkaji mendapati sebanyak 5 buah karya yang beraliran sedemikian, seperti berikut:-

1. *100 Persoalan Puasa*
2. *Persoalan dan Panduan Praktikal Solat Jamak dan Qasar*
3. *Pedoman Pesakit*
4. *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Solat 2.*
5. *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Puasa*

Karya-karya ini memaparkan kupasan-kupasan fiqh yang semasa dan mudah untuk diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Contohnya isu-isu yang berkaitan dengan para pesakit yang memerlukan keringanan yang pelbagai, maka karya-karya tersebut dikupas dengan menggunakan pendapat yang merentas mazhab[290].

Rujukan utama karya-karya ini ialah kitab-kitab fiqh turath dan karya kontemporari khususnya dalam mazhab Syafiʿi seperti *Mughnī Muhtāj ila Maʿrifah alfāz al-Mihaj, al-Majmʿu, al-Fiqh al-Manhāji, al-Muʿtamad fi al-Fiqh al-Syāfiʿi* dan sebagainya[291]. Selain itu penulis karya-karya beraliran tersebut juga merujuk kepada fatwa-fatwa semasa khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan[292] dan Seminar Feqh Perubatan Antarabangsa[293].

Seterusnya terdapat aliran penulisan karya yang pelbagai mazhab. Maksud penulis dengan aliran penulisan ini adalah penulis-penulisnya mendatangkan kepelbagaian pendapat mazhab utama termasuk pendapat ulama-ulama kontemporari. Aliran ini adalah yang terbanyak diterbitkan di Malaysia pada tahun-tahun tersebut. Senarai karya-karya tersebut seperti di bawah:-

1. *Pelik Tapi Benar Dalam Solat,*
2. *Solat Jumaat Huraian Menurut al-Quran dan al-Hadith,*

---

[290] Sila rujuk kupasan yang dilakukan oleh pengkaji dalam bab ketiga berkaitan karya-karya ini.

[291] Azhar Haji. Yahya et al., *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi*, 243.

[292] *Ibid*.

[293] *Ibid*., 186.

3. *Hukum Bacaan al-Quran Untuk Si Mati. Adakah Sampai Pahalanya?,*
4. *Amalan Talqin Satu Perbahasan Ilmiah,*
5. *Hukum Wanita Menjadi Imam Solat Kontroversi Solat Jumaat Dr. Amina Wadud,*
6. *Risalah Puasa,*
7. *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan,*
8. *Panduan Solat Jama'ah,*
9. *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa Dan Isu-isu Berkaitan),*
10. *Kaifiat Bersuci,*
11. *Fekah Luar Negara Mudah Praktik Islam Di Mana-mana,*
12. *Kaifiat Haji dan Umrah.*
13. *Panduan Wudhuk, Solat Berjemaah.*
14. *Panduan Ibadat Dalam Perjalanan.*
15. *Panduan Solat Sunat Hari Raya.*
16. *Panduan Solat Sunat Tahiyat al-Masjid.*
17. *Panduan Solat Sunat Gerhana.*
18. *Panduan Solat Sunat Hujan.*
19. *Akikah.*
20. *Pengurusan Jenazah Menurut Empat Mazhab.*
21. *Bimbingan Pengurusan Mayat.*
22. *100 Persoalan Haji, Umrah, Korban dan Hari Raya.*

Aliran yang keempat yang juga diterbit pada tahun 1998 sehingga 2008 ialah aliran yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Maksud pengkaji

dengan mazhab ini ialah penulis karya-karya ini terus merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith tanpa merujuk kepada mana-mana mazhab. Setelah dianalisi pengkaji mendapati terdapat 5 buah karya yang beraliran tersebut iaitu:-

1. *Sabda Rasulullah s.a.w Solatlah Sebagaimana Kamu Melihat Aku Solat,*
2. *Solat Pengertian, Kaifiatnya Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah,*
3. *Panduan Lengkap Menghalusi Solat Bergambar.*
4. *Sifat-Sifat Solat Nabi.*
5. *Qiamullail Perintah yang Ditinggalkan.*

**Rajah 4.6 : Pembahagian Karya-Karya Fiqh Ibadat Mengikut Pendekatan Bermazhab**




Melalui Rajah 4.6 dapat dilihat penulis beraliran mazhab Syafiʽi sepenuhnya dan mazhab Syafiʽi serta menerima pendapat lain masih banyak dihasilkan.

Karya beraliran mazhab Syafiʽi sepenuhnya telah dihasilkan sebanyak 18 buah atau 36%. Manakala karya aliran mazhab Syafiʽi tetapi menerima pendapat dari mana-mana mazhab atau pandangan ulama kontemporari adalah sebanyak 5 buah atau 10%. Hal ini memperlihatkan bahawa para penulis turut mengambil kira aliran mazhab yang diamalkan di Malaysia ketika menghasilkan karya-karya mereka. Menuruti kedua-dua aliran tersebut adalah aliran penulisan pelbagai mazhab iaitu sebanyak 22 buah atau 44%.Selain itu tedapat karya yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab iaitu sebanyak 5 buah atau 10%. Kurangnya penulisan aliran ini kerana kebanyakan penulis di Malaysia masih bermazhab Syafiʻi. Secara umumnya penulisan aliran-aliran mazhab di Malaysia telah mengalami perubahan dengan kehadiran pelbagai bentuk aliran. Selain itu, penulis-penulis bermazhab Syafiʽi sendiri telah lebih realistik ketika menghasilkan karya mereka dengan membuat pentarjihan pendapat-pendapat selain mazhab Syafiʽi.

## 5.0 Pembahagian Bentuk-Bentuk Karya Ibadat 1998 Hingga 2008.

Dalam tajuk ini pengkaji akan memaparkan bentuk-bentuk karya fiqh ibadat yang diterbit sekitar tahun 1998 hingga 2008. Setelah diamati pengkaji mendapati dua bentuk karya telah dihasilkan sekitar tahun-tahun tersebut iaitu bentuk karya popular dan ilmiah. Karya berbentuk popular mendominasi pengeluaran karya-karya fiqh sekitar tahun tersebut berbanding karya berbentuk ilmiah. Karya fiqh popular bermaksud karya fiqh yang berbentuk panduan umum. Manakala karya fiqh ilmiah bermaksud karya yang bersifat ilmu

pengetahuan[294] atau karya yang mengandungi perbahasan dan huraian ilmiah, kritikan, dan pentarjihan isu. Di bawah adalah jadual tentang bentuk-bentuk karya fiqh yang dihasilkan:-

**Rajah 4.7 : Pembahagian Bentuk-Bentuk Karya Fiqh Tahun 1998-2008**




Melalui Rajah 4.7 dapat dilihat kebanyakan penulis menghasilkan karya berbentuk popular iaitu sebanyak 41 buah karya atau 82%. Manakala karya berbentuk ilmiah hanya diterbitkan sebanyak 9 buah karya iaitu 18%. Ini bermakna penulis lebih cenderung menghasilkan karya yang berbentuk panduan umum dan santai dibaca oleh masyarakat.

---

[294] Perkataan ilmiah bermaksud bersifat ilmu pengetahuan. Pusat Rujukan Pesuratan Melayu @ DBP, dicapai 11 Julai 2013, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ilmiah.

**6.0 Penerbit Karya-Karya Fiqh Ibadat 1998 Hingga 2008.**

Dalam tajuk ini pengkaji akan memaparkan senarai penerbit yang terlibat dalam menghasilkan karya fiqh ibadat pada tahun-tahun tersebut. Senarai penerbit yang memainkan peranan penting tersebut ialah:-

Perniagaan Jahabersa.

1. Faza Publication Enterprise.
2. Darul Fuqaha Enterprise.
3. Telaga Biru Sdn Bhd.
4. Progressive Publishing House Sdn Bhd.
5. I Book Publication Sdn. Bhd.
6. Crescent News (K.L).
7. PTS Millennia Sdn. Bhd.
8. Pustaka al-Shafa.
9. Sinar Media Services.
10. Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd.
11. CA ED Enterprise.
12. Al-Hidayah Publications.
13. Penerbitan Seribu Dinar.
14. Jazmin Publications.
15. Kharisma Network Sdn. Bhd.
16. Karya Bestari Sdn. Bhd.
17. Darul Nu’man.
18. Pustaka Ilmi.
19. Al-Falah Publications.

20. S.A.Al-Habshee Sdn. Bhd.

21. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.

Di kalangan penerbit-penerbit ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa penerbit yang aktif menghasilkan karya fiqh ibadat. Terdapat 9 penerbit disenaraikan dikalangan penerbit yang banyak menghasilkan karya fiqh ibadat iaitu Pustaka al-Shafa, Perniagaan Jahabersa, Progressive Publishing House Sdn. Bhd., Faza Publication Enterprise, Darul Fuqaha Enterprise danTelaga Biru Sdn Bhd. Crescent News (K.L), Pustaka Ilmi dan Al-Hidayah Publishers.

**Rajah 4.7 : Senarai Penerbit Karya Fiqh Ibadat.**




Melalui Rajah 4.8 dapat dilihat Pustaka al-Shafa adalah syarikat percetakan yang paling banyak menerbitkan buku iaitu sebanyak 8 buah atau 16%. Menuruti syarikat tersebut adalah Perniagaan Jahabersa yang menerbitkan sebanyak 6 buah karya atau 12%. Manakala Progressive Publishing House Sdn. Bhd.Telah menerbitkan sebanyak 4 buah karya atau 8%. Selain itu,

Crescent News (K.L), Telaga Biru Sdn. Bhd., Darul Fuqaha Enterprise, Faza Publications Enterprise, Pustaka Ilmi, dan Al-Hidayah Publishers masing-masing menerbitkan sebanyak 3 buah karya atau 6%. Jasmin Enterprise satu-satunya penerbit yang menghasilkan 2 buah karya atau 4%. Selebihnya adalah syarikat-syarikat lain yang masing-masing mengeluarkan sebuah karya sahaja atau 2%. Namun, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dan sebagainya yang pada pendapat pengkaji mempunyai kemampuan untuk turut serta dalam bidang penerbitan karya-karya fiqh ini langsung tidak tersenarai sebagai penerbit. Sepatutnya pihak-pihak berkenaan mendahului pihak swasta kerana isu ibadat ini sangat penting kepada masyarakat Islam.

## 7.0 Penulis-Penulis Yang Terlibat Menghasilkan Karya

Dalam tajuk ini pengkaji akan menyenaraikan penulis-penulis yang terlibat menghasilkan karya-karya fiqh ibadat sekitar tahun-tahun tersebut. Penulis yang disenaraikan ini adalah penulis-penulis asli dan juga penterjemah. Berikut adalah senarai yang terlibat dalam menghasilkan karya-karya yang dikaji sama ada menulis secara sendirian ataupun barsama:-

1. Mohd Zul Helmi,
2. Azhar Haji Yahya,
3. Dato’ Ahmad Yusuf Amin,
4. Muhammad Huzaifah,
5. Abd Aziz Ismail,
6. Muhammad Yusof Ismail,

7. Abd Rasyid Idris,
8. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri,
9. Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri,
10. Hafiz Firdaus Abdullah,
11. Ibn Muhammad al-Fandahani,
12. Wan Ismail Muhammad,
13. Maszlee bin Malik,
14. Abdul Rahman Mohammed,
15. Muhammad Ramzi Omar,
16. Rasul bin Dahri,
17. Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani,
18. Dato' Ismail Kamus,
19. Muhammad Nidzam Abdul Kadir,
20. Rohidzir Rais,
21. Hamidah binti Mat,
22. Kamariah Yusoff,
23. Azizah binti Ismail,
24. Fadilah binti Yaacop,
25. Mustafa Suhaimi,
26. Yahya Nuryadi,
27. H. Syahrin Bin Jasah,
28. Akmal Haji Md Zain,
29. Abu Inas Husayna Abu Nafidah,
30. Mustafa Abdullah,
31. H. Mujiburrahman,

32. Ismail Hj. Ali,
33. Syed Mahazan Bin Sayed Daud,
34. Muhammad Isa Selamat,
35. Muhammad bin A. Rahman,
36. Johari Hj. Alias,
37. Dr. Yusuf al-Qardhawi,
38. H. Ramlan Mardjoned,
39. Zuhar Saad (Penterjemah),
40. Mujahidin Nuryadi (Penterjemah),
41. Dr. Basri bin Ibrahim,
42. Abu Muhammad,
43. Muhammad Zulhelmi,
44. Abdullah,


Senarai Penulis-Penulis Karya Fiqh Ibadat dan Bilangan Karya Yang Dihasilkan
Dr. Basri Bin Ibrahim 2%
Mustafa Abdullah 2%
Yahya Nuryadi 2%
Mustafa Suhaimi 2%
Abu Inas Husayna Abu Nafidah 2%
Zuhar Saad 2%
Abu Muhammad 2%
Ahmad Yusuf Amin 2%
Muhammad Huzaifah 2%
Dr. Yusuf al-Qardhawi 2%
Muhammad Yusof Ismail 2%
H. Ramlan Mardjoned 2%
Mohd Zul Helmi 2%
Abd Aziz Ismail 6%
Mujahidin Nuryadi 2%
Ismail Hj. Ali 2%
Akmal Hj. Md Zain 2%
Azhar Haji Yahya 8%
Abd Rasyid Idris 2%
H. Mujiburrahman 2%
Syed Mahazan Bin Sayed Daud 2%
Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri 4%
Mohd Khairuddin Aman Razali at Takiri 2%
Muhammad Isa Selamat 2%
Rohidzir Rais 2%
Muhammad Ramzi Omar 4%
Muhammad al-Qasim 2%
H. Syahrin Jasah 10%
Abdul Rahman Mohammed 4%
Hafiz Firdaus Abdullah 2%
Dato' Ismail Kamus 2%
Rasul bin Dahri 2%
Abdullah 2%
Johari Hj. Alias. 2%
Ibn Muhammad al-Fandahani 2%
Maszlee bin Malik 2%
Muhammad Nidzam Abdul Kadir 2%
Muhammad Zulhelmi 2%
Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani 2%
Wan Ismail Muhammad 2%

Melalui rajah 4.8 dapat dilihat H. Syahrin Jasah adalah penulis yang banyak menulis karya fiqh pada tahun-tahun tersebut iaitu sebanyak 5 buah atau 10%. Menuruti penulis tersebut adalah Azhar Haji Yahya yang menulis sebanyak 4 buah karya atau 8%. Manakala Abdul Aziz Ismail antara yang banyak menulis sekitar tahun-tahun tersebut iaitu sebanyak 3 buah karya atau 6%. Selain itu, Abdul Rahman Muhammed, Muhammad Ramzi Omar, dan Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri masing-masing menghasilkan sebanyak 2 buah karya atau 4%. Manakala selebihnya masing-masing hanya menulis sebuah karya sahaja.

Terdapat juga yang terlibat dikalangan mereka adalah pensyarah-pensyarah universiti seperti Prof. Madya Dr. Anisah Abd. Ghani.[295] Hal ini, adalah satu perkembangan yang baik dan memberangsangkan kepada penerbitan fiqh kerana mereka adalah golongan yang mahir dalam bidang tersebut. Justeru, usaha mereka perlu dijadikan contoh oleh pensyarah-pensyarah lain yang belum menerbitkan karya-karya fiqh ibadat dan sebagainya.

## 8.0 Kesimpulan

Berdasarkan data dan analisis yang dibentangkan didapati bahawa karya-karya fiqh ibadat 1998 sehingga 2008 telah mengalami trend perubahan baru yang sesuai dengan keadaan masa tersebut. Trend-trend perubahan tersebut boleh dilihat kepada beberapa metode baru yang digunakan. Justeru, metode penyusunan telah menampil pembaharuan iaitu seperti soal jawab yang ditulis

---

[295] Anisah Ab. Ghani adalah pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Lihat http://umexpert.um.edu.my/papar_cv.php, dicapai pada 10. 11. 2012.

dengan bahasa pasar. Manakala metode topik atau bab telah dipertingkatkan dengan menampilkan susunan yang kemas dan teratur untuk memudahkan masyarakat membaca karya-karya tersebut.

Metode persembahan yang bergambar dan berjadual antara trend baru yang ditampilkan oleh penulis-penulis tahun-tahun tersebut. Trend penulisan secara satu tema menjadi pilihan mereka memandangkan trend ini menjadi pilihan masyarakat. Tema-tema ini seperti solat, puasa, bersuci, dan pengurusan jenazah.

Analisis tersebut juga menampilkan bahawa aliran pemikiran penulis-penulis karya-karya fiqh ibadat lebih terbuka sepanjang 10 tahun tersebut. Pengkaji mendapati karya-karya yang dihasil telah merujuk kepada pelbagai sumber termasuk kepada fatwa-fatwa semasa dan ulama-ulama kontemporari. Justeru, dengan keterbukaan tersebut banyak isi-isi kandungan karya-karya ini sesuai, praktikal, dan realistik dengan zaman moden dan masyarakat terpelajar. Pengkaji berpendapat trend sederhana yang ditampilkan dengan masih bermazhab Syafi‘i dan terbuka menerima pendapat lain oleh sebahagian penulis adalah paling sesuai untuk masyarakat Malaysia. Hal demikian ini, perlu diteruskan oleh penulis-penulis sekarang dan akan datang.

Dari sudut bentuk karya, pengkaji mendapati dua jenis karya telah dihasilkan iaitu karya berbentuk popular dan ilmiah. Bentuk popular telah mendominasi penerbitan karya-karya fiqh sekitar tahun-tahun tersebut.

Dari aspek penerbitan kebanyakan yang terlibat menghasilkan karya-karya adalah syarikat penerbitan swasta sahaja. Manakala pihak kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka dan sebagainya yang sepatutnya terlibat sama dalam menghasilkan karya-karya fiqh ibadat ini langsung tidak tersenarai dalam kajian ini.

Penglibatan kecil pensyarah-pensyarah universiti adalah satu permulaan yang baik kepada masyarakat negara ini. Oleh itu, contoh ini boleh dijadikan dorongan kepada agamawan yang berada di menara gading seluruh negara untuk mereka terlibat sama menghasilkan karya-karya fiqh ibadat pada masa akan datang.

# PENUTUP:

# KESIMPULAN DAN SARANAN

## 1.0 Pendahuluan

Perbincangan mengenai karya-karya fiqh ibadat 1998 sehingga 2008 di Malaysia telah dibahas oleh pengkaji secara ilmiah. Lantaran itu adalah wajar pada bab yang terakhir ini dikemukakan kesimpulan dan saranan bagi mempertingkatkan perkembangan ilmu. Rumusan dan cadangan yang baik sangat penting untuk diberi perhatian oleh pihak yang berkaitan supaya perkembangan ilmu Islam terus ke hadapan. Selain itu, pengkaji akan membuat penilaian dari sudut keistimewaan dan kelemahan karya-karya fiqh ibadat 1998-2008.

## 2.0 Kesimpulan Kajian

Karya-karya fiqh ibadat 1998 sehingga 2008 telah memberi sumbangan kepada perkembangan pengajian fiqh di Malaysia. Sebenarnya, karya-karya fiqh ibadat telah melalui satu sejarahnya tersendiri. Sebelum tahun 1998 karya-karya fiqh telah berkembang dengan baik yang berjaya membentuk kefahaman dan amalan mengikut keperluan semasa ketika itu.

Kehadiran karya-karya seperti *Pedoman Pesakit Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi, 100 Persoalan Puasa dan Darah Wanita Pandangan Ulamadan Pakar Perubatan* telah berjaya merubah persembahan

karya-karya fiqh ibadat di Malaysia. Melalui pendekatan-pendakatan metode penyusunan yang lebih kemas dan tersusun seperti metode soal jawab telah mempertingkatkan mutu karya-karya fiqh di Malaysia. Persembahan berbentuk gambar dan jadual telah mempertingkatkan nilai dan mutu karya-karya ini. Tema-tema yang berasingan telah menjelaskan lagi perbezaan karya-karya ini dengan sebelumnya. Akhirnya pendekatan yang sederhana dengan masih menggunakan mazhab Syafi'i sebagai mazhab dasar kepada karya-karya ini telah dapat diterima oleh masyarakat. Kebijaksanaan penulis dengan memaparkan keterbukaan dengan menerima pendapat-pendapat ulama-ulama mazhab dan kontemporari telah membawa karya-karya ini keluar daripada bentuk-bentuk lama yang hanya memindahkan hukum-hukum fiqh ibadat *turāth* yang tidak realistik dengan faktor-faktor semasa dan sebagainya.

Rujukan utama karya fiqh ibadat tersebut adalah sesuai dengan rakyat Malaysia ini ialah al-Qur'an al-Karim, kitab-kitab Hadith, kitab-kitab fiqh turath dan kitab-kitab fiqh kontemporari seperti *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, *al-Iqnā'*, *Mughnī Muhtāj*, *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syāfi'i*, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* dan sebagainya. Selain itu, pengarang juga merujuk kepada karya-karya fatwa seperti *Fatāwā al-Mu'āṣarah,* dan sebagainya.

Oleh itu, melalui latar belakang dan sejarah karya-karya ini maka boleh disimpulkan bahawa untuk menerbitkan sesebuah karya fiqh ibadat yang bermutu perlu kepada beberapa asas seperti:

i. Metode penyusunan yang baik.

ii. Metode persembahan terkini.

iii. Isi kandungan yang semasa.

iv. Mengekalkan isi kandungan mazhab Syafi‘i.

v. Menganalisis kembali hukum-hukum fiqh yang agak tidak sesuai, berpandukan al-Quran dan al-Hadith dengan melihat kembali kepada faktor-faktor semasa, keadaan dan tempat.

Namun, sebahagian karya masih mengekalkan bentuk-bentuk penulisan lama yang hanya memindahkan hukum-hukum fiqh *turāth* sepenuhnya. Akhirnya karya ini tidak mampu berpijak di atas suasana keadaan dan tempat ketika itu. Rujukan utama karya-karya ini adalah kitab-kitab *turāth seperti al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, *al-Iqnā‘*, *Mughnī Muhtāj* dan sebagainya.

Sebahagian lagi bentuk penulisan yang lain langsung tidak mengambil pendekatan bermazhab. Walaupun baik, namun hanya sesuai kepada sebahagian kecil rakyat negara ini sahaja. Rujukan utama karya-karya ini adalah kepada al-Qur‘an al-Karim dan kitab-kitab al-Hadith.

Manakala, bentuk-bentuk karya-karya sekitar tahun-tahun tersebut terbahagi kepada dua bentuk iaitu karya ilmiah dan popular. Bentuk popular mendominasi pengeluaran pada tahun-tahun tersebut. Kedua-dua bentuk ini memainkan peranan tersendiri dalam memberi kefahaman kepada masyarakat berkaitan dengan ibadat.

Penglibatan beberapa nama dikalangan pensyarah universiti juga adalah perkembangan yang baik. Penglibatan pensyarah yang mahir ini dalam penulisan fiqh ibadat boleh memberi kesan yang sihat kepada penerbitan karya yang lebih bermutu tinggi berbanding sebelumnya.

Penerbit-penerbit yang tersenarai di dalam kajian ini hanya penerbit-penerbit swasta. Pada pendapat pengkaji penerbitan karya fiqh ibadat ini perlu kepada dokongan dan usaha yang serius daripada pihak kerajaan terutama sekali Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dewan Bahasa dan Putaka (DBP), Majlis atau Jabatan Agama Negeri-Negeri, Jabatan Mufti dan sebagainya. Malangnya setakat kajian ini dijalankan pengkaji tidak menemui karya-karya yang dihasilkan oleh pihak yang dimaksudkan.

## 3.0 Saranan

Hasil daripada kajian ini beberapa saranan dan cadangan perlu diutarakan oleh pengkaji bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam. Oleh itu, penkaji akan bahagikan kepada saranan yang bersifat umum dan khusus. Melalui saranan ini diharap pihak yang berkaitan dapat memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Saranan tersebut adalah seperti berikut :

1. Pengkaji menyarankan supaya diadakan seminar mengenai karya-karya fiqh ibadat selepas merdeka dibuat khususnya mengenai fiqh ibadat. Dengan adanya seminar ini, pihak-pihak yang terlibat dengan penerbitan karya fiqh akan terdedah dengan kelebihan dan kekurangan karya-karya

yang telah diterbitkan. Justeru, pihak tersebut boleh membuat pembaharuan dengan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud. Manakala seminar ini juga baik untuk masyarakat sebagai pendedahan baru kepada mereka.

2. Kerajaan Malaysia perlu mewujudkan Dewan Pustaka Fiqh yang berperanan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menguruskan penerbitan-penerbitan karya-karya mengenai fiqh. Kewujudan Dewan Pustaka Fiqh ini amat penting kerana masyarakat memerlukan karya-karya yang bermutu tinggi sebagai panduan mereka dalam soal ibadat dan sebagainya. Dengan adanya agensi ini akan penerbitan karya-karya fiqh lebih tersusun dan terancang. Justeru, karya-karya fiqh yang akan dihasilkan menepati dengan tuntutan semasa dan *'uruf* masyarakat Malaysia dewasa ini.

3. Penulis-penulis fiqh perlu berusaha menyiapkan sebuah karya fiqh ibadat yang lengkap berpandukan metode baru dan kandungan yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat moden semasa. Antara perkara yang perlu disentuh adalah isu-isu semasa mengenai ibadat orang sakit dan isu-isu wanita mengenai ibadat yang masih terikat dengan ibadat aliran tradisional yang berat untuk dilaksanakan. Hal ini boleh diatasi dengan penulis-penulis menafsirkan semula nas-nas berkaitan yang masih wujud ruang kemudahan padanya.

4. Pengkaji juga menyarankan supaya penulis-penulis perlu memastikan penulisan karya fiqh yang akan dihasilkan mengambil kira lima faktor keluasan dan kehebatan yang terdapat dalam syariat Islam yang dikemukakan oleh Syaykh Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam penulisannya bertajuk *'Awāmil al-Si'ah wa al-Murūnah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*[296]. iaitu:

   1. Luasnya ruang kemaafan atau kekosongan yang sengaja ditinggalkan.

   2. Pengutamaan nas-nas syarak terhadap hukum yang bersifat umum (*kullī*).

   3. Kemungkinan nas-nas tersebut untk menerima pelbagai pemahaman.

   4. Meraikan keperluan dasar (*al-ḍarūriyyāt*), keuzuran dan keadaan khusus yang dikecualikan daripada hukum.

   5. Perubahan fatwa berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan *'urf*.

[296] Al-Qaraḍāwī (1999), *op.cit.*, h. 15.

# BIBLIOGRAFI

AL-Quran al-Karim

## BAHASA ARAB

Al-Qaraḍāwī (1999) *'Awāmil al-Si'ah wa al-Murunah fi al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, kahirah, Dar al-Ṣafwah.

Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahyā b Syaraf al-Nawāwī (1995), *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*. T.T.P.: Dar Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi. j. 4.

Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albāni (1985), *Irwā' al-Ghalīl fi Takhrij Ahādith Manār al-Sabīl,* Beirūt :Maktabah al-Islāmī.

Maḥyuddin bin Syaraf al-Nawāwī (t.t) *kitab al-Majmū'*. Jeddah: Maktabah al-Irsyād,

Muhammad al-Khātib al-Syarbīnī, *al-Iqnā,* Singapura, Maṭba'ah Sulaiman Mar'i, j. 1.

Muḥammad Ibn 'Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī, (1327H), *Irsyād al- Fuḥūl*, Kaherah: Dār al-Sa'ādah.

Syamsuddin Muḥammad bin Aḥmad al-Syarbīnī (1940), *al-Iqnā'*,j. 1,Mesir: Matba'ah Musṭafā al-Bāb al-Halabī wa aulāduhu.

Imām al-Hāfiz Abī al-Husain Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qasyairī (2000), *Saḥiḥ Muslim*, j. 4, Saudi Arabiah: Dār al-Salām li Nasyr wa al-Tauzī'.

## BAHASA MELAYU

Abdul Aziz Ismail (2004),*Risalah Puasa*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Abdul Kadir bin Hj Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*,Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdul Rahman Mohamed (2006), Pelik Tapi Benar Dalam Solat, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abdul Rahman al-Ahmadi (1985), "*Ibn Battutah Pernah Singgah di Kuala Kerai Kelantan*",

Abdullah, *Panduan Mendirikan Sembahyang Berjemaah* (Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 2002).

Ā'iḍ 'Abdullāh al-Qarnī, *Ṣifat-Ṣifat Ṣolāt Nabi*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2008). (terjemahan)

Abd Rashid Banjar (t.t), *Perukunan Sembahyang*, T.T.P: Maktabah wa Matbaʻah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh.

Abdul Aziz Ismail (2008), *Solat Jumaat, Huraian Menurut al-Qur'an dan Hadith,* Kuala Lumpur: Proggresive Publishing House Sdn. Bhd.

Abd Rasyid Idris (2005), *Amalan Talkin Satu Perbahasan Ilmiah,* Selangor: Darul Fuqaha Interprise.

Abdul Rahman Mohamed, *Panduan Lengkap Menghalusi Solat Bergambar*, (Selangor: Kharisma Networt Sdn. Bhd., 2001).

Abu Inas Husayna dan Abu Nafidah , *Manasik Haji Dan Umrah* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2008).

Abu Bakar al-Ashaari (1953), *Pedoman Ibadat Puasa (Jawi).* Pulau Pinang: Muhammad Ali al-Rawi,

Abdul Halim El-Muhammad 1986, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah.* KualaLumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia,

Abu Muhammad, *Pengurusan Jenazah Menurut Empat Mazhab dan Doa-Doa Menghadapi Mati*, (Selangor: Jasmin Publications, 1999).

Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu),* Selangor, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Akmal Md Zain, *Bimbingan Pengurusan Mayat* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1999).

Ahmad Daudi. Syeikh Nuruddin Al-Raniri*: Sejarah Karya Sanggahan Terhadap Wujudiah di Aceh. Jakarta*: Bulan Bintang:

A. hasjmy 1983. *Syiah dan Ahlussunah saling rebut pengaruh dan kekuasaan sejak awal sejarah Islam di Kepulauan Nusantara*. Surabaya: Bina Ilmu

Azhar Hj. Yahya *et. al.* (2008), *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi,* Kuala Lumpur : Faza Pablication Enterprise.

____________________(2000), *100Persoalan Puasa,* Kuala Lumpur: Faza Publications, halaman muka belakang.

____________________ (2007), *Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan Motivasi.* Kuala Lumpur: Faza Publications, halaman kulit belakang.

Ahmad Yusuf Amin (2000), *Solat Pengertian, Kaifiyatnya Berdasarkan al-Quran Dan al-Sunnah,* Johor: Perniagaan Jahabersa.

Anisah Ab. Ghani (2007), *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan* , Selangor: CA ED Enterprise.

Badriyah Haji Salleh (1984), *KampungHaji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka,

Basri bin Ibrahim, *Panduan Wudhuk, Sembahyang Berjemaah* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2004).

Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *Muniat al-Musallī,* (t.t.p)Percitakan al-Maarif Sendirian Berhad.

Hafiz Firdaus Abdullah (2005), *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Harun Mat Piah et al. (2006), *Kesusasteraan Melayu Tradisional,* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

H. Ramlan Mardjoned, *Akikah*, (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2006).

Hamedi Mohd. Adnan (1996), *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia,* Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya,

H. Syahrin bin Jasah, *Panduan Solat Sunat Hujan* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

___________________, *Panduan Solat Sunat Gerhana* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

____________________, *Panduan Solat Sunat Tahiyat al-Masjid,* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2007).

Ibnu Muhammad Al-Fandahani (2006), *Kaifiyat Haji dan Umrah* , Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

__________________________(2006), *Kaifiyat Bersuci* , Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Ismail Haji Ali, *Panduan Sembahyang (lelaki)*, (Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd., 2006).

Ismail Che Daud (2001), tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1), cet.3, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h.587-589).

Ismail bin Kamus et. al. (2008), *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya,* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Johari Haji Alias, *Panduan Praktis Haji dan Umrah*, (Kuala Lumpur: Darul Nu’man, 2001).

Khairuddin Haji Muhammad, (1981) *Tok Ku Tuan Besar dan Ulama sebelumnya, Dalam Memperigati Tokoh Ulama Silam Yang Ke vi*. Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahyuddin bin Hj Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Maryam binti Abdul Majid (1980), *Persoalan Ibadah Puasa*, Johor Baharu, Jabatan Agama Johor.

Mat Saad Abd. Rahman (1986), *Penulisan Fiqh al-Syafii Pertumbuhan dan Perkembangannya,* Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

Maszlee Malik et. al. (2000), *Fikah Luar Negara Mudah Pratik Islam di Mana-Mana,* Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Mohd Soleh Hj Ahmad (2006), *Panduan Solat Jemaah dan Solat Musafir Jama' dan Qasar,* Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abd Majid.

Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam Dan Masyarakat Melayu*, cet. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Zul Helmi (1998), *Persoalan Ibadah Puasa*, Johor Baharu,: Perniagaan Jahabersa.

Muhammad Zulhelmi, *Solat Tarawih dan Qiamullail Mengimarahkan Syiar Ramadhan* (Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar, 2006).

Muhammad bin A. Rahman, *Panduan Amalan Ibadat Harian* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2001).

Muhammad Isa Selamat, *Panduan Ibadat Dalam Perjalanan* (Selangor: al-Falah Publications, 2002).

Muhammad Ramzi Omar, *Hukuman dan Persoalan Sembahyang Jemaah,* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2007).

Muhammad Yusof Haji Ismail (2000), *Panduan Lengkap Sembahyang Sunat,* Johor : Perniagaan Jahabersa.

Muhammad Huzaifah (2002), *Panduan Solat Jemaah,* Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.

Muhammad Abu Zahrah (2005), *Usul Fiqh.* Saefullah Ma'sum(terj.) Indonesia: Pustaka Firdaus.

Mujiburrahman, *Panduan Lengkap Solat Berjemaah Menurut Mazhab Syafi'i* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2006).

Mustaffa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia, c. 1,* Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Universiti Malaya.

Muhammad Ramzi Omar (2007), *Hukum dan Persoalan Sembahyang,* Kuala Lumpur: Sinar Media Services.

Mohd Dahlan Mansoer (1976), *Pengantar Sejarah Nusantara Awal,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Muhammad bin Ismail Daud Fatani (t.t), *Maṭla‘ al-Badrain wa Majma‘ al-Baḥrain,* Singapura: Pustaka Nasional.

Mustafa Suhaimi, *Panduan Solat Kaifiat & Fadhilatnya*, (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2006).

Nabir bin Haji Abdullah (1976), *Maahad il Ihya as Syariff, Kuala Lumpur:* Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (peny), *Kelantan dalam perspektif Sosialbudaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan,* Kota Bharu : Pakatan Tuan Tabal.

Rasul bin Dahri (2007), *Sabda Rasulullah Solatlah Sebagaimana Kamu Melihat Aku Solat,* Johor: Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd.

Rohidzir Rais (2009), *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Solat 2 Tapi Anda Malu Bertanya,* Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Shafi‘i bin Abu Bakar (1977), *Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara: Dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Ismail Muhammad et. al. (2006), *Fiqh Amali,* Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.

Yahya Nuryadi, *Bersuci*, (Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., 2007).

Zulkarnain Dollah *et al*.( 2008), *120 Persoalan dan Panduan Praktikal Solat Jamak Dan Qasar*. Selangor: Lakhauf Management Services.

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2005), *Hukum Bacaan Al-Quran Untuk Si Mati. dakah Sampai Pahalanya,* Selangor: Darul Fuqaha Interprise.

___________________________(2005), *Hukum Wanita Menjadi Imam Solat – Kontroversi Solat Jumaat Dr. Aminah Wadud,* Selangor: Darul Fuqaha Interprise.

**BAHASA INGGERIS**

S.Q Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*, Singapura: Malaysia Socialogical Reserch Institute Ltd.

R.O. Winstedt 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxfort University Press.

**TESIS/ DISERTASI**

Abdul Kadir bin Hj Muhammad (1989), "Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia", (Disertasi Master Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya),

Alias bin Abdullah, "Program Masjid Di Kuala Terengganu: Kajian Tentang Keberkesanannya" (tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008),

Mohd Pakhruddin bin Abdullah (2003), Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuh : Suatu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya, (Disertasi Master, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya),

Noor Naemah binti Abd. Rahman (2003), "Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis" (Tesis Ph.D,Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nurlidzha binti Mohd Nawi, "Akademi Islam Universiti Malaya Nilam Puri: Sejarah Penubuhan dan Satu Keterangan Ringkas 1980-1990" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003),

Salehah binti Ali, (1997), Pengajian Fiqh di Masjid Wilayah Persekutuan kuala Lumpur : Satu Kajian Mengenai Kaedah Penyampaian dan Penerimaan Ahli Jamaah, (Kajian Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Zurita binti Mohd Yusoff, (2004), "Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu, Kuala Lumpur", (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

**JURNAL/ KERTAS KERJA**

Abd. Jalil bin Hj. Borhan (1993), "Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara",*Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 3, Julai 1993.

Fadhlullah Jamil (Sunt) (1994), *Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam di Pulau Pinang: Islam dan Masyarakat Jilid 1*, Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Raihanah Abdullah et al. (2007), "Fiften years of Jurnal Syariah (1993-2007): a bibliometric study" (Malaysian Journal of Library & Information Science).

Rahimin Affandi bin Abdul Rahim (1993), "Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan", (*Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 2).

Mohd Kamil Hj Abd Majid (1993), "Sejarah Perkembangan Hukum Islam Di Malaysia Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan", (Jurnal Syariah, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya)

Sabariah Binti Haji Bahrun (2008), "Sistem Ejaan Jawi Yang diKemaskini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: Satu Tinjauan" (Kertas Kerja, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah),

Shafi'i Abu Bakar, (1989), Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis), dalam Warisan, no.5.

Umar Jah (1977), "The Importance of Ijtihad in The Development of Islamic Low" (Journal of Islamic Comparative Law),

**INTERNET**

Lihat http://www.malaysiakini.net/

http://www.malaysiakini.net/

http://umexpert.um.edu.my/papar_cv.php,

http://infad.usim.edu.my

http://infad.usim.edu.my

http://prpm.dbp.gov.my

http:// .infad.usim.edu.my

http://www.e-fatwa.gov.my/terengganu

**KAMUS**

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2007),*Kamus Dewan,* Edisi Keempat, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

LAMPIRAN A: GAMBAR-GAMBAR MUKA BUKU




PERSOALAN
IBADAH
PUASA
Mohd Zul Helmi


Huraian Menurut al-Quran dan Hadis
Solat Jumaat
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِن يَوْمِ الْجُمُعَةِ
فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ
Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggalkan berjual beli.
(Al-Jumu'ah, ayat 9)
Susunan ABDUL AZIZ ISMAIL

# SOLAT

## PENGERTIAN, KAIFIYATNYA

### BERDASARKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

DATO' AHMAD YUSUF AMIN


Hukum Wanita Menjadi
IMAM SOLAT
Kontroversi Solat Jumaat
Dr. Amina Wadud
"Nasihat saya kepada Saudari Amina Wadud, agar dia kembali menginsafi diri, kembali kepada Tuhannya dan agamanya dan memadamkan fitnah yang tak perlu dibangkitkan ini. Saya juga menasihati saudara-saudaraku lelaki dan perempuan, muslimin dan muslimat di Amerika agar jangan menyahut seruan kontroversi ini dan agar mereka berdiri sebagai satu barisan untuk menghadapi fitnah dan pakatan jahat yang sedang melingkari mereka."
Oleh
USTAZ DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
USTAZ MOHD KHAIRUDDIN AMAN RAZALI AT-TAKIRI
DARUL FUQAHA


Panduan SOLAT JAMA'AH
Keutamaan Solat Berjama'ah
Solat Berjama'ah Bagi Kaum Wanita
Orang Yang Lebih Berhak Menjadi Imam
MUHAMMAD HUZAIFAH
PUSTAKA AL SHAFA


SIRI BIMBINGAN SOLAT
PELIK tapi BENAR
KANDUNGAN BERGAMBAR & BERWARNA PENUH
DALAM SOLAT
BERJALAN DALAM SOLAT? SOLAT SAMBIL MENDUKUNG ANAK?
DAPATKAN PANDUAN SOLAT YANG ANDA
TIDAK TAHU DAN TIDAK SANGKA!
US. ABDUL RAHMAN MOHAMED


ڤاندوان لڠكڤ
سمبهيڠ
سنة
سوسونن محمد يوسف حاج اسماعيل

محمد صالح حاج أحمد

# فندوان صلاة جماعة دان صلاة مسافر

## (جمع دان قصر)

ساتو هوراين منوروت مذهب الشافعي


SABDA RASULULLAH صلى الله عليه وسلم
SOLATLAH
SEBAGAIMANA KAMU MELIHAT
AKU SOLAT
ABU FAROUQ RASUL BIN DAHRI


SOAL JAWAB
remeh-temeh
tentang
SOLAT 2
tapi anda malu
bertanya...
Pelbagai persoalan yang kita ingin persoalkan,
tetapi rasa rendah diri dan takut dipersenda,
kita terus menjadi TIDAK TAHU!
ROHIDZIR RAIS



FAZA PUBLICATIONS
ڤدومن ڤساكيت
Pedoman Pesakit
nduan Bersuci, Solat, Puasa, Ubat-Ubatan dan
USTAZ AZHAR HJ. YAHYA

# FIQH AMALI

Wan Ismail Muhammad
Kamariah Yusoff
Azizah Ismail

iBOOK


(Edisi Kemaskini Berserta Soalan-Soalan Tambahan)
u-satunya buku yang menjawab segala permasalahan solat jamak dan qasar
Persoalan Dan Panduan Praktikal
Solat
Jamak
Dan
Qasar
Oleh: Ustaz Zulkarnain Dollah
Ustaz Azhar Yahya


FAZA PUBLICATIONS
100
PERSOALAN
PUASA
ڤرسوءالن ڤواسا
Ustaz Azhar Haji Yahya
Ustazah Fadilah Haji Yaacob

Siri Kuliah Fardhu 'Ain



# *Kaifiyat* Haji & Umrah

Ibadat yang wajib ditunaikan
sekali seumur hidup untuk yang mampu

**IBNU MUHAMMAD EL-FANDAHANI**


2000 Naskhah Terjual Dalam Masa 2 Bulan
Siri Fekah Islam Semasa (Siri 1)
DARAH
Wanita
Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan
ANISAH AB. GHANI
CA
ED
ENTERPRISE


DF 0011
AMALAN TALQIN
Satu Perbahasan Ilmiah
Suntingan & Ulasan
Ustaz Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri
Tutor FPI UKM

# Hukum Bacaan Al-Quran Untuk Si Mati.

## *Adakah Sampai Pahalanya?*



*Oleh*

USTAZ DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

*Pensyarah Kanan* UNITI

*Editor*

**Ustaz Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri**


Panduan
Solat Sunat
TAHIYATUL MASJID
H.SYAHRIN BIN JASAH
AL SHAFA
Panduan Praktis
HAJI & UMRAH
TALBIAH
لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ،
لَبَّيْكَ لاَشَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ،
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ،
لاَشَرِيْكَ لَكَ.
ISBN983-046-291-9
9 789830 462912
DARUL NU'MAN
$10.00
http://www.darulnuman.com


Panduan
Solat Sunat
HUJAN
H.SYAHRIN BIN JASAH
AL SHAFA


Panduan
Solat Sunat
HARI RAYA
H.SYAHRIN BIN JASAH
AL SHAFA


Edisi BARU
PANDUAN LENGKAP
Menghalusi
SOLAT
Bergambar
USTAZ ABDUL RAHMAN MOHAMED
Mari kita sempurnakan solat seperti Rasulullah SAW
Solat sendiri • Solat duduk, baring & dalam kenderaan •
Mengatasi kesilapan solat • Menjadi imam dalam keluarga


Teman Anda Ke Tanah Suci
Manasik
Haji & Umrah
ABU INAS HUSAYNA
ABU NAFIDAH
AL SHAFA



Orang yang menunda mandi junubnya sehingga ia bangun dari tidur agar membersihkan kemaluannya dan berwuduk terlebih dahulu kemudian tidur.
Wuduk & Tayamum
Mandi Junub
Mandi Haid dan Nifas
Bersuci
Susunan YAHYA NURYADI




Panduan
IBADAH
DALAM PERJALANAN
MUHAMMAD ISA SELAMAT
AL-FALAH


Panduan Lengkap
SOLAT BERJEMAAH
Menurut
Mazhab Syafie
Penyusun:
H. MUJIBURRAHMAN
PUSTAKA ILMI


HAJI MUSTAFA ABDULLAH
PANDUAN
AMALI
PENYELENGGARAAN
JENAZAH
Dari Tahkik Kematian,
Pengkebumiaan dan Tahlil
(Disertai Makna)
Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.


PENGURUSAN
JENAZAH
Menurut Empat Mazhab &
DOA-DOA
Menghadapi
MATI
INSPIRASI HIDUP BERTAKWA
ABU MUHAMMAD
Jasmin


Dr Yusuf Al-Qardhawi
PENJANA KEMANTAPAN ROHANI DAN INTELEKTUAL
100
PERSOALAN
HAJI & UMRAH
KORBAN & HARI RAYA
Jasmin

*Panduan*
**WUDHUK,**
**SOLAT BERJEMAAH**



DR. BASRI BIN IBRAHIM AL-HASANI AL-AZHARI

AL-HIDAYAH

**BIMBINGAN**
**PENGURUSAN**
**MAYAT**



**Akmal Haji Md Zain**

AL-HIDAYAH


AKIKAH
H. Ramlan Mardjoned
AL-HIDAYAH


Panduan
Solat Sunat
GERHANA
H.SYAHRIN BIN JASAH
AL SHAFA


PUASA
Mendidik jiwa memegang amanat
serta kerjakan kebaikan dan
tinggalkan segala larangan
ZAKAT
Ringankan beban fakir miskin
Meratakan nikmat Allah
diberikan kepada manusia
HAJI
Wajib setiap orang Islam telah
memenuhi syarat-syaratnya
hanya sekali seumur hidup
MUAMALAT
Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba


Panduan
IBADAH
KETIKA SAKIT
MUHAMMAD ISA SELAMAT
AL-FALAH


PANDUAN
AMALAN IBADAT
HARIAN
HAJI MUHAMMAD AL-QASIM
PUSTAKA ILMI


QIAMULLAIL
PERINTAH YANG DITINGGALKAN
Abdul Malik al-Qasim
KARYA BESTARI


DR. AIDH ABDULLAH AL-QORNI
Sifat-sifat
SOLAT
Nabi
Terjemahan: MUJAHIDIN NURYADI
AL SHAFA


PANDUAN
SEMBAHYANG
(LELAKI)
Edisi
Terkini
Ustaz Ismail Hj. Ali
CRESCENT
NEWS


SARINGAN DARIPADA KITAB AL-MAJMU'
SYARHUL MUHAZZAB DAN MUGHNI
AL-MUHTAJ ILA MA'ARIFATI
MA'AANI ALFAL AL-MINHAJ
MUHAMMAD RAMZI OMAR
HUKUMAN
& PERSOALAN
SEMBAHYANG
JAMAAH

LAMPIRAN B: GAMBAR DAN JADUAL YANG TERDAPAT DALAM KARYA-KARYA FIQH IBADAT 1998-2008.

HAID

JADUAL 1

**Contoh wanita yang pertama kali mengalami haid dan dapat membezakan warna darah**

| | | | |
|---|---|---|---|
| KES 1 | 1 2 3 4 5 | 6 7 8 9 - 15 | 16 17 - 30 |
| | Darah kehitaman | Darah Kekuningan | |
| | Haid 15 Hari | | Suci |

| | | | |
|---|---|---|---|
| KES 2 | 1 2 3 4 5 | 6 7 8 - 19 | 20 21 - 30 |
| | Darah kehitaman 5 hari | Darah kekuningan 14 hari | |
| | Haid 5 hari | Istihadah 10 hari | Istihadah 4 hari = 19 hari |
| | | Wajib qada' solat dan puasa | Wajib solat |

Jadual I, menunjukkan bahawa kes pertama, darah keluar kehitaman selama lima hari, mulai 1 haribulan hingga 5 haribulan. Kemudian diiringi oleh darah kekuningan selama sepuluh hari mulai 6 haribulan hingga 15 haribulan berjumlah 15 hari. Kesemua 15 hari itu dikira haid, iaitu tempoh kesemuanya maksimum haid.

**Soalan 156**

Seorang sahabat saya yang baru pulang dari Mesir bersolat tanpa memakai telekung. Saya hairan kerana katanya **tidak wajib pakai telekung** sedangkan sepanjang pengetahuan saya semua orang perempuan solat mesti pakai telekung. Apa pandangan Ustaz?

*Jawapan:* Memakai telekung ketika solat hanya dilakukan oleh **Muslimat Asia** termasuk negara kita sedangkan di negara-negara lain Muslimatnya bersolat dengan pakaian biasa asalkan menutup aurat. Oleh itu, fungsi telekung ini hanya untuk **memenuhi syarat sah solat** iaitu menutup aurat.

**Tetapi, jika seseorang itu memakai baju yang labuh, tudung yang menutup dada dan memakai stoking, dia sudah boleh bersolat kerana auratnya dalam solat telah ditutup.**

Malangnya jika diperhatikan, sebahagian Muslimat memakai telekung yang menutup aurat dengan sempurna dan tertib ketika solat, tetapi memakai pakaian *"semi bogel"* ketika di luar solat.





Membasuh kedua tangan hingga kedua siku

*( Fardhu Wudhuk)*



Menyapu sedikit air di bahagian rambut / kepala.

*( Fardhu Wudhuk )*



**Berkumur-kumur**

Kemudian **memasukkan air ke dalam hidung** dan mengeluarkannya semula (sunat)



**Niat:**

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْاَصْغَرِ لِلّٰهِ تَعَالَى

*"Sengaja aku mengangkat hadas kecil kerana Allah Taala"*

**Membasuh muka :**
Wajib dibasuh dari tempat mula tumbuh rambut di atas kepala sehingga tempat tumbuh janggut. Melintang pula antara dua anak telinga

*( Fardhu Wudhuk )*

## Solat Sambil Mengendong Bayi

1



Kendong Bayi

2



Pegang Erat Tubuh Bayi

3



Rukuk Memegang Bayi

4



Duduk Sebelum Sujud

5



Letakkan Bayi

6



Sujud